

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA

Bil. 7

Khamis

31 Mac 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 25)

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 57)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 31 Mac 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sukacita saya memaklumkan bahawa perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah ditetapkan selama lapan hari bermula pada 22 Mac hingga 4 April 2005. Hari ini ialah hari ketujuh perbahasan dan kita hanya tinggal sehari sahaja lagi pada Isnin depan. Sehubungan dengan itu, saya berhasrat untuk melanjutkan waktu persidangan sehingga pukul 7.30 malam pada hari ini dan juga hari Isnin minggu hadapan untuk memberi peluang lebih ramai Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas. Jika keadaan memerlukan dan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap, saya akan mengurangkan masa untuk Ahli-ahli Yang Berhormat berucap.

1. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan sejauh manakah penggunaan teknologi penderiaan jauh (*remote sensing*) membantu peramalan cuaca dan bencana alam di negara kita. Apakah rancangan kerajaan untuk bekerjasama dengan negara-negara jiran dalam mengemaskinikan perkembangan teknologi tersebut dan mengadakan jaringan untuk persediaan menghadapi ancaman bencana alam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Menyedari potensi besar penggunaan teknologi *remote sensing* bagi meningkat kecekapan dan keberkesanan pengurusan bencana alam, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui Pusat Remote Sensing Negara (*Malaysian Center for Remote Sensing – MACRES*) sedang bekerjasama dengan

bahagian keselamatan negara dan beberapa agensi lain menggunakan teknologi berkenaan bagi membangunkan pakej-pakej sistem pengurusan bencana, kebakaran hutan dan jerebu, tanah runtuh, banjir dan Tsunami di negara kita ini. Sistem ini terdiri daripada tiga komponen utama iaitu amaran awal, pemantauan dan pengesanan dan mitigasi dan bantuan.

Pakej bagi pengurusan kebakaran hutan dan jerebu telah pun digunakan dengan perkhidmatan penuh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Perhutanan. Begitu juga sistem pakej, sistem pengurusan tanah runtuh yang telah mula digunakan oleh Jabatan Kerja Raya bagi pengurusan tanah runtuh lebuhraya negara. Anggaran kawasan yang terjejas kerana banjir Tsunami yang melanda negara baru-baru ini telah pun disediakan melalui penggunaan teknologi *remote sensing*. Manakala pakej sistem pengurusan banjir monsun masih lagi di dalam peringkat pengujian. Selain daripada usaha tempatan mesti khususnya melalui MACRES sedang bekerjasama di peringkat serantau dalam mengadakan inisiatif-inisiatif meningkatkan penggunaan teknologi *remote sensing* bagi pengurusan bencana alam. Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuklah:

- (i) kerjasama serantau di bawah *Asian Sub-Committee on Space Application* yang dipengerusikan oleh Malaysia selama 11 tahun yang mana satu daripada aktiviti utamanya ialah melaksanakan sistem pemantauan kebakaran hutan dan jerebu rantau Asian ekoran negara dilanda kejadian jerebu yang teruk pada tahun 1997 yang lepas;
- (ii) institut kerjasama dua hala dengan Indonesia yang dipersetujui baru-baru ini bagi menyediakan pita risiko Tsunami, peta risiko Tsunami khususnya di Sumatera. Malaysia juga telah dijemput oleh pihak berwajib di negara Thailand bagi mengadakan perbincangan peringkat teknikal dalam usaha bekerjasama dan jaringan dalam bidang yang sama; dan
- (iii) pihak *Asia-Pacific Regional Space Application Forum (APRSAF)* yang diterajui oleh Kerajaan Jepun dan pihak *Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP)* sedang

bekerjasama dengan Malaysia bagi mengadakan satu bengkel khas *Satellite-based Disaster Reduction and Data Sharing* pada bulan Mei tahun ini bagi mengujudkan jaringan bekerjasama serantau dalam bidang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, peristiwa Tsunami yang melanda 12 buah negara membunuh lebih daripada 273 ribu orang sehingga kini masih menghantui masyarakat dunia termasuklah Malaysia yang turut terancam. Dan dua tiga hari kebelakangan ini gegaran berlaku di negara kita - keretakan bangunan, kemunculan lubang mendap (*sinkhole*) yang besar di kawasan kediaman dan di lebuhraya NVE di sempadan kawasan Parlimen Kelana Jaya mungkin merupakan tanda-tanda awalan bahawa dengan perginya Tsunami bongsu kedatangan Tsunami sulung tak lama lagi, dan berharap kedatangannya jangan disambut oleh MACRES, di kawasan MACRES.

Persoalan Tuan Yang di-Pertua, apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa MACRES atau pun Pusat *Remote Sensing* Negara sedang bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk membangunkan sistem pengurusan penjana itu sempat diguna pakai dan efektif. Soalan saya ialah selain dari amaran awal bolehkah dan bagaimanakah penggunaan teknologi GIS *Geographic Information System* dapat disepadukan (*diintegrate*) dengan komponen mitigasi dan bantuan dalam sistem pengurusan bencana yang disebut oleh Setiausaha Parlimen supaya bilangan dan kedudukan mangsa atau penduduk dapat dijangka agar segala jenis bantuan dan kelengkapan yang sesuai dan mencukupi disediakan dengan segera, itu soalan saya. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenar di dalam menyediakan satu data untuk di analisa berkaitan kemungkinan kawasan-kawasan itu perun kepada bencana alam dan sebagai bukan hanya data daripada satu agensi sahaja. MACRES sebenarnya mendapatkan data berkaitan dengan lokasi, kedudukan dan sebagainya daripada *satellite-satellite* yang kita sewa seperti Sport daripada *France* dan sebagainya. Dan bagi agensi lain seperti

Jabatan Pemetaan dan Pengukuran juga mempunyai data-data yang hampir sama dan sebagainya.

Jadi, interagensi atau kerjasama memang dilaksanakan terutamanya di bawah Bahagian Keselamatan Negara yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk mengendalikan data-data dan dianalisa. Bagi satu ataupun bagi *security* mungkin data ini adalah *very confidential* dan hanya *certain* agensi sahaja yang boleh mendapat atau pun *access*. Tetapi kerjasama untuk melaksanakan semua data-data yang kita ada memang dibuat daripada semua agensi. Sebagai contohnya Jabatan Perhutanan bekerjasama dengan MACRES untuk melihat status perhutanan negara di manakan kawasan hutan rizab, simpanan atau di manakan hutan balak yang telah diluluskan untuk dibalak dan manakah kawasan balak yang diguna atau pun dicuri tanpa mendapat kelulusan dan sebagainya. Begitu juga jabatan pertanian untuk menyediakan mapping penggunaan tanah dan sebagainya.

Jadi, memang agensi kerajaan bekerjasama dalam semua hal untuk mendapatkan data mengenai soal data dan untuk tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat tertentu. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya memang penuh keyakinan dengan *capability* dan kecekapan MACRES, tetapi yang saya tidak berapa kurang yakin adalah dengan agensi-agensi kerajaan lain yang kurang mengguna *expertise* MACRES. Sebagai contoh sekiranya PBT baru-baru ini menggunakan perkhidmatan MACRES untuk memantau penebangan hutan di Bukit Cahaya Alam sudah tentu PBT tahu dengan lebih awal apa yang telah berlaku. Ini sudah lebih satu ribu ekar hutan sudah musnah. Persoalan saya sekarang ialah bagaimanakah koordinasi yang lebih cekap, lebih erat dapat di wujud di antara agensi-agensi kerana baru-baru ini saya ada perbincangan MACRES dan mereka menyatakan bahawa inilah masalahnya perkhidmatan mereka jarang dan kurang digunakan oleh agensi-agensi yang lain..

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Cukiplah itu.

Dr. James Dawos Mamit:terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun

menggunakan kepakaran MACRES untuk memantau kawasan-kawasan pembangunan tanah seperti di Bukit Cahaya Seri Alam dan juga kawasan-kawasan lain. Jadi, kita mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana memberi pengiktirafan di atas kepakaran yang kita ada. Terima kasih.

[Soalan No.2 - Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) tidak hadir]

3. **Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan jumlah pengguna telefon bertalian dan telefon bimbit dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan tahap kualiti dan keluasan liputan perkhidmatan telekomunikasi negara.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk memberi jawapan mengenai perkara ini secara serentak kepada pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Mambong pada 12 April 2005, Yang Berhormat bagi Kuala Krai pada 25 April 2005 dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan pada 26 April 2005 yang mana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah mengenai liputan perkhidmatan telefon talian tetap dan selular.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga suku keempat tahun 2004 jumlah pengguna telefon talian tetap ialah 4.446 juta yang mana kadar penembusan adalah 17.2%. Jumlah pengguna telefon bimbit ialah 14.455 juta yang mana kadar penembusannya ialah 55.9%. Kerajaan senantiasa memberi perhatian tinggi kepada penyediaan infrastruktur telekomunikasi di seluruh negara bagi meningkatkan akses rakyat kepada perkhidmatan komunikasi.

Mengenai liputan telefon talian tetap, kementerian ini sedang bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menjadikan perkhidmatan komunikasi sebagai satu perkhidmatan perlu awam (*essential services*) di mana ianya diiktiraf seperti penyediaan bekalan elektrik dan air.

Melalui pindaan akta-akta tertentu di bawah bidang kuasa KPKT perkhidmatan komunikasi perlu dibekalkan di setiap penempatan dan perumahan baru. Langkah ini

akan menyumbang kepada pertumbuhan bilangan pengguna dan perluasan kawasan liputan di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan supaya liputan perkhidmatan telefon bimbit atau selular dilaksanakan ke seluruh negara. Bagi tujuan ini Program Time One (T1) dan Time Two (T2) telah diperkenalkan dan kini sedang dilaksanakan. Program T1 meliputi kawasan-kawasan di Putrajaya, Cyberjaya, Kuala Lumpur, laluan utama yang menggabungkan Kuala Lumpur dengan Putrajaya sehingga ke KLIA serta liputan dalam bangunan di 23 bangunan Kerajaan Persekutuan di Putrajaya. Sasaran pelaksanaan melibatkan pembinaan menara pemasangan infrastruktur telekomunikasi di atas 216 tapak. Pencapaian Program T1 adalah memuaskan di mana sebanyak 142 tapak ataupun 66% telah disempurnakan.

Program T2 pula meliputi bandar-bandar utama kawasan perindustrian, pusat pelancongan, laluan kereta api dan jalan raya utama di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak yang melibatkan pembinaan 1,650 menara telekomunikasi baru. Program T2 akan mengambil masa dua tahun dan dibahagikan kepada dua fasa iaitu T2A untuk dilaksanakan sehingga penghujung tahun 2005 dan T2B pada tahun 2006 sebanyak 4,448 stesen pemancar akan ditempatkan pada 1,650 menara struktur yang perlu dibina dan dikongsi bersama antara syarikat pemberi perkhidmatan. Selain itu, selain daripada pembinaan menara perayauan domestik (domestic roaming) akan turut diperkenalkan di 21 buah kawasan-kawasan terpencil yang telah dikenal pasti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mencapai Program T2 kementerian ini telah mencadangkan agar semua kerajaan negeri mengenal pasti sebuah syarikat milik sokongan kerajaan negeri untuk dilesenkan sebagai pemberi kemudahan rangkaian (network facilities provider) and FP bagi membina menara dan struktur pemancar telekomunikasi di negeri masing-masing. Sokongan jitu dan kerjasama erat pihak kerajaan negeri adalah amat diperlukan.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat beritahu bila kita memohon telefon bimbit kita membayar deposit. Saya difahamkan ada berjuta-juta kalau tidak berbilion-bilion yang disimpan oleh syarikat-syarikat tersebut, adakah kerajaan akan mengarahkan mereka membayar faedah atas deposit yang diambil dari pengguna-pengguna dan juga mengenai

transmission tower, adakah apa-apa yang terkini yang menunjukkan ia mengakibatkan kanser dan sebagainya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat hari ini saya difahamkan belum ada lagi usaha untuk membayar faedah daripada deposit itu tetapi perkara ini boleh saya ketengahkan kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk melihat secara dengan lebih detail.

Berhubung dengan kanser, untuk pengetahuan Yang Berhormat, banyak kali program-program penerangan telah dibuat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia memberi penerangan kepada masyarakat bahawa pancaran radiasi yang dikeluarkan oleh tower-tower yang ada di negara ini adalah begitu minimum dan tidak akan menjejaskan kesihatan dan telah mematuhi syarat-syarat piawaian yang dikeluarkan di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah memberi satu jawapan yang jelas bagaimana langkah-langkah untuk meningkatkan perkhidmatan talian telefon di negara kita. Kita ucap terima kasih kepada kerajaan kerana cuba sedaya upaya untuk mengurangkan digital divide dalam kalangan rakyat negara kita. Tetapi dari segi asasnya sekiranya talian tetap tidak dapat disediakan di kawasan-kawasan luar bandar, saya rasa usaha-usaha apa sekali pun termasuklah usaha T1, T2 ini juga tidak dapat menyelesaikan masalah digital divide rakyat negara kita. Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat adakah kerajaan akan berusaha untuk meningkatkan penggunaan satelit telefon untuk membolehkan rakyat menggunakan perkhidmatan ini? Minta penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bentong. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Bentong kerana sentiasa begitu prihatin berhubung dengan jurang digital divide antara masyarakat bandar dan luar bandar. Kementerian ini juga begitu prihatin untuk membantu menyelesaikan masalah jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar. Walaupun pada masa ini kita ketahui sekiranya kementerian menggalakkan menggunakan satelit di kawasan-kawasan luar bandar, kosnya mungkin terlalu tinggi, tetapi untuk merapatkan lagi jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar,

kementerian ini melalui USE fundnya ataupun Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejahtera telah setakat ini mengadakan tidak kurang daripada 100 buah sekolah di Sabah dan 110 buah sekolah di Sarawak telah dibekalkan dengan V set supaya sekolah-sekolah ini dapat menerima perkhidmatan broadband sebagaimana dapat dinikmati oleh masyarakat-masyarakat di bandar. Dan setakat hari ini juga kementerian ini telah menghubungkan tidak kurang daripada 8,000 buah sekolah di Semenanjung ini dengan perkhidmatan broadband yang mana sasarannya adalah untuk memastikan supaya 10,00 buah sekolah dapat menikmati perkhidmatan broadband ini dalam masa terdekat ini dan kita yakin ini dapat dilakukan dalam masa sebelum penghujung tahun ini. Terima kasih.

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Ronald Kiandee (Beluran) tidak hadir]

5. **Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) apakah langkah yang dirancang atau diambil agar senjata api dan dadah berbahaya tidak diseludup ke negara ini sewenang-wenangnya. Berapakah tangkapan dan sitaan senjata dan dadah dalam tahun 2003, 2004 dan 2005; dan
- (b) menerusi negara manakah penyeludupan senjata api dan dadah yang banyak. Apakah langkah serantau dibuat. Bagaimana dengan 'jalan-jalan tikus' di Sarawak.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) telah mengambil tindakan proaktif dalam mencegah penyeludupan senjata api dan dadah memasuki negara ini dengan langkah-langkah seperti berikut iaitu menjalankan dan meningkatkan usaha-usaha pemantauan, perisikan dan pencegahan serta berterusan untuk mengenal pasti dan menangkap penjenayah-penjenayah yang menjalankan kegiatan penyeludupan senjata api dan dadah melalui operasi-operasi seperti berikut:

- (i) Ops Red Serpent –terhadap kegiatan penyeludupan senjata api;

- (ii) Ops Api Tedung – terhadap kegiatan samun atau rompakan bersenjata api;
- (iii) Ops Copperhead – terhadap kegiatan kongsi gelap;
- (iv) Ops Mamba – terhadap kegiatan jenayah pendatang asing;
- (v) Operasi-operasi untuk menumpaskan sindiket pengedaran dadah seperti Ops Abalone dan juga Ops Narcissus.
- (vi) perketatkan kawalan keselamatan di sempadan darat dan laut seperti di pos sempadan, sekatan jalan raya, rondaan di laut dan menempatkan anggota keselamatan di pulau-pulau di Sabah serta menempatkan anggota pasukan Gerakan Am (PGA) di kawasan yang dikenal pasti mempunyai jalan-jalan tikus;
- (vii) kerjasama bilateral dengan negara-negara jiran mengenai kegiatan jenayah, penyeludupan senjata api dan dadah; dan
- (viii) menjalankan operasi penguatkuasaan di laut secara bersama dengan pasukan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan rampasan senjata api dibuat setelah senjata-senjata tersebut berjaya dibawa masuk di dalam negeri ini. Hanya sebilangan kecil rampasan yang dibuat di pintu masuk sempadan. Berdasarkan perangkaan dalam tahun 2003 didapati sejumlah 184 senjata api telah berjaya dirampas, 52.1% adalah rampasan yang dibuat di Semenanjung Malaysia, 26.6% di Sabah dan 21.2% di Sarawak, manakala pada tahun 2004 pula sebanyak 171 senjata api telah dirampas di mana 66 senjata api atau 38.6% adalah rampasan dibuat di Sabah dan Sarawak. Bagi tahun 2005 sehingga Januari hingga Februari sebanyak 40 senjata api telah dirampas.

Daripada kejayaan-kejayaan tersebut PDRM telah membuat 166 tangkapan pada tahun 2003 di mana di antaranya sebanyak 64 tangkapan di Sarawak, 26 tangkapan di Sabah dan 25 tangkapan di Pulau Pinang. Manakala pada tahun 2004 pula sebanyak 200 tangkapan telah berjaya dibuat di antaranya 47 tangkapan di Selangor, 43 tangkapan di Johor dan 36 tangkapan di Kuala Lumpur. Bagi tempoh Januari hingga Februari 2005 PDRM telah berjaya membuat 40 tangkapan.

Bagi masalah pengedaran dadah pula PDRM telah berjaya menangkap penjenayah yang menjalankan kegiatan pengedaran dadah di bawah Akta Dadah

Berbahaya 1992. Pada tahun 2003 PDRM telah berjaya menangkap seramai 20,799 orang di bawah Akta Dadah Berbahaya dan 4,078 di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Manakala pada tahun 2004 PDRM telah berjaya menangkap seramai 24,745 orang di bawah Akta Dadah Berbahaya 1992 dan 2,030 orang di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Daripada tangkapan tersebut PDRM telah berjaya merampas dadah seperti heroin, ganja, pil ecstasy, syabu dan sebagainya. Pada tahun 2003 sebanyak 133.42 kg dadah jenis heroin telah dirampas, 2,408 kg ganja, 231,191 biji pil ecstasy serta 19,250 kg syabu telah dirampas, manakala pada tahun 2004 sebanyak 220.2 kg heroin, 1,329 kg ganja telah dirampas.

Bagi menjawab bahagian (b), berdasarkan perangkaan di atas boleh dikatakan sejumlah besar senjata api dan dadah telah diseludup masuk dari negara-negara jiran di Semenanjung, Sabah dan Sarawak melalui sempadan darat, laut dan jalan-jalan tikus di Sarawak. Sehingga kini tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mencegah dan mengatasi kegiatan penyeludupan seperti yang telah dinyatakan sebentar tadi. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada jawapan yang telah dibuat oleh Timbalan Menteri begitu jelas dan begitu menyeluruh. Tetapi masih kita khususnya di Sarawak mempunyai tidak kurang daripada 70 jalan-jalan tikus yang masih diguna pakai di utara sempadan Sarawak, Kalimantan. Apakah langkah yang benar-benar berkesan dirancang oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini yang mana kita pandang sebagai laluan utama untuk penyeludupan khususnya senjata-senjata api dan dadah ini ke negeri Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat kerana saya sendiri telah pun pergi turun ke padang melawat sempadan di Sarawak, di Sarikei. Malah saya telah dimaklumkan di Sarawak sahaja 72 lorong, bukan sahaja lorong tikus tetapi lorong gajah pun ada. Lorong gajah ini saya pergi tengok kalau JKR bubuh tar jadi macam standard highway PLUS. Jadi, oleh sebab banyak lorong tikus dan juga lorong gajah di Sarawak ini maka kita telah pun akan berusaha untuk mempertingkatkan pengawalan di

sempadan. Di antaranya kerajaan akan memperbanyakkan pusat setempat iaitu CIQ, kita akan tambah CIQ yang meletakkan kastam, imigresen, bilik kuarantin di beberapa jalan masuk. Dengan ini kita akan dapat kawal dengan lebih baik.

Yang kedua, pasukan keselamatan juga telah mula membuat kawalan-kawalan di sempadan di kawasan yang berhampiran dengan sempadan Kalimantan. Kalau sekarang ini dilihat ada sempadan *post-post* kawalan dibuat agak jauh daripada sempadan yang boleh menyebabkan ada *no land man*, di antara kawal sempadan dengan kawalan keselamatan kita, langkah-langkah yang kita ambil, kita akan buat pusat kawalan hampir dengan sempadan.

Yang ketiga, kementerian akan memanggil pasukan-pasukan penguatkuasaan seperti UPP, PDRM, Airport Autoriti, MAB, Kastam, Port Autoriti untuk duduk berbincang bagi meningkatkan lagi kawalan di sempadan kita. Terima kasih.

6. **Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan nama-nama dan bilangan '*Trunk Road*' di Sabah yang masih dalam pembinaan serta yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan adakah Laluan Jalan KKIP-Telipok-Kiulu-Pukak-Lokos-Tudan-Moukab-Rondoggung-Ranau termasuk dalam senarai tersebut.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 8 buah projek '*trunk road*' dengan kos berjumlah RM1,930 juta yang sedang dalam pembinaan dan akan disambung ke Rancangan Malaysia Kesembilan.

Projek berkenaan adalah seperti berikut:

Bil	Nama projek	Kos (RM) juta	Jangka siap
1	Membina Jalan Nangoh-Kanibungan	460	31/05/2005
2	Membina Jalan Sipitang-Tenom	246	01/10/2006
3	Membina Jalan Sapulut-Kalabakan	636	01/04/2008
4	Naiktaraf Jalan Keningau-Kimanis	248	21/05/2007
5	Naiktaraf Jalan Ranau-Tambunan	45.3	14/04/2007
6	Membina Jalan Lintas Kota Belud	39.1	14/01/2007
7	Naiktaraf Jalan Telupid-Linuyukan-Tongod	140	Belum Mula
8	Naiktaraf Jalan Sapi-Nangoh-Fasa 1	7	28/03/2006

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, terdapat 11 buah projek 'trunk road' akan dicadangkan dengan kos berjumlah RM1,069 juta untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Pusat termasuk projek Laluan Taman Industri Kota Kinabalu-Telipok-Kiulu-Pukak-Lokos-Tudan-Moukab -Randagong-Ranau.

Butir-butir projek, Tuan Yang di-Pertua:

Bil	Projek	Kos (RM) juta
1	Menaiktaraf Jalan Dangungun-Simpang Jalan Papar Sepa	210
2	Menaiktaraf Jalan Labuk Sandakan dari KM 11 ke KM 31	96
3	Membina Jalan Dua Hala di Bandar Keningau	40
4	Membina Jalan Dua Hala di Bandar Lahad Datu	70
5	Membina Jalan Pintas Sandakan	194
6	Membina Jalan Lintas Libaran-Sandakan	Harga belum ditetapkan lagi
7	Membina Jalan dari Kalabakan-Serudung iaitu Pan Borneo Highway	175
8	Membina Jalan Ulu Tomani-Kpg Long Pasia	280
9	Membina Jalan Pintas Sipitang	10
10	Membina Jalan Kota Marudu-Marak-Melinsau-Puring-Ranau	330
11	Membina Laluan Jalan KKIP-Telipok-Kiulu-Pukak-Lokos-Tudan-Moukab-RandagongRanau	240

Tuan Yang di-Pertua, inilah projek-projek yang telah dicadangkan oleh kementerian saya kepada Jabatan Perdana Menteri untuk mendapat kelulusan. Jika mendapat kelulusan kita akan melaksanakan dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas jawapan tadi dan saya bagi pihak rakan-rakan dari Sabah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas pengumuman-pengumuman tadi, projek yang agak besar juga tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan Jalan Taman Perindustrian Kota Kinabalu, Telipok ke Randagong ini. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebenarnya jalan ini

sudah pun dikeluarkan *letter of intent* semasa Yang Amat Berhormat, matan Perdana Menteri yang lalu dan akibat daripada pengeluaran *letter of intent* tersebut, maka kerja-kerja *ground survey* telah pun dilakukan.

Dan, kita wakil-wakil rakyat pun sudah juga mengumumkan di kampung-kampung sebab kita pun amat bergembira juga, akhirnya satu laluan jalan akan dibina di kawasan melintasi kawasan Bandar raya Kota Kinabalu, daerah Tuaran dan juga daerah Ranau. Tetapi kita telah kecewa sebab akhirnya *letter of intent* itu ditarik balik oleh kerana ia dikeluarkan *letter of intent*, tetapi ia tidak termasuk di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Sekiranya pada kali ini kita juga dikecewakan, kalau ia tidak dilaksanakan secepat mungkin, maka sekali lagi kita akan kecewa. Adakah Yang Berhormat dapat memberi jaminan bahawa jalan raya ini akan benar-benar dilaksanakan sebab saya lihat laluan jalan ini adalah terletak dalam senarai yang terbawah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila jawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja mengukur tanah dan selainnya telah siap, pelan pun sudah siap sekarang, tetapi kita tidak mempunyai peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Oleh kerana itulah kita memohon projek ini sudah masuk dalam senarai kita, kita telah mohon kepada Jabatan Perdana Menteri untuk mendapat kelulusan. Jikalau kita dapat peruntukan itu, kita teruskan kerja dengan baik supaya jalan ini dapat digunakan oleh rakyat jelata di tempat, di mana Yang Berhormat katakan tadi.

Satu lagi, pada masa dahulu, apabila kita dapat peruntukan sahaja, kita mula ukur tanah dan lain-lain tetapi sekarang ia sudah tukar. Dapat satu projek, yang penting kita jalankan ukuran dan juga kerja-kerja kejuruteraan. Semua kita siapkan sebelum kita memohon kepada Jabatan Perdana Menteri. Jika, dapat sahaja kelulusan, dengan serta-merta kita mula kerja. Itu adalah tahap baru sekarang. Terima kasih.

7. **Brig Jen (B) Datuk Seri Abd Hamid Ngah @ Zainal Abidin [Parit Buntar]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah anggota penguat kuasa yang dibekalkan senjata api dan sejauh manakah bentuk latihan yang diberikan kepada mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar dan Dewan yang mulia ini, pegawai-pegawai penguat kuasa kementerian ini sentiasa terdedah kepada bahaya dan ancaman ketika menjalankan tanggungjawab, terutamanya membanteras pengedaran bahan-bahan cetak rompak dan barang-barang tiruan. Sehubungan itu, senjata api dibekalkan kepada pegawai-pegawai tertentu ketika menjalankan tugas. Pada masa ini, sejumlah 92 orang pegawai yang terpilih di seluruh negara diberikan Lesen Membawa dan Menggunakan Senjata Api.

Sebagai usaha untuk melengkapkan pegawai-pegawai kita dengan kemahiran menggunakan senjata api, mereka telah didedahkan kepada beberapa siri latihan intensif berhubung aspek penggunaan senjata api dan keselamatan diri. Selain daripada itu, latihan menembak juga diadakan dari semasa ke semasa supaya pegawai-pegawai yang terlibat dapat mengekalkan kecekapan masing-masing dalam pengendalian dan penggunaan senjata api. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan tugas-tugas pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini terdedah kepada bahaya dan Yang Berhormat telah pun menyebutkan bahawa 92 pegawai penguat kuasa telah pun diserahkan senjata api. Bolehkah Yang Berhormat maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, di dalam *raid* yang dibuat oleh pihak pegawai penguat kuasa, berapa banyakkah *raid* ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bertembung dengan penjenayah-penjenayah yang menggunakan senjata api? Dan, berapa kali serbuan dibuat dan berapa kalikah serbuan mendapati penjenayah-penjenayah telah menggunakan senjata api? Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya anggap ini merupakan satu cabaran yang besar kepada pegawai-pegawai penguat kuasa di kementerian kita. Di kementerian, kami memberi sokongan penuh kepada mereka dan juga memang kami di belakang mereka untuk menjalankan tugas. Saya cuma beri sedikit bayangan tentang kes-kes yang dijalankan oleh pihak penguat kuasa di kementerian ini. Dalam tiga bulan sahaja, pihak penguat kuasa kementerian

menjalankan 1,126 serbuan ataupun pemeriksaan di pasar malam; 964 kali di kedai-kedai menjual CD dan VCD; dan 500 lebih kali ke gerai-gerai dan kompleks membeli-belah.

Apabila kita menjalankan tugas untuk memeriksa dan juga serbuan terhadap premis-premis tersebut, saya beri contoh dari Februari tahun 2000 hingga 2005, terdapat lebih kurang 105 kes. Apabila pegawai kita menjalankan tugas diancam, diugut dan dihalang terhadap pegawai-pegawai kita. Kebanyakan kes ini telah pun dilaporkan kepada pihak polis. Suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini cuma satu kes sahaja yang pegawai kita melepaskan tembakan, iaitu di Pulau Pinang pada Januari tahun ini.

Jadi, saya rasa pegawai kita memang tidak sewenang-wenangnya melepaskan tembakan sekiranya benar-benar diancam dan tidak boleh dielakkan daripada keadaan yang sebenar. Sekian, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, soalan tambahan. Apakah dengan adanya penggunaan senjata api ini oleh 90 lebih pegawai, seperti yang Yang Berhormat sebutkan tadi, satu jaminan bahawa keselamatan mereka akan terjamin, sedangkan ancaman daripada mana-mana pihak tidak ada satu jaminan yang boleh kita pastikan. Soalan saya, apakah ada kaedah lain yang dilihat oleh kementerian ini seperti memupuk dari segi pendidikan supaya kita dapat mengurangkan lagi jenayah, cetak rompak dan juga jenayah-jenayah lain yang berkaitan dengan pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya rasa untuk mengurangkan kes-kes yang sedemikian dan juga orang awam faham tentang bagaimana kita hormat kepada harta intelek ini, kementerian selain daripada menjalankan penguatkuasaan terhadap premis-premis yang menjual CD, VCD dan juga barang-barang tiruan ini. Kementerian juga menjalankan segala kempen kesedaran untuk kita mendidik orang awam supaya kita benar-benar menghormati harta intelek dan juga membeli barang-barang yang asal ataupun yang bukan cetak rompak.

Walau bagaimanapun, kami harap semua pihak yang terlibat haruslah bersama-sama berganding bahu untuk menjayakan satu kempen dan juga program-program yang

dijalankan oleh kementerian untuk sama-sama menjayakan kempen ini, untuk kita mencapai matlamat yang kita cita-citakan. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada 6,993 senjata api dibekalkan kepada agensi-agensi termasuklah *[Disampuk]* Hendak soalkah? Tunggulah sekejap.

Puan Chong Eng: Sabar.

Dr. Tan Seng Giaw: Mesti ada mukadimah dahulu *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Pendekkan mukadimah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada pihak kita dengan lebih jelas bahawa 92 pegawai yang diberikan lesen senjata api ini. Saya faham, kalau bolehkah Yang Berhormat terangkan larangan-larangan yang dikenakan kepada 92 orang pegawai ini dan juga latihan, jenis latihan. Mesti ada latihan, disiplin dan sebagainya.

Walau pun ada keadaan kes luar biasa di Pulau Pinang memang luar biasa. *[Disampuk]* Tunggulah sekejap, bagilah peluang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan itu, sudah mula dengan soalan tetapi kacau, macam mana?

Puan Chong Eng: Teruskan-teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Lembah Pantai senyum sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada pihak kita semua apakah sebenarnya berlaku di Pulau Pinang. Memang ada luar biasa dan *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Jangan hiraukan. Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: yang penting sekali itu prosedur dan disiplin yang dikenakan kepada pegawai yang memegang senjata itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kepong. Mengenai kes berhubung dengan seorang Pegawai Penguat Kuasa

melepaskan tembakan terhadap penjual CD dan VCD di Pulau Pinang pada 13 Januari itu, kes itu masih dalam siasatan pihak polis.

Saya ingin menegaskan di sini, Yang Berhormat minta saya menjelaskan dengan secara *detail* bagaimana senjata api dapat dibekalkan dan apakah latihan dan sebagainya. Saya ingin menerangkan di sini ialah agihan senjata api dibuat kepada pegawai-pegawai kanan sahaja yang mengetuai sesuatu operasi. Dalam hubungan ini, kementerian juga mengambil kira kesesuaian dan juga perwatakan pegawai sebelum mereka dibenarkan menggunakan senjata api.

Saya ingin menyatakan di sini ialah kami di kementerian mempunyai 57 cawangan ataupun pejabat di seluruh negara. Kita mempunyai 1,541 orang anggota. Kita cuma membekalkan 92 pucuk senjata api kepada mereka. Mengenai latihan yang dijalankan oleh pihak kementerian, selain daripada latihan di Sekolah Latihan Polis Gerak Am di Ulu Kinta, Perak selama satu bulan, pegawai-pegawai yang dilesenkan juga telah menghadiri taklimat keselamatan senjata api yang dikendalikan oleh Jabatan Logistik di PDRM Bukit Aman.

Bagi tempoh 2002 hingga 2004, sejumlah 17 kursus di Sekolah Latihan Polis di Ulu Kinta, Perak tadi telah diadakan. Selain daripada itu, latihan menembak dijalankan dari semasa ke semasa oleh pegawai-pegawai dalam latihan ini dan saya ingin maklumkan di sini ialah bagi tempoh 2001 hingga 2004, Bahagian Penguat Kuasa telah menganjurkan 41 latihan menembak yang meliputi 1,430 orang pegawai.

Sehubungan dengan itu, kita juga dibekalkan dengan buku bantuan penggunaan senjata api yang telah dikemaskinikan dari semasa ke semasa kepada pegawai-pegawai yang dibekalkan dengan senjata api.

8. Tuan Razali bin Ibrahim [Muar] minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), sila nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh negara kita dalam usaha membetulkan tanggapan negatif media barat terhadap Islam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Muar kerana membawa soalan ini. Terdapat beberapa masalah yang menyebabkan penyebaran maklum mengenai liputan kegiatan-kegiatan OIC mat terbatas dan tidak meluas.

Antara masalah yang telah dikenal pasti adalah kurangnya rangkaian kerjasama di antara pihak media cetak dan elektronik di kalangan negara-negara OIC yang menyebabkan penyebaran maklumat tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Malaysia sebagai pengerusi OIC menganggap perkara ini adalah suatu masalah yang perlu ditangani dengan segera. Sebagai langkah untuk mengatasi masalah ini, Setiausaha Agung OIC telah mencadangkan kepada Malaysia supaya Agensi Berita Islam Antarabangsa (IINA) yang sekarang berpusat di Jeddah untuk mengadakan operasinya di Malaysia.

Tujuan ini adalah supaya IINA dapat menjadi suara rantau Asia sebagaimana Al-Jazira dan Al-Arabia menjadi suara Timur Tengah. Selain dari itu mesyuarat tokoh-tokoh keagamaan OIC yang bersidang di Kuala Lumpur pada bulan Januari lepas telah mencadangkan supaya IINA dan *Islamic State Broadcasting Corporation* (ISBO) ditubuhkan semula dan diperkemaskan supaya dapat berfungsi dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan usaha negara kita, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia bahawa Kerajaan Malaysia telah mengambil suatu pendekatan yang praktikal dan bersifat global dalam memperbaiki tanggapan negatif pihak media Barat dengan membawa Islam Hadhari ke peringkat antarabangsa. Usaha ini adalah suatu cara untuk membawa kembali kegemilangan Islam dengan menekankan kepada pendekatan kesederhanaan dan bukan melalui aksi konfrontasi.

Ia juga dapat diharapkan dapat memberi gambaran sebenar bahawa Islam adalah suatu agama yang menggalakkan kepada kebaikan dan demi kesejahteraan semua masyarakat dunia. Ini adalah penting untuk mengubah persepsi dunia Barat bahawa ummah yang dikaitkan dengan Islam adalah mengenai tindakan keganasan dan mempunyai kecenderungan untuk bermusuhan dengan masyarakat Barat.

Pihak media cetak dan elektronik di Malaysia sekarang perlu lebih proaktif dalam menyebarkan berita mengenai OIC. Agensi Berita Nasional seperti BERNAMA juga boleh memainkan peranan yang lebih besar untuk mencapai matlamat tersebut dengan bekerjasama dengan agensi-agensi berita antarabangsa yang lain terutamanya media cetak dan elektronik Barat.

Akhirnya Malaysia juga telah dicadangkan untuk menjadi tuan rumah kepada Persidangan Menteri-menteri Penerangan Negara-negara Islam Yang Ketujuh pada

tahun ini. Ini akan membolehkan kita memperkemas program kerjasama di kalangan negara-negara OIC dalam bidang ini supaya penyebaran maklumat dapat dilakukan dengan lebih baik dan berkesan.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah di atas pengumuman baru-baru ini di mana Malaysia akan diperpanjangkan selama setahun sehingga 2007 selaku Pengerusi OIC yang saya rasakan dapat memberi kesempatan untuk kita menyusun semula kaedah yang terbaik bagaimana kita dapat berperanan sebagai pengerusi negara-negara OIC.

Walau bagaimanapun, dalam kita mengetengahkan konsep yang cuba kita sampaikan, kita kena tahu dan kita tahu bahawa pemahaman media Barat terhadap Islam ini cukup rendah ataupun mereka kadang-kadang tidak mahu menulis perkara-perkara yang baik tentang Islam ataupun mereka tidak tahu seperti yang diluahkan salah seorang wartawan Barat bagaimana untuk menggunakan perkataan fatwa pun mereka tidak tahu. Bagaimana kita mengharapkan mereka memberi penjelasan yang baik tentang Islam.

Saya mengalu-alukan tindakan ataupun tuan rumah kepada Menteri-menteri Penerangan. Apa yang ingin saya tanyakan, selain daripada langkah-langkah yang disebutkan tadi, apakah kerajaan melalui OIC ini akan menerbitkan dokumentasi khusus tentang Islam terutama tentang Islam Hadhari supaya dokumentasi ini dapat menyelesaikan masalah kurang faham dan sesungguhnya dokumentasi ini bakal memberi kebaikan kepada penjelasan yang lebih sempurna kepada negara-negara Barat. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar kerana mengemukakan soalan. Saya rasa itu adalah cadangan yang baik untuk mendokumentasikan cadangan Islam Hadhari kepada seluruh dunia supaya mereka lebih faham media Barat mahu tahu tentang apa ya baik tentang Islam. Tetapi ingin juga ditegaskan di sini Yang Berhormat, proses untuk membaiki imej yang dibuat oleh media Barat ini adalah bukan suatu perkara yang mudah dan dapat dilakukan dalam masa yang singkat.

Lebih parah dan lebih sukar lagi, saya terpaksa menyatakan khabar yang tidak menggembirakan tentang kedudukan kewangan negara-negara OIC. United Nation telah membuat satu laporan bahawa daripada 50 negara yang paling mundur, paling miskin dan paling lemah di dunia ini, 22 nya adalah negara-negara OIC. Satu laporan yang dibuat oleh *Statistical Economic And Social Research And Training Centre* untuk negara Islam yang berpusat di Ankara telah memberitahu daripada 57 negara OIC, 29 adalah negara-negara yang berpendapatan rendah, 17 negara adalah sederhana rendah, 6 negara pendapatan sederhana dan cuma 5 sahaja yang berpendapatan tinggi. Lebih menyedihkan lagi kalau diambil kira hutang negara-negara OIC pada hujung tahun 2002, negara-negara OIC berhutang sebanyak USD649 bilion iaitu dapat dikategorikan sebagai 20 negara OIC berhutang dengan teruk sekali dan 16 negara OIC berhutang dengan teruk.

Dengan segala kekurangan dan segala kelemahan yang ada pada negara-negara Islam, kita ambillah iktibar daripadanya supaya sesuatu yang baik akan dapat dirasai untuk kebangkitan ummah di masa hadapan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat menyatakan tadi bahawa negara-negara OIC dan negara Islam kebanyakannya mundur dan miskin. Tetapi tidak kita lupa bahawa Tuhan telah mengurniakan banyak hasil bumi di negara-negara Islam. Cuma masalah dia ini mungkin Malaysia yang hari ini menjadi Pengerusi OIC cuba menolong mereka ini untuk kita berpakat.

Sebenarnya OIC ini saya percaya tidak berjaya kerana tidak ada pakatan. Sesama OIC pun tidak boleh duduk semeja. Tetapi apabila berjumpa, berpeluk-pelukan yang Tok Arab ini, peluk..... bila mai bersidang, dia tak setuju. Budaya ini harus kita Malaysia ini terangkan kepada mereka. Islam Hadhari yang kita hendak bawa ini apa, untuk kebaikan mereka. Kalau semua negara Islam ini menggunakan kekayaan bumi yang Tuhan bagi, ini soalan dia.

Ya, Shikh, sabar Shikh sabar. Kalau Tuhan bagi dekat kita ini, kita gunakan kita pakat di antara negara-negara Islam, kita tidak payah bergantung dah dan tidak payah berhutang. Negara yang tidak ada minyak, Tuhan bagi emas, Tuhan bagi berlian dan sebagainya. Brunei yang sekecil itu pun Tuhan bagi minyak. Ini menunjukkan Tuhan

bagi kepada negara-negara Islam tetapi umat-umat Islam tidak berpakat menggunakan. Apakah kita boleh mencadangkan kepada OIC ini, kepada tok-tok Arab ini, negara-negara Islam lain pakat duduklah, malu ini orang lain menghentam kita ini.

Apakah kita tidak boleh adakan satu stesen TV OIC untuk memintas CNN dan BBC. *Part* yang itu pun tidak boleh buatlah? Kalau di Malaysia, TV3 ada, 8TV ada, TV macam-macam ada, tubuhlah satu TV OIC, kita bolehlah pintas balik yang CNN menghentam kita dan sebagainya.

Setakat itulah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Ada daripada soalan yang Yang Berhormat kemukakan tadi itu boleh Yang Berhormat jawab secara sendiri sebenarnya tadi. Tetapi alangkah indahnya kalau kesepakatan ini dapat berlaku dan TV OIC juga dapat dilaksanakan. Tetapi kalau kita lihat 6 bilion penduduk dunia ini, 1 bilion daripadanya iaitu 1/6 adalah mereka yang betul-betul miskin ataupun *poorest of the poor* dan kebanyakan mereka adalah umat Islam yang berpendapatan kurang daripada USD1 sehari.

Selepas 1 bilion *poorest of the poor* ini terdapat pula 1.5 bilion lagi penduduk dunia yang juga miskin dan kebanyakannya juga adalah negara-negara Islam dan umat-umat Islam. Dalam segala kemiskinan yang melanda masyarakat dunia ini, kita harap negara-negara yang kaya di kalangan negara OIC akan dapat membantu dan bersepakat di antara satu sama lain supaya ummah agama yang mulia ini akan dapat dipertingkatkan dan maruah kita dapat dikembalikan. Terima kasih.

9. **Dr, Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]** minta Menteri Kesihatan menyatakan hasil yang telah diperolehi pakar penyelidik perubatan Malaysia terhadap kajian pemulihan atau penyembuhan penyakit-penyakit kronik.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, penyakit-penyakit kronik seperti penyakit *cardiovascular*, *stroke*, diabetes, darah tinggi, kanser, penyakit buah pinggang dan sebagainya tidak boleh disembuhkan sepenuhnya. Malah kaedah yang sering diambil bagi menanganinya ialah pengurusan yang rapi dan teratur supaya penyakit terkawal.

Penyelidikan berkaitan penyakit-penyakit kronik yang dijalankan di Kementerian Kesihatan Malaysia boleh dikategorikan kepada beberapa jenis iaitu penyelidikan epidemiologi, diagnostik, terapeutik dan lain-lain. Kebanyakan kajian yang dijalankan oleh pakar penyelidik perubatan KKM adalah jenis penyelidikan epidemiologi untuk memahami *repellant*, insiden dan faktor risiko penyakit. Contohnya, dalam penyelidikan *National Health Morbidity Survey* 1996, hasil penyelidikan menunjukkan lebih kurang 30% penduduk Malaysia menghidap penyakit darah tinggi, di mana separuh daripadanya tidak terkawal. Sementara itu 8% daripada penduduk pula menghidap penyakit diabetes dan lebih separuh daripada mereka dalam keadaan yang tidak terkawal.

Hasil data yang dikumpul untuk *National Cancer Registry* pula menunjukkan 1 daripada 5 penduduk Malaysia dalam sepanjang hayatnya berisiko mendapat kanser. Ini adalah hasil-hasil yang kita peroleh daripada penyelidik perubatan kita. Sekian, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita tahu bahawa salah satu penyakit kronik yang semakin ketara peningkatannya ialah penyakit kegagalan buah pinggang kronik (*chronic renal failure*), dan kita tahu bahawa mereka yang menghidap penyakit *chronic renal failure* ini akan berakhir dengan *renal failure* atau *end-stage renal failure* - kegagalan buah pinggang, yang mana kalau telah terjadi kegagalan buah pinggang pengubatannya ialah sama ada dengan mesin *dialysis* ataupun dengan pemindahan organ (*transplantation*).

Di Malaysia ini lebih daripada 2,000 orang setahun menghidap penyakit kegagalan buah pinggang ini. Saya ingin tahu sudahkah penyelidikan dijalankan di Malaysia ini untuk mencari punca-punca utama dan apa sebabnya kegagalan buah pinggang ini boleh berlaku. Sebab kita tahu pengubatannya memerlukan kos yang tinggi bukan sahaja kepada pesakit juga kepada kerajaan.

Yang kedua, apakah langkah-langkah pencegahan yang telah dijalankan oleh kementerian dalam menangani penyakit kegagalan buah pinggang ini?

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak. Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil berat berkaitan semua penyakit kronik termasuk juga penyakit kegagalan buah pinggang. Daripada penyelidikan yang kita dapat, kita rasa yang pentingnya untuk mencegah penyakit ini adalah dengan mengamalkan satu gaya hidup yang sihat. Ini adalah pencegahan yang kita rasa paling efektif sekali.

Masalahnya sekarang adalah kerana kemajuan negara kita dari segi ekonomi dan juga pembangunan serta perubahan gaya hidup kita. Memang makanan yang kita makan itu adalah tidak sihat dan juga keadaan kehidupan kita seperti yang tidak mengamalkan *exercise* dan sebagainya. Ini telah menyumbang terhadap peningkatan penyakit ini.

Dari segi itu Kementerian Kesihatan telah merancang banyak program seperti Kempen Gaya Hidup Sihat supaya kita lebih faham lagi mengenai penyakit ini dan pengetahuan itu dapat menjadi satu sumber untuk*effect prevention* itu.

Dari segi ini juga, Kementerian Kesihatan mengadakan program-program untuk menyembuh dan mengawal penyakit ini seperti mengadakan *Haemodialysis Center* di semua hospital dan kita ada di KKM dan kita juga menyokong dan memberi peruntukan kepada NGO-NGO yang menjalankan pusat hemodialisis ini di mana setiap tahun kita telah menyumbang sebanyak RM15 juta kepada pusat hemodialisis-pusat hemodialisis yang dijalankan oleh NGO-NGO ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ampang.

Dr. Rozidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penyakit-penyakit kronik ini sering dikaitkan dengan tabiat merokok. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah pakar penyelidik perubatan di Malaysia membuat sebarang kajian ataupun pemantauan tentang keberkesanan Kempen Tak Nak yang menelan belanja begitu besar itu terhadap penurunan penyakit-penyakit kronik yang dikaitkan dengan tabiat merokok. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang bersetuju bahawa merokok itu adalah di antara satu tabiat yang tidak baik yang telah menyumbang kepada penyakit-penyakit kronik ini. Dari segi itu kita memang sudah

mengambil banyak langkah. Satu di antaranya ialah mengadakan Program Kempen Tak Nak ini supaya rakyat

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak nak merokok pun kena juga.

Tuan Lee Kah Choon:supaya kita lebih faham lagi bagaimana kita mendapat penyakit kronik ini. Memang betul kita mesti mati, semua orang mesti mati - meninggal satu hari nanti. *[Ketawa]* Tetapi kita ada statistik dan juga penyelidikan yang menunjukkan bahawa orang yang merokok itu akan lebih senang atau lebih tinggi lagi untuk mendapat penyakit-penyakit kronik.

Kempen Tak Nak ini adalah satu kempen media. Kita hendaklah menjalankan kempen ini berterusan supaya kita boleh mendapat kesannya, kalau untuk satu tahun sahaja memang tidak berjaya. Tetapi bagi kita semua Ahli Dewan Rakyat, kalau boleh kita memang berharap supaya Kempen Tak Nak Merokok ini dapat disebarluaskan pengetahuan ini dan kalau boleh saya harap semua Ahli Parlimen menjadikan Bangunan Parlimen sebagai satu kawasan yang tidak merokok. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akhiri sesi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.” **[30 Mac 2005]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bagi Kota Melaka untuk menyambung ucapan.

11.10 pagi.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Semalam, sebelum Dewan ditangguhkan saya telah membangkitkan berkenaan Peraturan Mesyuarat 36(6) dan 36(9), di mana dalam 36(9) menyatakan:-

“ Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai ahli Parlimen atau pegawai kerajaan”.

Semalam Yang Berhormat bagi Jerai, ketika meminta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah bertanya - dengan izin, *I quote:*

“Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kota Melaka yang arif pasal cerai-berai. Kalau dengan Yang Berhormat bagi Batu Gajah, berapa lama suami boleh tahan dengan dia”.

Saya rasa penjelasan itu menghina terhadap saya dan melanggar Peraturan Mesyuarat 36(9), saya pohon Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan dan menyeru dia agar menarik balik dan menjaga nama baik Dewan yang mulia ini. Saya pohon satu keputusan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh tarik balik? [*Memandang ke arah Ahli Yang Berhormat bagi Jerai*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Gajah mengambil salah anggapan terhadap pandangan saya. Saya bertanya kepada Kota Melaka, penerangan sama adapandangan saya terhadap Yang Berhormat bagi Batu Gajah bukan tidak elok - elok. Semua bagi dia, dia merasakan bahawa saya sangkaan tidak elok - sangkaan jahat kat dia. Tetapi sangkaan saya baik. Cuma saya tanya kalau orang bertanya saya, "Dengan Datuk Badruddin ini isteri dia boleh tahan berapa lama?" Salahkah yang itu?

Begitu juga dengan Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah, saya macam itu. Takkan lah yang itu salah. Kalaulah saya kata dia hodoh, tidak elok, suara dia sengau - itu lainlah. Ini saya tidak kata yang itu. Saya kata, "Berapa lamakah suami boleh tahan dengan dia" Ini terpulanglah Kota Melaka. [*Ketawa*] Saya tidak sangka jahat, Tuan Yang di-Pertua. Kalau itu salah saya minta maaf, saya tidak kata.

Kalau macam saya kata Arau, "Arau ini berapa lama boleh tahan dengan isteri dia?"

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Lama.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia kata lama, orang kata lama. Adakah itu salah? Itu satu niat yang cukup baik, Batu Gajah. Tetapi tidak apalah kalau Batu Gajah tidak memahami bahasa yang saya gunakan bahasa simbolik dan bahasa yang begitu tertib. Saya tidak salah kalau saya mengatakan, "Berapa lamakah orang boleh tahan dengan Batu Gajah". Saya tarik balik, tidak ada masalah. Saya tarik balik tidak ada apa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tarik balik, sudahlah, Yang Berhormat. Ini di antara saya dengan Yang Berhormat bagi Batu Gajah, yang Yang Berhormat masuk campur ini pasal apa?

Puan Chong Eng: Saya rasa ini tidak perlulah kerana walaupun ... *sexual harassment* apakah *definitionnya*, ialah *unwanted attention with sexual connotation* - itulah yang dipanggil, walaupun orang yang mengeluarkan perkataan itu tidak menganggap itu sebagai *sexual harassment* atau mempunyai maksudnya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Puan Chong Eng: tetapi itu adalah takrifnya..... [*Bercakap tidak menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Chong Eng: perasaan orang yang lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, hendak susah apahendak susah apa kalau

Cik Fong Po Kuan : Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua telah meminta Yang Berhormat bagi Jerai untuk menarik balik. Saya haraplah Yang Berhormat bagi Jerai akan mematuhi keputusan dan menghormati Tuan Yang di-Pertua demi menjaga nama baik Tan Sri, sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan ini dan juga nama baik Dewan ini.

Yang pentingnya ia telah melanggar Peraturan Mesyuarat 36(9) dan menyakiti hati saya dengan izin - dengan kata-kata Yang Berhormat bagi Jerai yang demikian, hal peribadi saya, sikap kelakuan saya iaitu hal peribadi yang tidak ada kaitan langsung dengan teks perbahasan yang dibangkitkan. Dia mempunyai niat yang jahat.

Saya pohonlah keputusan yang telah dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua dikuatkuasakan ke atas Ahli Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, tidak apalah. Saya sebagai Ahli Parlimen, Yang Berhormat. Tidak apa, saya hendak beritahu, saya sudah hendak bercakap - bising.

Cik Fong Po Kuan: *I don't want lesson here*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, Peraturan Mesyuarat. Sebenarnya selain daripada Peraturan Mesyuarat 36(9) yang ada disebut oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah, pun ada Peraturan Mesyuarat 36(4) yang berbunyi:

“Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan dan biadab” dan tidak guna dia untuk menjelaskan *at the insult to injury* sebenarnya. Apa yang kelakuannya ialah MCP.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau saya guna perkataan 'kurang ajar' yang itu biadab. Saya pun biasa jadi speaker dan tahu peraturan. Saya pun baca buku ini. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, saya sudah hendak kata saya hendak minta maaf ini berleter apa lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dengar sini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya faham Tuan Yang di-Pertua. Saya menghormati. Susah apa sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuba hendak menyelesaikan perkara ini. Saya mengetahui bahawa dalam sangkaan baik Yang Berhormat itu Yang Berhormat juga boleh menarik balik ya. Jadi nampaknya Yang Berhormat hendak menarik balik dan dalam ucapan beliau pun ada kekesalan sedikit. Yang Berhormat pun selalu berjenaka di sini jadi kita semua ambil perkara ini dalam suasana yang baik jadi....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, ada perkara boleh berjenaka dan ada yang tidak boleh berjenaka langsung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, *ok, I make a full statement for you just to make you happy, ok?*

Cik Fong Po Kuan: *Not just to make me happy but to show your regret for making the statement. Not to make me happy.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Gajah

Seorang ahli: *No regret at all.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ok Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jerai sila tarik balik.

Seorang Ahli: Ini garanglah Batu Gajah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ... seandainya, ini cara orang Melayu minta maaf, seandainya semasa perbincangan saya terlanjur kata, terkasar

bahasa bertanya kepada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka ‘berapa lamakah Ahli Yang Berhormat Batu Gajah boleh tahan dengan suami dia” saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih dan tarik baliklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Seorang ahli: Tidak payah tarik baliklah itu.

Seorang ahli: Cukuplah maaf sudah cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup. Baik terima kasih Yang Berhormat Jerai.

Cik Fong Po Kuan: Saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya pohonlah kalau saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua memberi amaran kepada ahli berjaga-jaga menggunakan kata-kata semasa perbincangan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudah lebihlah Yang Berhormat Batu Gajah. Dia sudah minta maaf sudahlah, selesailah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hey, Batu Gajah you ingat you bagus sangat kah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila duduk. Yang Berhormat Jerai telah pun meminta maaf dan saya anggap perkara ini sudah diselesaikan. Minta Yang Berhormat Kota Melaka, silakan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan mesyuarat***]

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memberikan sedikit penjelasan terhadap apa yang telah saya perkatakan semalam. Sebenarnya saya tidak berniat untuk menyamakan seolah-olah golongan perempuan berkahwin untuk kewangan untuk wang ringgit tetapi juga saya ingin menegaskan bahawa saya tidak berniat untuk menyatakan bahawa perkahwinan itu seolah-olah satu perkongsian tetapi apa yang saya cuba ketengahkan semalam ialah menggunakan itu sebagai perbandingan jika dibandingkan dengan dahulu di mana memang wujud satu konsep dalam golongan wanita di mana mereka akan kekal dengan pilihan yang dibuat untuk selama-lamanya. Itu dari perspektif lelaki dan pada masa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun.

Tuan Wong Nai Chee: Tunggu sekejap. Dan itu juga berkenaan dengan perkahwinan saya sendiri. Sebenarnya saya pun tidak menganggap perkahwinan saya itu sebagai satu perkongsian pintar seperti mana yang diperkatakan. Itu adalah satu perbandingan yang saya gunakan tetapi itu bukanlah satu pendirian yang saya ingin tegaskan di sini. Itu adalah dari segi perspektif daripada golongan lelaki dan dari perspektif golongan perempuan juga mereka pula mempunyai rintihan dan mempunyai faktor-faktor yang menyalahkan golongan suami bahawa suami mereka telah berubah fikiran, tidak bertimbang rasa dan tidak mementingkan kepentingan keluarga, tidak mementingkan perasaan isteri dan juga anak-anak. Mereka juga tidak seperti dahulu. Sebelum perkahwinan percintaan mereka tidak ada tandingannya tetapi apabila sudah berkahwin dia berubah sikap dia sambil lewa tidak seperti sebelum perkahwinan.

Ini adalah hasil pemerhatian yang saya telah buat apabila mengendalikan kes-kes perceraian dalam mahkamah. Saya rasa dari segi itu tujuan saya sebenarnya tidak berniat untuk menuju hala ke arah *equality of sex* dengan izin ataupun ke arah diskriminasi wanita itu bukan tujuan saya. Sebenarnya tujuan saya ialah menuju ke arah pendidikan kerana ini membawa kita kepada isu program *smart start* yang telah pun dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat baru-baru ini. *Smart start* saya rasa itu adalah satu usaha yang baik, satu usaha yang memang wujud satu kursus yang memberitahu bakal suami isteri bahawa apakah tanggungjawab suami dan isteri dan juga bagaimanakah mereka dapat mengawal hal ehwal kewangan dan sebagainya. Dipersilakan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kota Melaka. Saya hendak satu penjelasan sama ada Yang Berhormat Kota Melaka telah menukar pendiriannya bahawa faktor yang mengakibatkan perceraian adalah yang antara satu yang beliau kata semalam ialah kerana wanita hari ini lebih berdikari dari aspek *financial*. Itu memang menjadi satu perspektif yang begitu biasa di antara kaum lelaki dan perbandingan beliau wanita hari ini dan wanita dahulu. Memang wanita dahulu adalah lain, sekarang ada lain. Wanita yang berdikari ini ialah kerana hari ini mereka tidak sanggup menerima apa sahaja yang berlaku dalam rumah

tangganya seperti suami yang tidak setia ataupun suami yang tidak bertanggungjawab. Adakah itu salah? Adakah Yang Berhormat Kota Melaka ingin mengatakan bahawa wanita hari ini mesti sama dengan wanita dahulu seperti *grand mother* dia hanya mesti bersetia pilih satu sahaja walaupun dia didera, walaupun suaminya ada beberapa wanita di luar keluarganya ataupun tidak bertanggungjawab, tidak memberi nafkah kepada keluarga. Adakah itu maksud Yang Berhormat Kota Melaka? Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Yang Berhormat yang telah pun memberikan pandangan itu yang mana pandangan itu bukanlah dalam ucapan saya kerana apa yang saya telah katakan faktor-faktor daripada perspektif golongan lelaki ialah salah faktor yang telah pun saya kemukakan semalam. Pada hari ini golongan perempuan telah pun berdikari dari segi emosi, dari segi pendapatan mereka dan mereka tidak lagi seperti zaman dahulu di mana mereka terpaksa bergantung semata-mata untuk kehidupan kepada suami. Jadi itu adalah satu faktor tetapi saya tidak mengatakan bahawa itu bukan satu perubahan yang baik. Sebab itulah saya katakan saya tidak mahu menuju halakan ucapan saya ke arah *equality of sex* – keseimbangan jantina ataupun diskriminasi wanita. Tetapi saya cuma ingin menunjukkan ucapan *to bring me* dengan izin ke arah program *smart start* yang ingin saya kemukakan sekarang.

Smart start ini memang ada kekurangan sedikit kerana saya rasa walaupun ia satu program yang baik di mana dapat mendidik anak-anak muda kita belia dan beliawanis bahawa apakah tanggungjawab suami dan tanggungjawab isteri, bagaimana dapat mengawal hal ehwal kewangan, bagaimana dapat mengasuh anak-anak tetapi ia diperkenalkan terlalu lewat dan ia bukanlah satu program yang wajib kepada semua bakal suami isteri. Alangkah baiknya saya rasa jika kita dapat jadikan *smart start* ini sebagai satu program yang wajib kepada semua bakal suami isteri kerana akan dapat impak yang lebih baik dan dapat menurunkan kadar perceraian dalam negara kita.

Satu hal lagi ialah program ini terlalu lewat kerana apabila ia diperkenalkan dengan buku-buku dan brosur-brosur yang berharga agak mahal iaitu RM40. Ini saya pernah tanya. Jadi saya rasa ia terlalu lewat diperkenalkan kepada bakal suami-isteri kerana apabila pemuda dan pemudi ini, mereka telah membuat keputusan untuk mengahwini antara satu sama lain, apabila mereka tengok buku ini sudah terlalu lewat. Jadi saya rasa pendidikan awal haruslah diberikan kepada pemuda pemudi dalam

negara kita dan jika boleh Tuan Yang di-Pertua saya cadangkan kurikulum diberikan dalam sekolah menengah. Kurikulum di mana kita akan mengasuh dalam sekolah menengah orang-orang muda kita sejak awal lagi, seawal yang mungkin supaya konsep-konsep kekeluargaan ini dapat dipupuk dalam sanubari setiap orang pemuda pemudi dalam negara kita, bukanlah sehingga mereka masuk ke dalam masyarakat barulah belajar. Cara itu adalah agak lewat kerana kita harus beri tahu orang-orang muda kita bahawa percintaan itu hanyalah merupakan satu permulaan sahaja. Apabila kita masuk ke dalam proses perkahwinan itulah satu proses hidup yang baru dan percintaan itu akan berterusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pasir Mas bangun.

Tuan Wong Nai Chee: Yang Berhormat silakan.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya tertarik dengan apa yang dibincangkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka tadi di mana untuk kebaikan dan kebajikan suami isteri berumah tangga selepas daripada mereka diijabkabulkan ataupun sesudah mereka dimaterikan sebagai suami isteri. Apakah pandangan Yang Berhormat sepatutnya ada badan-badan yang menganjurkan kursus-kursus perkahwinan sama ada untuk yang berbangsa China ataupun bangsa-bangsa lain sebelum perkahwinan itu dilakukan sebagaimana di dalam Jabatan Agama Islam di seluruh negara telah mengadakan kursus-kursus perkahwinan, praperkahwinan, sebelum itu mereka didedahkan tanggungjawab suami isteri, tanggungjawab dan mentarbiahkan anak-anak dan sebagainya. Apakah dalam bangsa-bangsa lain, orang China, orang India dan lain-lain kursus-kursus ini perlu diadakan bagi memantapkan rumah tangga. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih pandangan yang bernas daripada Yang Berhormat tidak. Itulah yang telah saya katakan Tuan Yang di-Pertua, kita harus memperkenalkan ataupun mengubah sedikit menambah baik dalam *syllabus* sekolah menengah supaya orang-orang muda kita secara universal apabila di sekolah menengah mereka sudah dapat tahu tanggungjawab sebenar sebagai seorang suami dan sebagai seorang isteri. Itulah pendidikan awal yang harus kita pupuk.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, ke atas pembangunan belia juga seperti mana kita sedia maklum bahawa masyarakat kita adalah masyarakat majmuk, Malaysia sebuah negara seolah-olah satu makmal masyarakat majmuk yang terkenal di dunia ini. Dari segi pembangunan belia orang kata belia ini pewaris bangsa dan negara. Saya rasa dari segi peruntukan juga kita haruslah memastikan bahawa peruntukan yang seimbang haruslah diberikan kepada semua bangsa tidak mengira kepercayaan juga keturunan secara sama rata. Saya telah pun meninjau baru-baru ini draf akta pembangunan belia dan memang kita haruslah berjaga-jaga kerana wujudnya lebih kurang 80% daripada belia dalam masyarakat China yang begitu aktif dalam NGO-NGO tetapi NGO-NGO walaupun badan induk itu berdaftar tetapi sayap-sayap belia dalam NGO yang berdaftar itu bukan merupakan badan yang berdaftar. Dengan itu haruslah akta yang akan dikemukakan itu akan mengambil kira semua kepentingan dan keperluan bangsa-bangsa lain juga terutama sekali bangsa China yang 80% daripada pergerakan aktiviti adalah daripada sayap-sayap belia persatuan-persatuan China.

Dengan usaha daripada pihak kerajaan yang juga saya rasa akan memberikan ruang yang lebih besar juga kepada pertubuhan-pertubuhan belia dalam aktiviti-aktiviti masing-masing dan dalam draf akta pembangunan belia tersebut saya juga membaca seolah-olah ada kuasa yang terlalu besar diberikan kepada Menteri yang seolah-olah dia dapat menentukan hidup ataupun matinya sesuatu pertubuhan belia. Itu bukanlah tujuan kita membangunkan belia dalam negara kita. Dalam akta pembangunan belia ini haruslah kita wujudkan satu ruang yang cukup besar untuk pembangunan belia. Mungkin kadang kala kita ada melakukan kesilapan tetapi bukanlah melakukan kesilapan itu sebahagian daripada proses pembesaran? Kita mestilah memberikan ruangan yang cukup besar supaya pemuda pemudi kita mempunyai satu pemikiran yang kreatif dan inovatif.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bentong bangun.

Tuan Wong Nai Chee: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Saya amat tertarik dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kota Melaka yang menyatakan bahawa Akta Pertubuhan Belia itu sepatut digunakan untuk membangunkan belia. Apakah pandangan Yang Berhormat, kita cadangkan bahawa Akta Pertubuhan itu, yang

akan dicadangkan di Parlimen ini, kita tidak payah mendaftar dengan Kementerian Belia dan Sukan kerana semua pertubuhan belia sekarang telah didaftar di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan tidak perlu lagi membuat daftar semula? Dan, apa cadangan kita kalau kita senaraikan sahaja dan kita tukarkan akta ini kepada Akta Pembangunan Belia? Minta pandangan.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih, Yang Berhormat yang telah pun memberikan pandangan yang dapat memanjangkan ucapan saya dan terima kasihlah Yang Berhormat atas pandangan yang bernas itu.

Saya rasa apa yang kita harus buat dalam akta ini adalah supaya kita menyediakan satu ruang, satu '*environment*' satu alam sekitar untuk pembangunan belia dan bukan sebaliknya menggunakan akta ini untuk menyekat pertubuhan-pertubuhan belia.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Tuan Wong Nai Chee: Tunggu sekejap, tunggu sekejap. Untuk menyekat pertubuhan belia dan saya rasa itu bukanlah satu cara yang baik untuk membangunkan pertubuhan-pertubuhan belia dalam negara kita. Dan, saya rasa adalah satu pandangan yang baik juga untuk menjadikan nama akta itu, Akta Pembangunan Belia dan bukan semata-mata Akta Pertubuhan Belia. Saya rasa penyenaian yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi adalah satu konsep yang baik, yang mana kita akan menyenaraikan pertubuhan belia yang memerlukan bantuan peruntukan daripada pihak kerajaan dengan memenuhi syarat-syarat tertentu, maka dia bolehlah mendapat peruntukan daripada pihak kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung.

Tuan Wong Nai Chee: Saya rasa itu adalah satu cadangan yang praktikal yang benar-benar dapat membangunkan pertubuhan belia dalam negara kita. Yang Berhormat, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kota Melaka tentang kita harus memberi lebih kebebasan kepada belia kita. Apakah pandangan Yang Berhormat bahawa pemuda-pemudi kita yang belajar di kampus, mereka sudah lebih 21 tahun

tetapi masih di bawah tekanan dan cengkaman Akta Universiti dan Kolej, yang menyekat penyertaan mereka dalam aktiviti sosial dan juga politik.

Tetapi kalau kita lihat di luar negara, macam Sweden, parti mereka selalu melantik mahasiswa untuk menjadi Ahli Parlimen supaya mereka boleh mewakili belia untuk menyuarakan apa pandangan juga perkara mereka dalam Parlimen. Jadi, haruskah kita membiarkan belia kita membuang undi pada umur 18 tahun kerana sekarang pada umur 18 tahun mereka boleh kahwin, tetapi tidak boleh buang undi. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat, adakah kita harus biar mereka mempunyai lebih hak dan juga ruang untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial dan juga politik walaupun mereka dalam kampus.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih, Yang Berhormat atas *feedback* tadi, dengan izin. Tapi Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh pertubuhan-pertubuhan belia di bawah Akta Pertubuhan Tahun 1966. Tetapi dalam ucapan saya, saya tidak menyentuh macam mana dengan pemuda-pemudi yang ingin aktif dalam universiti atau pun yang aktif dalam sektor politik dan sebagainya. Tetapi saya rasa itu adalah pandangan Yang Berhormat, tetapi jangan lupa juga kita adanya Akta *Universities and University Colleges Act* Tahun 71. Itu memang satu akta yang menyekat pergerakan bebas belia-belia dalam negara kita. *I'll take the point*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee: Jadi, yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan adanya usaha-usaha yang baik dan juga mengambil kira juga *ground information*, dengan izin, maklumat-maklumat dari peringkat akar umbi, saya rasa kita dapat menggubal satu undang-undang, terutama sekali Akta Pembangunan Belia, yang dapat menyesuaikan dirinya dan juga yang betul-betul dapat memenuhi keperluan dalam semua masyarakat dalam negara kita. Dengan itu saya menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

11.35 pg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *Asslamualaikum Warahmatullahi taala Wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan terima kasih Titah Ucapan DiRaja Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang disampaikan di Dewan yang mulia ini pada 21 Mac yang lalu.

Dalam Dewan yang mulia ini kita nampak banyak pendapat-pendapat yang dikeluarkan. Satu pendapat yang begitu hangat sekali ialah mengenai produk 'halal-haram'. Hala-haram ini Datuk Speaker, banyak dibincangkan dalam dewan yang mulia ini. Yang sebenarnya halal-haram ini, bukannya apabila binatang yang kita sembelih itu, binatang halal, dia mungkin jadi halal. Tetapi kalau binatang ayam, lembu dan lain-lain ini tidak disembelih, ia menjadi makanan yang haram.

Datuk Speaker, di negara kita ini kita banyak kilang-kilang untuk mengeluarkan ayam. Ada kilang-kilang yang mengeluarkan 1,000 ekor ayam yang disembelih pada tiap-tiap hari. 1,000 ekor ayam disembelih pada tiap-tiap hari, saya ingin tahu siapa pemantaunya, yang mereka ini disembelih cara Islam yang sebenar. Baru-baru ini kita nampak kerajaan mengatakan Kementerian Hal Ehwal Penggunalah menjadi pemantau. Bagi saya, yang menjadi pemantau seharusnya Jabatan Perdana Menteri kerana ini melibatkan agama, halal-haram ini melibatkan agama.

Kita tidak sewenang-wenangnya pegang pisau, niat satu ayam dan kemudian sembelih sahaja yang lain dengan tidak ada niat yang sama, ini dianggap haram. Jadi, Datuk Speaker, halal-haram ini mungkin kalau boleh dipinda menentukan halal-haram ini ke Jabatan Perdana Menteri kerana kita ada satu Menteri yang menjaga agama, Jabatan Perdana Menteri. Semua penguatkuasaan kakitangan yang perlu mesti berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Halal-haram ini, Datuk Speaker bukan barang makanan saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun, Yang Berhormat. Ah! Tidak.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Bukan dari segi makanan saja. Bahkan ada produk-produk yang kita nampak dijual di pasaran, kita tidak tahu halal haram. Produk seperti *lotion*. *Lotion* banyak dijual di kedai-kedai yang kita tidak tahu mereka ini ada tanda halalkah atau tidak kerana produk yang menggunakan bahan '*Glycine*'. *Glycine*

ini dibuat daripada lemak binatang. Kita mahu tahu supaya produk ini mesti dilabel oleh Jabatan Perdana Menteri sebagai halal....

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [*Bangun*]

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Kerana kalau dia menggunakan bahan binatang, lemak binatang yang tidak halal, maka produk ini pun tidak halal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat bagi Kalabakan. Saya setuju benar dengan cadangan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, di mana sepatutnya perkara-perkara yang berkaitan agama ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, yang diurus sendiri oleh Menteri yang berkaitan. Sebenarnya, Menteri yang berkaitan dia mempunyai kepakaran, saya yakin beliau mempunyai kepakaran dan jabatan itu juga mempunyai kepakaran.

Jadi, adalah wajar untuk Jabatan ini mengambil segala urusan yang berkaitan dengan agama kerana halal dan haram ini tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya oleh sesiapa. Ia mesti dibuat oleh orang yang mempunyai kewibawaan. Satu, dan yang kedua pulanya saya tertarik dengan apa yang disebutkan tadi bukan makanan saja yang terlibat dengan halal haram. Barangkali oleh sebab umat Islam ini terlalu sensitif dengan babi. Barangkali arak dia minum tapi babi dia tidak makan. Arak boleh minum babi tidak makan, ini agama apa ini? Kalau agama Nabi Muhammad, tidak boleh makan babi, tidak boleh minum arak. Kalau sudah arak minum, babi makanlah buat apa lagi. Begitu kaedah dia. [*Disampuk*]

Jadi, bukan saya suruh tetapi orang panggil dari segi zahirnya begitu. Banyak lagi, riba misalnya. Bank-bank yang terlibat dengan riba di negara kita ,begitu banyak. Judi-judi yang terlibat di negara kita dan negara kita sendiri mempromosikan judi terbesar di Asia Tenggara. Mengapa tidak sensitif dengan judi, dengan arak, dengan riba, sedangkan babi saja. Apa pandangan Yang Berhormat tentang banyak lagi perkara-perkara yang mesti disentuh dan mesti diambil ganggu oleh pihak-pihak yang berkuasa dan bukan sahaja babi saja? Perkara-perkara yang berkaitan yang saya sebutkan tadi, apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Memang saya menjurus kepada semua produk-produk bukan sahaja barangan makanan bahkan produk-produk lain.

Saya telah pun menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini, sesi yang lalu, bahawa kita tidak mahu ada arak dijual dalam, dilayan di dalam kapal terbang MAS. Tetapi jawapan yang dibagi, "*Ini perniagaan*". Jadi, persoalannya, bolehkah kalau berniaga, walau barang haram pun boleh kita niagakan? Ini jawapan yang saya dapat dari kementerian. Yang sebenarnya, yang haram tetap haram yang halal tetap halal. Ini penting. Kita tidak boleh bagi alasan yang banyak, alasan yang kita buat, yang haram pun kita mahu halalkan.

Tuan Speaker, kita nampak bahawa tanda '*Halal*' '*Haram*' ini dijual di *Supermarket*, kedai-kedai. Jadi, ini merisaukan saya kerana saya fikir waktu seseorang itu berniaga apabila dia memikir keuntungan dia tidak lagi fikir tentang halal atau haram kerana dia punya persoalan di situ, keuntungan sahaja.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kalabakan, 'abang' saya. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik dan terpanggil tercubit hati saya apabila disebut bab halal-haram ini, kerana saya hendak tanya Yang Berhormat, setuju atau tidak kita tengok balik Akta Perihal Dagangan ini, supaya membolehkan pengeluar halal-haram ini ialah JAKIM di bawah Jabatan Perdana Menteri. Boleh atau tidak kita tubuh satu unit *enforcement* yang betul-betul, jangan dok main enam orang saja. Buat betul-betul, secukupnya dari segi man power. Kemudian, beri kuasa sikit walaupun di bawah perdagangan, beri kuasa untuk kita membasmikan cerita besar ini, cerita dunia akhirat ini.

Yang keduanya, belum habis lagi, satu lagi. [*Ketawa*] Sebenarnya bukan soal binatang saja halal-haram ini, masuk juga kosmetik. Yang dok pakai orang perempuan, isteri kita itu pun kena ambil kira juga. Ubat-ubatan itu tidak apalah sebab diharuskan, ubat kalau persennya, ia kecil, boleh buat ubat, 'harus' hukumnya. Tetapi, kalau kosmetik tidak harus sebagai ubat, untuk nak 'comel'. Maka, kita harus kena ambil kira

juga. Ini semua adalah tertakluk kepada halal-haram yang kita tahu kaedah halal-haram itu sendiri. Setuju atau tidak? Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Itu memang saya setuju. Itu lah sebab saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Saya memang sudah sebutkan tadi bukan dari segi makanan bahkan produk-produk lain seperti saya katakan tadi *lotion*, krim, pelembap dan lain-lain yang digunakan untuk wanita. Ini pun kita mesti pastikan bahawa bahan-bahan campuran dalam krim-krim ini mestilah benda-benda yang halal. Kita mahu supaya orang-orang Islam, terutama sekali wanita, walaupun mahu menjaga kecantikan pastikan bahawa produk yang dibeli untuk *lotion*, krim atau pelembap ini, ia datang daripada benda yang halal.

Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya apabila kita menghadapi pilihan raya, kita mengagihkan kerusi kepada semua komponen Barisan Nasional, ini saya bagi contoh. Kebetulan di kawasan saya, kawasan Parlimen Kalabakan, kita ada tiga dewan undangan negeri; Dewan Undangan Negeri Sibatik, Tanjung Batu dan Merotai. Kesemua pengundi di tiga kawasan ini 80% Islam.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Jasin bangun.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Sekejap ya. 80% Islam, kemudian atas dasar Barisan Nasional, satu kerusi dibahagi kepada komponen Barisan Nasional di mana wakilnya bukan Islam. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, apa macam wakil rakyat yang bukan Islam ini mewakili 80% buat dia punya kerja? Kerana ada orang mentafsirkan, apa yang dibagi mungkin tidak halal. Misalnya, kalau peruntukan yang diberi dari kerajaan memang halal, tetapi kalau peribadi? Apa macam? Ini pun saya minta JAKIM untuk mengkaji sebab kita tidak mahu seorang wakil rakyat yang bukan Islam pergi ke satu tempat di mana ada keuzuran, dia bagi sumbangan RM1,000, duit ini dibeli untuk menyempurnakan pengebumian si mati ini nanti; kain putih dan kelengkapan-kelengkapan lain. Jadi apa hukumnya?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin bangun, hendak bagi jalan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kalabakan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat bagi Kalabakan. Kita dapat lihat pada hari ini oleh kerana permintaan dunia terhadap barang-barang yang ada logo halal pada hari ini banyak dapat sambutan di negara-negara sebelah Asia Timur dan juga negara-negara yang banyak orang Islam. Kita dapati bahawa pada hari ini ramai di antara pengusaha-pengusaha kita yang bukan Islam mengambil kesempatan dan kita tahu kalau kerja ini diserahkan kepada JAKIM, kita hendak tahu juga berapa ramai kakitangan JAKIM yang ada?

Di Melaka pada hari ini, kita telah mewujudkan satu Halal Hak – kuasa industri mengeluarkan barang-barang halal dan JAKIM mempunyai seorang pegawai sahaja di Melaka. Bagaimana hendak menentukan sebenarnya barang yang dikeluarkan itu benar-benar halal? Ini persoalannya. Kalau Yang Berhormat bagi Kalabakan setuju, mengapa tidak kita cadangkan? Ini peluang kepada orang kita yang berlatar belakang agama, yang berpendidikan agama macam Pasir Mas besok kalau sudah pencen, orang-orang macam yang berlatar belakang agama ini kita tempatkan, kita wajibkan kepada mereka yang hendak menggunakan logo Halal ini, pegawai-pegawai yang berpendidikan agama ini kita tempatkan di dalam kilang sebagai menjadi pegawai agama ataupun hendak menyaksikan benda itu betul-betul halal ataupun tidak. Ini adalah satu peluang untuk orang kita. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Kalabakan?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Ini perkara baik, memang saya setuju. Yang sebenarnya, apa yang saya ingin cadangkan Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mungkin boleh serahkan pemantauan ini kepada Kementerian Hal Ehwal Pengguna. Kalau ada penguatkuasaan yang mahu dibuat, mungkin penguatkuasaan ini menggunakan semua jentera ini digunakan oleh JAKIM untuk menentukan halal dan haram.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi, banyak tempat yang menyembelih ayam; ada orang Islam dan ada yang bukan Islam. Tetapi walaupun dia bukan Islam atau orang Islam, kita pastikah orang yang betul-betul menyembelih ini betul-betul tahu tentang selok-belok agama?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading bangun.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Masa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Masa boleh dicari [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kalabakan. Saya bukan orang yang boleh membuat fatwa tetapi saya terpanggil apabila Yang Berhormat sahabat saya Kalabakan meragui atau hendak bertanya wakil rakyat yang bukan Islam dalam kawasan orang Islam, pemberiannya itu halal atau haram? Bagi saya yang cetek ilmu pengetahuan, saya menyatakan bahawa perkara itu halal. Mana-mana wakil rakyat yang bukan Islam mewakili orang-orang Islam, dermalah seberapa banyak, ia tetap halal. Ini fatwa yang saya tahu, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, macam mana? Tidak tahu agaknya. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri tidak tahulah macam mana dia punya hukum pula. Saya tidak boleh keluarkan fatwa tetapi pada fikiran saya, halal dan baik.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, itu pendapat Sri Gading. Dalam Islam, yang menentukan halal atau haram, Majlis Fatwa Kebangsaan, bukan kita dalam Dewan yang mulia ini, Majlis Fatwa Kebangsaan kita. Kita mahu, perkara yang saya kemukakan ini bukan ditafsirkan oleh satu atau dua orang sahaja. Majlis Fatwa Kebangsaan yang mahu buat fatwa sama ada yang saya huraikan di sini halal atau haram dan cadangan-cadangan yang saya buat. Seperti mana saya katakan, label halal ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu hari ini, boleh beli di *supermarket*, seribu pun boleh kita dapat. Yang kedai bukan halal pun jualannya, kita boleh letak halal, orang Islam makan kerana orang-orang berniaga ini dia fikir keuntungan. Dia bukan fikir kebajikan orang Islam. Ada di negara kita hotel-hotel yang kita nampak mungkin tidak halal, kita ragu-ragu. Jadi kita minta kajian ini menyeluruh....

Tan Sri Dato' K.S. Nijhar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Subang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: termasuk hotel-hotel lima bintang, tujuh bintang ini kita akan siasat dan beri kepastian bahawa tanda halal yang diberi itu

bukannya yang dibeli di *supermarket*, di keluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, diumumkan kepada rakyat keseluruhannya dalam negara kita. Sila.

Tan Sri Dato' K.S. Nijhar: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Saya hendak minta penjelasan sedikit. Baru-baru ada satu pertubuhan di Bangsar – Global Six International yang mengutip USD7.5 juta untuk menolong kepada mangsa-mangsa di Aceh. Kebanyakan penduduk di Bangsar adalah orang Islam. Saya hendak minta penjelasan, sumbangan itu halal atau haram? Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Yang Berhormat Subang, itu yang saya katakan tadi. Kita tidak boleh tentukan halal haram kerana dalam Islam, dalam negara kita yang menentukan halal haram in ialah Majlis Fatwa Kebangsaan. Saya tidak boleh, Jerai pun tidak boleh dan kita nampak Sri Gading pun tidak boleh, Jerai tidak ada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada tajuk lain kerana kalau bercerita fasal halal atau haram, mungkin banyak berdiri, saya tidak ada masa. Tajuk saya ialah mengenai alam sekitar. Dahulu saya sudah kemukakan di sini mengenai akta-akta yang kita luluskan dalam Dewan yang tidak sampai ke Sabah dan Sarawak, saya sudah persoalkan - penguatkuasaannya tidak sampai ke Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya di bawah Dewan Undangan Negeri Tanjung Batu di Kampung Tanjung Batu ada sebuah kuari, kampung Melayu. Kuari berjalan 24 jam, orang-orang kampung menderita, masjid tidak dapat diletakkan karpet kerana debu, habuk, kata orang Semenanjung, habuk. Kita tidak tahu Kementerian Alam Sekitar ini sama ada tahu atau tidak tentang perkara ini kerana mungkin ini di Sabah, dia tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berfikiran kalau ada masalah-masalah sekiranya penguatkuasaan tidak sampai ke Sabah, saya fikir mungkin TV3 bawa Karam Singh kasi keluar dalam TV3, mungkin ini baik. Saya jemput sama ada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen ikut saya, saya tunjukkan keadaan yang sebenarnya.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pendang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Mungkin di tempat Yang Berhormat kuari, di tempat

saya pula kilang padi – beras Jati yang Ahli-Ahli Yang Berhormat makan itu adalah di tempat saya, di Pendang. Rupa-rupanya dia menggunakan sekam padi sebagai bahan bakar. Apabila sekam ini digunakan sebagai bahan bakar, ia melepaskan habuk-habuk sekam itu ke udara dan ini sudah tentu melibatkan masalah kesihatan dan juga pencemaran alam sekitar. Kita telah buat laporan kepada Jabatan Alam Sekitar dan setiap kali mereka pergi dan apabila balik, senyap sahaja, tidak ada tindakan lanjut. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Itu yang saya katakan tadi Yang Berhormat. Kalau kerajaan tidak peduli, kita bawa Karam Singh dari TV3 expose ia dalam TV. Mungkin dengan adanya pendedahan ini, mereka mengambil tindakan, ini sahaja. Saya akan buat apa-apa perkara yang saya fikir di kawasan saya yang tidak dapat ditangani oleh mana-mana kementerian, saya bawa TV3 sahaja. Bagus saya terangkan di sini, jadi lain kali kalau ada TV3 keluar mengenai dengan keburukan berada di kampung, orang tidak boleh tuduh saya lagi. Sekarang saya sudah kemukakan dan saya sudah merayu, sampai mana perkara ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada tiga yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Ini mahu minta masa kecederaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sri Gading. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini teruk sangat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Sri Gadinglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, yang lain duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau seorang Ahli Parlimen membangkitkan di Dewan yang mulia ini, masalahnya kementerian tidak mahu mengambil tindakan, hanya mahu mengambil tindakan kalau Karam Singh datang, baru hendak ambil tindakan, kementerian kena tutup. Menteri dan Timbalan Menteri pun kena tutup sebab Ahli Parlimen di Dewan yang mulia tidak dengar, Karam Singh dia boleh dengar, maknanya Parlimen tak berfungsi, tidak berfungsi. Maknanya Karam

Singh lebih berkuasa dari Parlimen, saya cadangkan kepada Perdana Menteri, kementerian itu tutup, menteri-pun buang, Timbalan Menteri buang, Setiausaha Parlimen buang, minta maaf. Datuk Rais kata nanti, saya gunakan bahasa kasar. Tetapi kalau Karam Singh punya suara, barulah tindakan diambil, apa gunanya kita bersidang. Tutup Parlimen, tutup Parlimen. Oh, ini bukan perkara kecil, terima kasih, itu pandangan saya.

Dr. James Dawos Mamit: Mambong, Mambong dahulu.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Mambong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Kalabakan. Ini tentang habuk terampai yang timbul daripada kuari-kuari di kampung-kampung ini. Seharusnya Jabatan Alam Sekitar tidak patut meluluskan Laporan EIA jika kuari ini terlalu dekat di kawasan perkampungan. Ini adalah satu masalah yang saya sebut hari itu bahawa sistem EIA di negara kita sekarang memang tidak berkesan, memang tidak berkesan.

Oleh yang demikian, saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Kalabakan, bolehkah Yang Berhormat Kalabakan menjemput saya sendiri untuk meninjau berapa seriusnya masalah-masalah yang disebut itu tadi?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Saya ucapkan berbanyak terima kasih dan saya akan bagi tambang untuk pergi ke Kalabakan.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Saya akan bagi tetapi saya ingin mencadangkan macam Mambong ini patut jadi Menteri.

Beberapa Ahli: Ya!

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, KLIA (Kuala Lumpur International Airport) tidak selamat. Tidak selamat. Kementerian Pengangkutan mesti ambil kira kerana kalau saya kata tidak selamat, mungkin memang tidak selamat. Kalau

dahulu saya katakan dalam Dewan yang mulia ini Amerika akan serang Iran, orang ketawakan saya. Sekarang ada ura-ura dia hendak serang.

Jadi kalau saya katakan KLIA tidak selamat tentu orang akan bertanya kenapa tidak selamat. Sistem yang kita ada tidak baik kerana penumpang-penumpang dan orang ramai boleh masuk ke KLIA waktu orang *check-in* mereka boleh berada di sana. Saya sudah kena Tuan Yang di-Pertua. Sewaktu saya berada di KLIA, saya *check-in* bila saya toleh ke belakang beg saya hilang. Saya laporkan pada polis di KLIA. Saya katakan, "mungkin kita boleh kesan siapa pencuri ini". Kita mahu supaya MAB kamera - dia ada kamera.

Beberapa Ahli: CCTV!

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Polis pergi tengok kamera itu, kamera sahaja ada tetapi tidak ada *recording*.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Belanja berpuluh-puluh juta untuk letak kamera tetapi tidak boleh *recording*. Buat apa? Kalau kita buat tandas, kita mahu orang buang air di sana, kalau tidak boleh buang air, bikin apa tandas? Ini masalah yang kita hadapi.

Jadi saya cadangkan seperti negara-negara lain kalau mahu *check-in passenger* orang luar tidak boleh masuk dalam. Ada sekatan. Apabila kita tanya mengapa begini? Ada dua tiga kes, sepuluh kes sudah ada orang-orang luar, orang-orang yang berkulit hitam yang datang dari luar, dia kata, "mereka ada yang ditangkap seorang dua". Tetapi masalah ini orang tidak percaya kepada KLIA. Jadi Menteri turun padang. Menteri ini turun padang lihat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang di Kota Kinabalu International Airport, Kerajaan Persekutuan mahu belanja RM1 bilion untuk membesarkan *airport*.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin: Hebat! Hebat!

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Yang sebenarnya kawasan *airport* yang ada ini tidak ada visi. *No vision at all!* Kerana lima tahun akan datang dia jem lagi. Belanja lagi. Saya ingat dahulu, Perdana Menteri dahulu kata, "*this airport has got no vision*", mahu pindah. Ada cadangan pindah. Sekarang bukan cadangan pindah, mahu belanja RM1,000,000,000 untuk perbaiki kemudian lima tahun mungkin baru mahu pindah.

Bikin apa? Ini membazir kerana mungkin ada kementerian mahu beri kontrak kepada konco-konco. Kontrak bukannya projek. Kontrak!

Perkara ini kita harus teliti minta supaya kementerian kaji semula. Kalau harus mahu pindah, kita pindah kerana kos RM1000 juta ini boleh buat di kawasan Kimanis kerana tanah yang ada kita boleh bangukan. Daripada pembangunan itu kita boleh tumpukan kawasan yang baru. Lebih canggih lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh duduklah.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Minta kalau boleh Tuan Yang di-Pertua kerana gangguan banyak.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya cerita pasal masalah di Sabah mungkin tiga jam tidak selesai kerana masalah kemiskinan, masalah pendidikan luar bandar, masalah pembangunan seimbang, masalah lampu, masalah air dan masalah keselamatan. Tetapi saya mungkin mahu menyentuh tentang - kerana masa saya terhad, kepada kemiskinan tegar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Saya gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Kemiskinan tegar. Kemiskinan tegar ini Tuan Yang di-Pertua di Sabah saya ingat kiamat dunia kita tidak boleh selesaikan kerana sistem yang kita buat ini tidak boleh menghapuskan kemiskinan. Saya sudah katakan dahulu dan saya katakan sekali lagi kemiskinan ini mesti sealiran dengan pelajaran-pelajaran anak-anak di luar bandar. Mereka tidak ada ilmu, mereka ikut ibu bapa mereka, mereka semakin hari semakin miskin kerana ilmu tidak ada. Mereka akan jadi miskin jadi *multiply*. Kalau empat anak, sepuluh tahun akan datang sudah jadi 40 orang lagi yang jadi miskin. Bagaimana kita mahu hapuskan kemiskinan tegar ini. Ilmu penting. Kemudahan sekolah-sekolah luar bandar penting.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhir saya bagi satu contoh Skim Baucar Tuisyen. Apabila Kementerian Pendidikan kata RM34 juta dibelanjakan di Sabah, saya hairan

betul. Saya kecewa kerana kita tidak nampak bahawa tuisyen-tuisyen ini betul-betul dirancang dengan sepatutnya. Mungkin peruntukan diberikan kepada jabatan-jabatan, guru-guru yang diberi untuk mengendalikan tuisyen ini, mereka muafakat di antara mereka buka satu.....

Beberapa Ahli: Kelas tuisyen.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:kelas tuisyen, panggil budak-budak angkut semua peruntukan ini. Jadi ini tidak adil. Jadi, saya cadangkan supaya semua Ahli Parlimen terlibat dalam apa juga pemberian kepada sekolah termasuk pemakanan, termasuk baucar tuisyen. Ahli Parlimen melibatkan diri kerana Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum yang akan menanggung akibat ini nanti Ahli Parlimen. Bila tempoh pilihan raya sampai, orang bangkitkan macam-macam kepada kita. Kita tidak boleh jawab. Orang kata kalau tidak boleh jawab kenapa jadi Ahli Parlimen. Jadi ini penting Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, oleh kerana masa tidak mengizinkan kepada saya untuk menyuarakan banyak perkara seperti yang saya katakan tadi, banyak perkara termasuk mungkin korupsi. Kalau saya ada masa, saya ada hendak cerita mengenai korupsi juga tetapi masa sudah tidak ada.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin: Teruskan!

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Korupsi Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cerita masa akan datanglah. Masa cukup.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Sedikit, sedikit boleh. Sedikit. Korupsi Tuan Yang di-Pertua bukannya bagi wang ambil wang, bukan. Itu satu daripadanya. Korupsi sekarang moden. Apabila orang kampung minta permohonan tanah di Jabatan Tanah, satu bulan, dua bulan, tiga bulan, empat bulan. Apa erti? Tetapi kalau sekiranya individu lain minta tanah, satu minggu selesai. Apa ertinya ini Tuan Yang di-Pertua? Inilah *corruption* yang paling besar dalam negara kita.

Cik Fong Po Kuan: Ya, sokong! Sokong!

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: *Corruption!* Saya contohkan tanah. Banyak lagi permohonan-permohonan lain yang ditahan. Inilah dia Tuan Yang di-Pertua. Jadi

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan Kalabakan menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terlampau ramai. Yang Berhormat, saya terpaksa pendekkan masa sedikitlah. Daripada 30 minit ke 20 minit bagi setiap ahli berucap. Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, sila.

12.10 tgh.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk serta dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya ingin menjuruskan perbahasan saya kepada kepentingan institusi keluarga dan isu wanita.

Tuan Yang di-Pertua, kerapuhan institusi keluarga di negara kita semakin nyata apabila kita dilanda dengan krisis keluarga. Masalah anak-anak semakin kurang ajar, biadab, penceraian, sumbang mahram, keruntuhan akhlak remaja yang terlibat dengan pelbagai jenayah semakin meningkat dan amat membimbangkan kita dan mendesak kita untuk segera menangani masalah tersebut.

Tetapi setiap kali krisis keluarga berlaku selalunya kaum wanita yang sering dipersalahkan. Kononnya tidak pandai menjaga anak, tidak pandai menjaga suami dan keluarga. Kaum lelaki sebenarnya lupa juga tanggungjawab mereka.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kalabakan bangun.

Cik Tan Lian Hoe: Ya. *[Ketawa]*

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Boleh? Bolehlah.

Cik Tan Lian Hoe: Nanti sekejap saya habiskan dahulu.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Bolehlah.

Cik Tan Lian Hoe: Maka.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia kata sekejap.

Cik Tan Lian Hoe: Saya baru sentuh sedikit sahaja. Oh, sensitif betul kaum lelaki. Tetapi kaum lelaki tidak sensitif terhadap kaum wanita. Maka sudah sampai

masa sebenarnya kaum lelaki berperanan melaksanakan tanggungjawab bersama untuk membina sebuah keluarga yang bahagia. Sudah sampai juga masanya kaum lelaki perlu sedar dan tidak perlu lagi memberi alasan untuk berkahwin lebih daripada satu demi untuk menjaga keutuhan institusi keluarga. Alasan agama membenarkan kaum lelaki Islam berkahwin empat perlu diperhalusi dan diinsafi kerana pada zaman Nabi Muhammad.....

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kalabakan.

Cik Tan Lian Hoe:kaum lelaki.....Sekejap, sekejap. Kaum lelaki dibenarkan berkahwin kerana hendak menyelamatkan kaum wanita yang menderita yang kehilangan suami semasa peperangan. Tetapi ini telah pun disalahertikan dan kaum lelaki mengambil kesempatan untuk berkahwin sehingga empat hanya untuk memuaskan nafsu mereka.....

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: *[Bangun]*

Cik Tan Lian Hoe:dengan meranapkan kerukunan dan kebahagiaan keluarga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kalabakan bangun.

Cik Tan Lian Hoe: Sekejap. Sehingga isteri dan anak-anak menderita. Sila Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Bukit Gantang, bukan main hebat. Tetapi sebenarnya saya ingin membuat penjelasan kerana tuduhan melulu semua lelaki. Bukan semua lelaki. Bukan semua lelaki. Kalau ada yang kahwin empat dalam Islam, mungkin adalah kerana dalam satu pohon bukan semuanya baik, ada yang tidak baik. Tetapi jangan katakan semuanya tidak baik. Jadi mintalah Bukit gantang. Macam saya, saya sebetulnya memang sayang kepada wanita. Dalam Dewan ini apabila saya jumpa saya tegur semua. Jadi bererti jangan semua dianggap bahawa lelaki jahat.

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan. Sebenarnya siapa yang makan cili, dia yang merasanya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Cik Tan Lian Hoe: Sebenarnya kalau kita lihat.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Pasir Mas.

Cik Tan Lian Hoe: *[Ketawa]* Sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagaimana Rasulullah SAW membenarkan ataupun Islam membenarkan lelaki berkahwin lebih daripada satu dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat mengatakan bahawa ia mesti dihalusi tentang perkahwinan. Barangkali pandangan Yang Berhormat tadi iaitu dia bersetuju kahwin lebih daripada satu tetapi syarat berlaku adil. Itu barangkali yang disebut oleh Yang Berhormat, yang tersirat di hati Yang Berhormat – syarat berlaku adil, kemudian sama rata, bertimbang rasa, ada tanggungjawab maka dibenarkan kerana syariah Islamiyah ini ia hanya bukan semasa Yang Berhormat. Ia bukan hanya pada zaman Nabi Muhamad tetapi ia berkekalan sehingga ke hari kiamat. Itu yang saya hendak perbetulkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat dengan hikmat-hikmat syar'ie yang tersembunyi di sebalik apa yang dibenarkan oleh Islam. Apa pandangan Yang Berhormat?

Cik Tan Lian Hoe: Okay, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Sebenarnya kalau kita lihat isteri manakah yang ingin dimadukan. Walaupun dikatakan akan berlakunya keadilan tetapi sebenarnya akibat daripada hendak berkahwin lebih daripada satu, akhirnya institusi kekeluargaan itu tergugat sebenarnya.

Saya hendak tanya, berapa ramaikah kaum lelaki yang berkahwin sama ada janda ataupun balu, yang mempunyai ramai anak? Mereka cuma hendak berkahwin dengan wanita yang jelita, cantik, muda dan kalau boleh berada. Disebabkan kerana inilah maka kalau kita lihat, kita perhalusi masalah-masalah keluarga telah pun wujud. Sekiranya kaum lelaki boleh tetap dengan isteri yang pertamanya, saya ingat keluarga kita akan bahagia dan kekal selama-lamanya dan masalah sosial saya ingat tidak akan wujud.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sekijang.

Cik Tan Lian Hoe: Sila.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat fasal sebut kahwin lebih ini, tadi nampaknya Yang Berhormat bagi Bukit Gantang hanya menyalahkan satu pihak sahaja tetapi dalam perkahwinan ini, walaupun satu ataupun lebih, perempuan juga berperanan. Kalau perempuan itu sendiri tidak mahu, tak nak menerima maka tidak akan terjadi perkahwinan itu. Tetapi kalau sudah terjadinya perkahwinan itu, sekurang-kurangnya lelaki dapat juga menyelamatkan ataupun menambah isteri dan sebagainya, sekurang-kurangnya wanita yang lewat kahwin dan sebagainya, dapat juga pasangan. Apa pendapat Yang Berhormat?

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. Memang saya tidak dapat nafikan bahawa kebahagiaan sesebuah keluarga, lelaki dan wanita memainkan peranan, tetapi kalau kita lihat apabila pada awalnya mereka berkahwin telah adanya cinta tetapi kenapakah selepas kahwin cinta itu dengan mudah pupus. *[Disampuk]* Oleh itu

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: *[Bangun]*

Cik Tan Lian Hoe: kalau kita lihat, sebenarnya kita perlu menjalankan apa yang telah disarankan, dicadangkan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Yang Berhormat bangun.

Cik Tan Lian Hoe: oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading sebenarnya kempen Cinta – *there's no love*. Jadi kita perlu menjalankan kempen cinta – cinta pada isteri ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Krau bangun.

Cik Tan Lian Hoe: Ya sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Saya hendak tanya Yang Berhormat, tadi di mana Yang Berhormat tidak bersetuju kalau kahwin lebih daripada satu, tetapi mana yang lebih baik, dia kahwin berdaftar atau hanya simpan tanpa berdaftar – kahwin seorang tetapi simpan tiga, empat orang dan ada hasil daripada perhubungan tersebut anak-anak tidak terjaga kebajikannya. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Cik Tan Lian Hoe: Itu yang saya tidak mahu sebab memang sudah terbukti bahawa apabila adanya perkahwinan simpan wanita dan sebagainya, sebenarnya keluarga berkocak. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kempen cinta itu amat penting – cinta untuk sayang pada isteri, *love the wife*, cinta pada suami, cinta pada anak, cinta pada keluarga. Sebab sekiranya kita tidak menjalankan kempen cinta ini dari semasa ke semasa, kita sebenarnya kadangkala alpa dan akhirnya inilah yang berlaku dalam masyarakat kita iaitu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu minat pada soalan.

Cik Tan Lian Hoe: keluarga, institusi kekeluargaan semakin tergugat. Sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Saya mungkin mempunyai pendapat yang berbeza. Yang Berhormat mungkin membuat kesimpulan apabila seorang suami itu bernikah lagi satu, cintanya kepada isteri yang pertama itu pupus. Sebenarnya tidak Yang Berhormat, [*Ketawa*] cuma kita kekalkan cinta kita pada isteri yang pertama kemudian kita tambah lagi rasa cinta kita kepada isteri yang baru. Terima kasih Yang Berhormat, saya pohon penjelasan. [*Ketawa*]

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya ingat yang ini mustahillah. [*Ketawa*] Saya ingat isteri tidak akan menerima hakikat ini. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kempen Cinta ini, kempen seperti *The First and the Last*, dengan izin, kempen “Hanya Satu Sehayat”, kempen “Lelaki Sempurna Keluarga Bahagia” [*Ketawa*]

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: [*Bangun*]

Cik Tan Lian Hoe: Okay, sila.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Boleh? Saya sangat tertarik dan saya merasai perasaan yang diluahkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Saya setuju, cuma saya hendak tanya bagaimana Yang Berhormat boleh memberi penjelasan. Kalau di Kelantan kita ada 49,000 ramai perempuan daripada lelaki. Saya rasa di Wilayah Persekutuan lebih ramai lagi. Perempuan dia bukan sahaja hendak dari segi kebendaan, perlindungan, keselamatan tetapi dari segi seks, sedangkan lelaki ini sudah tidak ada, kurang. Jadi sekarang ini kalau tidak bagi kahwin lebih daripada satu,

mungkin dia terjebak ke dalam lembah pelacuran dan saya tidak dengar perempuan membela. Bagaimana jalan penyelesaiannya Yang Berhormat?

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Sebenarnya walaupun pada hari ini kalau kita dapati disebabkan kerana melalui pendidikan, wanita telah dapat berdikari, sebenarnya wanita lebih memilih menjadi seorang diri sahaja sebab akibatnya mereka pun dapat melihat dari keluarga mereka apabila mungkin abang, kakak, adikkah yang berkahwin, dan perkahwinan itu tidak menjadi – berlaku perceraian dan sebagainya, kadangkala menyebabkan wanita lebih memilih tidak berkahwin sebenarnya. Tentang hal ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Cik Tan Lian Hoe: Ya sila.

Puan Chong Eng: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Tadi Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa mengaitkan wanita yang dia kata ada di Kelantan, lebih wanita daripada lelaki maka itu dijadikan alasan untuk lelaki kahwin dua dan beliau juga mengaitkan kalau lelaki tidak dibenarkan berkahwin dua, wanita akan terlibat dalam pelacuran. Saya rasa hujah ini tidak mempunyai asas kerana pelacuran berlaku di mana-mana sahaja. Sebenarnya kalau ada lebih ramai lelaki, pelacuran ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalan Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: lebih banyak lagi. Jadi, saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Gantang adakah Yang Berhormat setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa? Terima kasih.

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Sebenarnya memang saya tidak bersetuju sebab tidak semestinya dengan adanya lebih ramai wanita maka wanita akan melakukan perbuatan-perbuatan maksiat macam ini sebab sekiranya kalau wanita keimanannya kukuh, diberi agama yang mencukupi, saya ingat masalah ini tidak akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjerus kepada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada empat minit lagi ya.

Cik Tan Lian Hoe: ... topik yang lagi satu iaitu tentang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ampang.

Cik Tan Lian Hoe: ... kisah wanita ...

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat bagi Bukit Gantang beralih kepada tajuk seterusnya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa meningkatnya golongan andalusia kerana mereka tidak yakin dengan kesetiaan lelaki jika mereka berkahwin. Andalusia ini adalah istilah baru menggantikan "andartu". Andartu bermakna anak dara tua, konotasinya tidak begitu cantik tetapi andalusia bermakna 'anak dara lanjut usia.' Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Saya memang bersetuju sebab hari ini kita lihat, seperti yang telah saya katakan, keluarga setelah mendirikan rumah tangga, keluarga itu berpecah belah dan sebagainya, itu yang telah menyebabkan ramai wanita lebih rela untuk tidak berkahwin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan jenayah rogol dan bunuh di kalangan wanita yang dilakukan juga oleh sesetengah kaum lelaki. Sekarang saya gunakan 'sesetengah kaum lelaki', membawa kepada kita andaian bahawa sesetengah lelaki ini telah kehakisan nilai-nilai terpuji, nilai moral dan nilai keagamaan.

Sebenarnya keselamatan wanita terancam bukan sahaja di luar tetapi di dalam rumah sebab kebimbangan si isteri untuk meletakkan anak di rumah. Mereka rasa tidak selamat sebab suami sendiri yang akan makan anaknya, seperti kematian Canny Ong, Nurul Huda dan yang lain itu memanglah amat menyedihkan kita dan kita sebenarnya ingin menuntut dan menyeru kepada kaum lelaki untuk mereka sama-sama menggembleng tenaga mereka untuk mengadakan ceramah-ceramah agama, seminar kesedaran, lelaki menghormati kaum wanita, sebab kalau lelaki menghormati kaum wanita, saya ingat perkara jijik ini tidak akan berlaku serta tanggungjawab lelaki untuk membela kaum wanita, cara mengawal nafsu dan meningkatkan keimanan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, terima kasih Yang Berhormat, saya *respect*, dengan izin, cakap Yang Berhormat tadi, cukup baik, tetapi kita kena balik kepada tujuan perkahwinan. Kalau kita kerana hendak kahwin untuk nafsu, untuk keseronokan, kita akan bercerai kalau sudah habis keseronokan dan kecantikan atau sebagai. Sebenarnya Islam suruh kahwin dengan hartawan, jutawan, rupawan, disuruh pilih salah satu tetapi beragama, betullah tu.

Tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat, setuju tak kita jangan sekat untuk poligami, jangan hendak kempen monogami. Isteri satu suami satu itu monogami namanya tetapi kita benarkan seluas-luasnya poligami tetapi kita kena baca ayat Quran, dengan izin, [*Membacakan sepotong ayat Al-Quran*] dia tidak sebut satu, dua selalu. Boleh kita cantumkan perempuan dua, tiga, empat – dia tidak sebut satu sebab satu itu sudah automatik. Itu dia, tetapi ada orang yang kahwin empat terus, tetapi syaratnya ada, jangan noktah di situ [*Menyambung membaca ayat Al-Quran yang dibaca tadi*] bermaksud, “kalau tidak sanggup berlaku adil zahir dan batin semua sekali, kasih sayang dan sebagainya, satu sahaja, tidak perlu dua. Tidak payah kita potong ayat Quran kerana ayat itu tidak dimansuhkan, masih kekal, masih (*still*) dengan izin, boleh kita kahwin empat tetapi syaratnya, dengan adil. Setuju tak?

Cik Tan Lian Hoe: [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Memang kalau hendak tanya pendapat wanita, boleh katakan 100% yang hendakkan cuma monogami sahaja, tidak mahu poligami sebab memang kita tahu bahawa apabila berlakunya perkahwinan lagi satu, si isteri akan menderita. Apabila si isteri menderita, isteri tidak dapat menjalankan tanggungjawab untuk menjaga anak-anak dan sebab itu institusi keluarga tidak dapat dikekalkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Sikit sahaja, pasal menderita tadi.

Cik Tan Lian Hoe: Saya ingat cukuplah Yang Berhormat bagi Pasir Puteh

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Tambah sikit yang menderita tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Buang masa, cukuplah.

Cik Tan Lian Hoe: Biar saya habiskan sikit lagi. Berkaitan dengan, ok saya mintalah kaum lelaki mengadakan seminar sebab kita dapati bahawa kebanyakan seminar yang dijalankan untuk kaum lelaki, kaum lelaki sendiri yang tidak mahu menghadiri seminar itu. Tetapi kalau kaum lelaki menjalankan, mengadakan seminar-seminar ini, mungkin kaum lelaki akan turut serta.

Tuan Yang di-Pertua, wanita kalau kita lihat berjumlah 12.5 juta di negara kita sebenarnya merupakan kumpulan yang dapat memberi sumbangan kepada ekonomi. Tetapi guna tenaga wanita itu sebenarnya tidak secara optimum. Ramai wanita dalam lingkungan yang bekerja ini, tidak dapat bekerja kerana mereka menghadapi banyak masalah dan masalah yang utama di sini ialah penjagaan anak-anak kecil. Kita tahu bahawa pusat asuhan kanak-kanak di seluruh negara kita adalah amat terhad dan di luar kemampuan.

Oleh itu, saya berharap pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlu mengkaji aspek ini untuk membantu wanita dalam dunia pekerjaan. Sebab kita tahu bahawa kanak-kanak dalam lingkungan 0-4 tahun harus mendapat pengasuhan dan pendidikan awal yang sesuai dengan perkembangan masing-masing dari segi sosioemosi *connective* jasmani dan rohani. Sebab itu, sudah pun sampailah masanya pihak kerajaan memikirkan betapa pentingnya menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di peringkat akar umbi lagi.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang ibu tunggal ini. saya masih belum puas hati dengan jawapan yang diberi oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sepatutnya agenda utama kementerian sebenarnya ialah memikirkan kemahiran-kemahiran yang perlu hendak diberikan pada ibu tunggal. Sebab kita dapati bahawa nasib ibu tunggal ini tidak terbelah. Hidup mereka miskin, anak ramai, tiada pendapatan, tidak tahu hendak buat kerja apa sebab tiada kemahiran. Saya amat mengharapkanlah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jangan setiap kali katakan diberi pada NGO. NGO pula mengendalikan kelas-kelas kemahiran cuma dalam sehari atau dua hari sahaja. Apa kemahiran yang mereka dapat daripada itu?

Sekurang-kurangnya kita tubuhkan sebuah pusat latihan ibu tunggal. Apabila kita ada pusat ibu tunggal, ibu tunggal ini boleh pergi ke sana untuk diberi kemahiran

dan mereka boleh bekerja di sana. Sekurang-kurangnya ada juga pendapatan yang berterusan untuk mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Cik Tan Lian Hoe: Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Sebelum Yang Berhormat bagi Gelang Patah berucap, saya ingin memaklumkan ada usul. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.34 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari Isnin 4 April 2005. Terima kasih.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah, sila.

12.35 tgh

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian untuk membahaskan Titah Sri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Kementerian Pelajaran kerana berusaha memperkasakan sekolah-sekolah. Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) sebagai sekolah kerajaan perlu juga diambil berat khasnya sekolah Sekolah Jenis Kebangsaan

(Cina) yang terletak di kawasan pinggir bandar dengan penduduk yang padat. Di dalam kawasan Parlimen Gelang Patah, terdapat lapan buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina).

Antaranya tiga Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) terletak dalam kawasan DUN Skudai: iaitu:

	Enrolment
SJK (C) Kok Wang	4,817 orang
SJK (C) Kok Wang (ii)	3,656 orang
SJK (C) Pu Tze	3,586 orang
SJK (C) Pulau Nusa Jaya)	1,603 orang
SJK (C) Pin Min	1,048 orang
SJK (C) Boon Hua	280 orang
SJK (C) Ming Ter	554 orang
SJK (C) Ching Yak	144 orang

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana projek-projek pembangunan pesat khasnya taman-taman perumahan didirikan dengan padat di sekitar kawasan Skudai, sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang sedia ada yang telah menghadapi masalah penambahan murid yang terlalu serius. Kebanyakan daripada sekolah ini telah menjalankan projek pembinaan bangunan baru tetapi, masih tidak mencukupi untuk menampung murid-murid yang memerlukan pendidikan. Salah satu contohnya SJK (C) Pin Min adalah sebuah sekolah bantuan penuh terletak di kawasan pinggiran bandar.

Murid-muridnya bertambah dengan pesat.

Pada tahun 2000 bilangan murid cuma 185 orang dan tahun ini jumlah murid telah menjangkau, menjadi 1,045 orang kerana projek-projek perumahan bertambah seperti cendawan di sekitar kawasan sekolah. Oleh kerana bilangan murid bertambah begitu cepat, ahli Jawatankuasa PIBG sekolah terpaksa mengutip derma dari ibu bapa dan orang ramai untuk membina bilik darjah yang baru. Walaupun sekolah ini adalah sebuah sekolah bantuan penuh, tetapi kerajaan tidak memberi apa-apa peruntukan untuk membina bilik darjah yang diperlukan. Pada tahun akan datang, iaitu tahun 2006,

murid sekolah ini akan menjangkau 1,171 orang dan sekolah ini tidak ada lagi bilik darjah untuk murid-murid baru.

Sampailah masa Kementerian Pelajaran menghulurkan tangan untuk membantu menyeliakan bilik darjah yang diperlukan dengan segera oleh kerana sekolah ini adalah sekolah bantuan penuh. Terdapat juga Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Boon Hua di kawasan saya menghadapi masalah kekurangan bilik darjah pada tahun 2006. Saya minta Menteri Pelajaran mengambil tindakan. *We are sense of urgency*, dengan izin. Saya juga ingin memohon jasa baik Kementerian Pelajaran supaya mengambil tindakan positif untuk membina SJK(C) baru di kawasan Parlimen Gelang Patah, khasnya di taman-taman perumahan baru di sekitar kawasan Skudai dan mencepatkan proses pemindahan SJK(C) daerah lain yang menghadapi masalah kekurangan murid ke kawasan Skudai.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian pelajaran telah berusaha meningkatkan taraf pendidikan dan memberi kemudahan Skim Pinjaman Buku Teks untuk pelajar-pelajar miskin. Skim Pinjaman Buku Teks in *short form* dengan izin ialah SPBT amat penting kepada keluarga kurang berada. Dengan adanya bantuan dan kemudahan SPBT, kos perbelanjaan pendidikan telah dikurangkan. Ianya telah membolehkan pelajar-pelajar yang berasal daripada keluarga miskin meneruskan pelajaran mereka. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa had pendapatan keluarga sebanyak RM1,000 sahaja untuk sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil perlu dikaji semula atas sebab-sebab seperti berikut:

Pembangunan negara yang pesat telah menjadikan kenaikan harga barangan dan *charge* perkhidmatan menyebabkan kos kehidupan meningkat dari semasa ke semasa. Pendapatan sebanyak RM1,000 sahaja adalah tidak cukup untuk menampung perbelanjaan keluarga termasuk sewa rumah, makanan, barang-barang keperluan harian, kos perbelanjaan, pendidikan anak-anak dan sebagainya khasnya untuk penduduk-penduduk kawasan bandar dan bandar raya.

Pelajar-pelajar sekolah kebangsaan dengan pendapatan keluarga kurang daripada RM2,000 dapat menikmati kemudahan SPBT sepenuhnya. Ini adalah suatu jurang yang amat besar berbanding dengan pelajar-pelajar SJK(C) dan SJK(T) dan sekolah menengah. Jurang perbezaan ini adalah suatu gejala yang aneh dan telah

menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat, contohnya. Dalam sebuah syarikat yang mempunyai kakitangan berbilang kaum, kakitangan bumiputera berjawatan *executive* dengan gaji bulan RM2,000 dapat menikmati kemudahan SPBT untuk anak-anaknya yang belajar di sekolah kebangsaan, manakala pekerja bukan bumiputera dengan gaji bulanan sebanyak RM1,200 sahaja tidak dapat menikmati kemudahan SPBT kerana anak-anaknya belajar di SJK(C), SJK(T) atau sekolah menengah kerajaan. Kerajaan melaksanakan rancangan penambahan bilangan penduduk. Bermakna.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang Berhormat Gelang Patah, saya hendak sokong sikit tadi, terima kasih sahabat karib. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pasal kami pergi Australia dengan New Zealand dalam *Select Committee*. Saya menyokong kalau boleh Kementerian Pendidikan tengok balik. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada di sini, setuju tidak kalau apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bergantung kepada satu pendapatan, yang kedua anak per kapita pendapatan dia kemudian bulanan dan harian dia. Kalau kita tengok mana anak lima, anak enam, takkanlah gaji RM1,000 dia tidak mampu SPBT. Saya rasa itu pada pandangan saya.

Yang keduanya, setuju atau tidak kalau boleh bukan sahaja SJKC, sekolah Tamil dan sekolah agama, saya tengok *facility* cukup daif. Kita cuba *upgrade* sebab Kementerian Pendidikan kita telah luluskan banyak duit, berbilion-bilion. Kita tengok balik kalau *facilities* tidak cukup, binakan *facilities* untuk keselesaan. Ini saya rasa satu keadilan kepada kita. Terima kasih.

Puan Tan Ah Eng: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya memang bersetuju dengan cadangan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, iaitu polisi kita mestilah adil kepada semua rakyat dan berasaskan pendapatan atau bilangan anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melaksanakan rancangan penambahan bilangan penduduk bermakna bilangan anggota keluarga juga bertambah. Kos perbelanjaan keluarga juga meningkat tinggi secara langsung. Menetapkan had maksimum untuk

pendapatan keluarga yang dapat menikmati kemudahan SPBT akan dapat mengurangkan beban dan tanggungjawab keluarga yang kurang berada.

Memandangkan ekonomi negara telah pulih balik dan tabung *reserve* negara telah berjaya dipertingkatkan dari masa ke semasa, pada pendapat saya ini adalah masa yang sesuai untuk mengkaji semula skim-skim bantuan yang dapat diberikan kepada keluarga kurang berada termasuklah mengkaji semula had pendapatan keluarga untuk Skim Pinjaman Buku Teks untuk semua sekolah dan sekolah-sekolah menengah. Cadangan Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk membuka pinjaman buku kepada semua pelajar pada Rancangan Malaysia Kesembilan amat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai perkhidmatan bomba yang kurang berkesan. Perkhidmatan pasukan bomba adalah sangat penting semasa kebakaran. Mereka bertanggungjawab memadamkan api dan mencegah kebakaran. Pada bulan Februari tahun ini, satu kebakaran bas berlaku. Bas itu berundur dan hampir terkena bangunan rumah kedai. Aduan dilaporkan kepada balai bomba tetapi telah diabaikan.

Selepas itu semasa musim kering, selepas tidak hujan selama kira-kira dua bulan, belukar di Taman Engku Tun Aminah telah terbakar. Mula-mula api menyala dengan kecil, penduduk telah melaporkan kepada pihak bomba daerah Johor Bahru tetapi tindakan hanya diambil selepas tiga jam kemudian dengan menghantar tiga orang ahli bomba dan sebuah van. Apabila api merebak sehingga hampir seluruh kawasan itu terbakar dan tinggal kira-kira 40 kaki jauhnya dari stesen minyak petrol BP barulah dua buah kereta bomba tiba untuk memadamkan api. Penduduk-penduduk setempat itu berasa kluatir dan bimbang kerana kabel elektrik bersambungan daripada tepi belukar ke rumah-rumah kedai di tempat mereka, siapa yang akan bertanggungjawab ke atas kerugian sekiranya kebakaran itu merebak dan tidak terkawal ke rumah-rumah kedai itu.

Rakyat setempat berasa sungguh kecewa terhadap keberkesanan pasukan bomba dan berharap kerajaan dapat mencari jalan untuk meningkatkannya. Kawasan..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: *[Bangun]*

Dato' Ghazali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada tiga Ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, sedikit sahaja, saya hendak bantu Yang Berhormat pasal takut terbakar lagi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cakap baik-baik ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Baik. Saya orang baiklah, Tuan Yang di-Pertua, bukan suka kacau orang. *[Ketawa]* *[Disampuk]*

Puan Tan Ah Eng: Cepat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak tahu, Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya Yang Berhormat boleh cadangkan kepada kerajaan supaya kerajaan membantu lebih lagi kepada bomba sukarela kerana kita ada banyak bomba sukarela tetapi mereka bergerak atas duit poket sendiri dan juga bantuan wakil rakyat. Yang Berhormat bagi Kepong tidak bagilah, tetapi wakil rakyat Barisan Nasional, kita bagi.

Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang untuk kerajaan bagi bantuan untuk memperbanyakkan bomba sukarela dan memperkemaskannya kerana kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, bomba sukarela sampai dahulu baru bomba kerajaan sampai. Di kawasan saya macam itulah. Terima kasih.

Puan Tan Ah Eng: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Saya bersetujulah. Tuan Yang di-Pertua, kawasan Skudai...

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran bangun.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sedikit hendak minta pandangan, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Kini terdapat banyak lagi sebenarnya kawasan-kawasan, sama ada di kawasan bandar ataupun di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai pili bomba. Bersetujukah Yang Berhormat dengan cadangan saya supaya kita minta kementerian berkenaan atau bomba ini membuat *survey* seluruh negara dan bantangkan kepada kita, kepada Ahli-ahli di Parlimen ini, berapa jumlah pili-pili bomba yang diperlukan di seluruh negara? Terima kasih.

Puan Tan Ah Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat sebab di kawasan saya iaitu kawasan Skudai menghadapi masalah ini ialah kerana di tempat saya pun tiada balai bomba, walaupun telah dicadangkan dan diluluskan sebelum ini. Saya sungguh berharap balai bomba yang dirancang itu dapat diwujudkan dengan secepat mungkin untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya ingin bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini ialah baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyatakan kegagalan peperiksaan 55% daripada jururawat pelatih telah mengakibatkan masalah kekurangan jururawat di hospital-hospital. Beliau juga menyatakan bahawa satu lagi unsur kekurangan jururawat terlatih adalah disebabkan oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN) kerana LAN tidak menurunkan kuasa kepada institut latihan swasta dan tidak mengiktiraf kursus latihan jururawat yang dikendalikan oleh institut-institut itu.

Perkara ini sangat serius dan perlu diberi perhatian dan tindakan mengkaji semula skim latihan jururawat yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan termasuk syarat pengambilan, kandungan kursus, skim latihan, tenaga pengajar, kemudahan latihan dan sebagainya harus diadakan dengan secepat mungkin. Jika, keadaan mengizinkan saya berharap Kementerian Kesihatan dapat mengadakan program latihan jururawat berasaskan hospital sama seperti latihan perguruan asas sekolah yang dijalankan untuk melatih guru-guru sandaran.

Program ini membolehkan jururawat-jururawat berkhidmat sambil berlatih. Ianya juga dapat mengisi jawatan-jawatan kosong untuk jururawat dan memenuhi keperluan perkhidmatan jururawat di hospital dan klinik.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu.

12.54 tgh.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga pohon izin untuk bersama-sama membahaskan Usul Menjunjung Kasih terhadap Titah Ucapan Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong pada kali ini. Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji akan mengambil masa hanya enam minit sebelum waktu makan tengah hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mendengar satu kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, iaitu yang menyatakan kekesalan beliau tentang pertubuhan-pertubuhan belia hari ini yang gagal melahirkan pemimpin yang berkualiti. Kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini mempunyai maksud yang begitu mendalam, yang mempunyai maksud yang begitu memberi erti kepada kita untuk kita lihat apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai pemimpin kedua tertinggi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita amat-amati pertubuhan belia di negara kita pada hari ini mempunyai ramai pemimpin yang berkualiti tinggi. Hatta ada di antara mereka yang telah dipilih untuk memimpin pertubuhan belia dunia. Umpamanya Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, Ketua Menteri Melaka, Naib Presiden UMNO yang hari ini adalah satu-satunya anak Asia yang telah dipilih bagi kali yang ketiga tahun yang ketujuh memimpin *World Assembly of Youth*, Pertubuhan Perhimpunan Belia Sedunia yang dianggotai oleh 94 negara di seluruh dunia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, bukan sahaja Malaysia meletakkan kepimpinan tertinggi dalam Perhimpunan Belia Sedunia ini, kita juga mempunyai pemimpin belia yang hari ini menjadi Menteri Luar Negeri, iaitu Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar di mana beliau juga adalah merupakan pemimpin Pertubuhan Belia MAYC, gabungan kelab-kelab belia di negara kita.

Begitu juga untuk kita namakan ramai lagi pemimpin belia negara kita yang telah diterima oleh masyarakat, diterima oleh kerajaan pada hari ini, tidak kurang juga di dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Haji Noh bin Haji Omar, umpamanya, beliau adalah Timbalan Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia dan beberapa orang lagi pemimpin belia yang juga telah diberi kepercayaan untuk mentadbir dan menguruskan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi menyebut kekesalan beliau tentang kegagalan pertubuhan belia melahirkan

pemimpin berkualiti pada hari ini adalah tepat dan benar sama sekali. Kalau kita lihat Presiden Gerakan Belia 4B, Datuk Seri Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, Presiden MAYC, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, adalah produk kepimpinan belia di masa dahulu, di mana ketika mereka memimpin belia, umur mereka ini telah berada di lingkungan 25 tahun ke bawah.

Sebagai contoh, Yang Berhormat Dato' Haji Noh bin Haji Omar melibatkan diri dengan kepimpinan belia pada ketika umur beliau seawal 18 tahun. Begitu jugalah dengan Ketua Menteri Melaka, di mana telah menjawat jawatan Setiausaha Gerakan Belia 4B Negeri Melaka pada ketika umur beliau 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita perhatikan pertubuhan belia di negara kita tidak ada pemimpin belia yang berumur di bawah 30 tahun. Kerisauan dan kerunsingan inilah yang telah dilahirkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, di manakah kita ingin meletakkan negara kita di masa hadapan kerana beliau menyatakan belia bukan sahaja mengisi masa lapang, bukan sekadar melaksanakan aktiviti tetapi belia adalah satu perkataan yang begitu mulia ataupun *secrete* yang begitu mulia yang perlu dijaga kerana mereka ini adalah masa hadapan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya melihat perkara ini sedalam-dalamnya. Kalau hari ini kita menyebut tentang penggubalan Akta Pembangunan Belia yang telah disebut lebih dari lima tahun yang lalu masih lagi tidak dapat dilaksanakan, maka ianya adalah merupakan kegagalan kita untuk merancang masa depan negara dengan penuh terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya benar-benar melihat akta ini di samping ciri-ciri yang telah disebut oleh beberapa orang Ahli Parlimen, memerhatikannya dan terus melaksanakan akta ini supaya ia benar-benar dapat dihargai dan dihayati oleh seluruh masyarakat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang perlu disebut di dalam pelaksanaan dasar-dasar Kementerian Belia dan Sukan ini adalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ada dalam 15 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh sambung selepas makan tengah hari ini.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tepati janji saya, enam minit sebelum makan tengah hari. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) mempengerusikan mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Saya minta Yang Berhormat bagi Tangga Batu untuk menyambung ucapan. Sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung semula perbahasan saya mengenai tajuk yang pertama tadi ialah pembangunan dan pertubuhan belia. Apa yang telah dapat disimpulkan daripada hujah saya yang pertama tadi ialah kita ingin melihat kesinambungan di dalam arena kepimpinan negara kita dan di hari ini kita dapati bahawa perkara ini amat sukar berlaku kerana terdapat kurangnya pemimpin-pemimpin belia yang benar-benar berada dalam bidang umur belia ini. Kalau kita lihat daripada perangkaan di negara kita pun yang kurang daripada 15 tahun kita ada 31.3%, yang di antara 15 hingga 24 tahun kita ada 19.1% dan di antara 25 hingga 39 tahun kita ada 22.4%.

Ini membawa kepada masyarakat di negara kita yang berumur lebih daripada 39 tahun hanyalah 27.2%.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sila Yang Berhormat bagi Muar dahulu.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Sebelum kita berhenti rehat, Yang Berhormat mengatakan bahawa kita berbangga

dengan pencapaian tokoh-tokoh di peringkat antarabangsa seperti Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka selaku Presiden WAY selama 7 tahun. Sebentar tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa golongan muda cukup kurang dalam pertubuhan belia. Adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya mereka yang telah berumur ini berundur untuk memberi laluan kepada pemimpin belia yang lebih muda atau bagaimana? Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Muar. Saya hendak menjawab soalan ini, saya kena berhati-hatilah. Bukan begitu maksud saya. Maksud saya ialah pertubuhan-pertubuhan belia yang dahulunya, saya berikan contoh di sini Belia 4B pernah meletakkan peraturan pertubuhan di mana pemimpin belia pada ketika iaitu Pemimpin Pertubuhan Gerakan Belia 4B - Yang Berhormat bagi Larut boleh *concurrent* saya selepas ini - iaitu mestilah di bawah umur 0 tahun. Kemudian apabila berlaku krisis kepimpinan di dalam Pergerakan Belia 4B mereka telah meletakkan kepimpinan Belia 4B pada ketika itu mestilah di bawah umur 45 tahun. Kemudian berlaku krisis kepimpinan semula, mereka meletakkan siapa pun tidak kira umur, Pergerakan Belia 4B boleh dipimpin oleh sesiapa sahaja asalkan mereka berminat untuk memimpin pertubuhan belia.

Hari ini saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya melihat semula Akta Pertubuhan Belia yang bakal digubal di mana meletakkan syarat kepimpinan pertubuhan belia ini mestilah diterajui oleh mereka yang benar-benar mempamerkan “kebeliaan” mereka supaya akan berlaku proses apa yang dipanggil “*succession plan*” - pelan kepada pelapis-pelapis, perancangan kepada pelapis-pelapis ini untuk menjadi pemimpin negara di masa akan datang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta.....

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Ada tiga orang yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang tadi janji dengan saya. Janji bagi Jerai.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Baik, saya bagi Yang Berhormat bagi Jerai dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Tangga Batu. Sebenarnya Tangga Batu sama ada bersetuju atau bersetuju dengan saya.....faktor umur tidak penting. Kadang-kadang orang yang berumur itu lebih berpengalaman daripada yang muda tetapi yang pentingnya faktor kepimpinan. Yang muda pun kadang-kadang boleh memimpin - kurang pengalaman, yang tua boleh memimpin banyak pengalaman, satu.

Yang keduanya, kita dapati pada hari ini bahawa belia-belia ini mahu menjadi ahli persatuan belia kadang-kadang hanya untuk mencari kerja. Kalau kita tengok pegawai-pegawai kita ini semuanya umur belia-belia belaka. Tetapi adakah mereka juga menjadi ahli persatuan belia? Kita hendakkan macam belia ini dipertunjukkan sesuatu yang boleh mereka ini memberi sumbang khidmat untuk generasi belia. Mungkin mereka mahu berkhidmat untuk memasuki persatuan-persatuan sukarela, belia dan sebagainya. Tetapi mungkin mereka tidak mengetahui matlamat yang sejelasnya, hala tuju untuk mereka memberi perkhidmatan.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya Kementerian Belia ataupun badan-badan belia yang ada ini kerana mereka menganggap masuk belia ini semata-mata hiburan, seronok, main bola, main sepak raga, main badminton tetapi sumbang bakti kepada negara itu mungkin mereka tidak tahu.

Yang Berhormat pun sebagai aktivis dalam belia dan masih belia lagi, adakah Yang Berhormat bersetuju untuk kita fokuskan hala tuju untuk belia masuk dalam persatuan dan berkhidmat untuk negara? Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Memang benar apa yang telah diperkatakan oleh Guru Belia saya, Yang Berhormat Jerai, di mana ada pepatah Orang Putih yang mengatakan, "Muda atau belia itu bukanlah bergantung pada faktor masa tetapi ia bergantung pada cara kita berfikir, apa yang kita rasa".

Yang Berhormat Jerai, saya yakin jika apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Jerai tadi dapat diambil perhatian oleh pihak kementerian dan saya yakin

kesemua pertubuhan-pertubuhan belia di negara kita ini akan mempunyai hala tuju yang boleh menjamin masa hadapan negara kita.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Ada empat yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ahli Yang Berhormat bagi Larut nanti sekejap. Saya minta Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Krau dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Kuala Krau, sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Ahli Tangga Batu. Tadi, Yang Berhormat Jerai kata faktor umur bukanlah boleh dijadikan kayu pengukur untuk kita mengaktifkan persatuan belia, tetapi di dalam perlembagaan Majlis Belia Daerah dan juga Majlis Belia Negeri ada menyatakan bahawa pemimpin belia tidak lebih daripada umur 40 tahun. Sehingga pada hari ini, ada di kalangan Majlis Belia Daerah bukannya saya menidakkan Ahli Yang Berhormat Maran, yang masih lagi memegang atau baru memegang jawatan Pengerusi Majlis Belia Daerah Maran, tetapi

Contohnya saya sebut, Majlis Belia Daerah Temerloh sudah empat tahun tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan dipegang oleh orang yang sudah pencen, yang sudah saya rasa tidak berminat dengan persatuan belia. Apakah pandangan Yang Berhormat terhadap Majlis Belia Daerah yang sudah lama tidak berfungsi dan masih lagi dipegang oleh orang yang telah berumur lebih daripada 55 tahun? Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya berpendapat apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Kuala Krau itu tadi telah pun mempunyai jawapannya, iaitu apabila kita memanggil sesuatu pertubuhan itu pertubuhan belia, ia mempunyai karakter atau pun ciri-ciri yang tertentu. Bukan sekadar mengisi masa lapang, ia bukan sekadar menjalankan aktiviti tetapi ia bermakna masa depan negara. Kalau sudah sebut pemimpin ini berumur 55 tahun bagaimana belia yang berumur 18 tahun untuk duduk berbincang satu meja dengan yang berumur 55 tahun tadi.

Silakan, Ahli Yang Berhormat bagi Larut. Untuk pemimpin Belia ya, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, ya, ya. Saya pun terlibat dalam Belia 4B. Bukan ada kepentingan, tidak. Saya bersetuju kalau belia-

belia ini dihadkan umur pada 40 tahun bagi ahli-ahli biasa. Tetapi yang memegang jawatan, *office bearers.*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak ada had, sebagaimana yang diperlihatkan oleh pergerakan Pemuda UMNO sebagai contoh, Ketua Pemuda tidak ada had umur 40 ke bawah kerana kita lihat dari segi kematangan untuk memimpin persatuan-persatuan ini. Cuma yang menjadi masalah apabila kita lesu, tidak boleh bergerak pertamanya kerana faktor kewangan - tabung yang tidak menentu kerana mereka masih mengharapkan bantuan daripada Kementerian Belia, daripada wakil-wakil rakyat untuk meneruskan kegiatan mereka.

Cuma di sini saya hendak bertanya Tangga Batu apakah Tangga Batu bersetuju sekiranya pendaftaran persatuan-persatuan belia pada hari ini yang diletakkan terus di bawah Pendaftar Pertubuhan dijadikan sama sebagaimana badan-badan sukan yang lain terus di bawah Kementerian Belia Dan Sukan. Badan-badan sukan hari ini ada Pesuruhjayanya tersendiri untuk melihat perjalanan pendaftaran badan-badan sukan.

Oleh sebab itu, bersetujukah Yang Berhormat.....mungkin Yang Berhormat bersetuju kita minta supaya kerajaan melihat perkara ini diasingkan Kementerian Sukan satu, Kementerian Belia satu. Kementerian Belia bertanggungjawab ke atas semua pertubuhan-pertubuhan belia yang ada dalam negara kita ini. Saya yakin dan percaya barulah ada kesannya untuk pergerakan tersebut bergerak dengan lebih matang lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Larut serta Yang Berhormat yang lain juga yang berminat sungguh tentang perkara-perkara yang membabitkan pertubuhan belia ini kerana saya yakin apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Larut tadi telah pun diisi di dalam perkara penggubalan Akta Pembangunan Belia ini di mana pertubuhan-pertubuhan belia akan berdaftar terus kepada Kementerian Belia Dan Sukan seperti mana yang berlaku di dalam pertubuhan-pertubuhan sukan.

Saya yakin apabila ini berlaku, masalah penglibatan pertubuhan-pertubuhan belia Tionghua yang pada hari ini hanya pada 14% akan meningkat kerana didapati banyak sayap-sayap Pertubuhan Belia Tionghua ini tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Bolehlah, Lipis.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Lipis. Ya.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Tangga Batu. Bila bercakap tentang belia ini sebenarnya sangat luas. Ada belia yang tidak berpersatuan dan ada belia yang berpersatuan. Saya rasa lebih ramai belia yang tidak duduk dalam persatuan. Tujuan kita mengadakan persatuan belia dan kerajaan memberikan peruntukan yang banyak kepada persatuan belia ini supaya dapat menarik mereka yang tidak berpersatuan ini menyertai persatuan belia.

Bagaimanapun usaha itu kadang-kadang kita nampak agak lesu terutamanya daerah-daerah. Bersetujukah dengan saya supaya jawatan pemimpin-pemimpin belia diadakan semula di peringkat daerah untuk memberi galakan dan memberi bimbingan kepada persatuan untuk menarik bagi belia-belia ini untuk menyertai persatuan. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat Lipis, sesuai dengan kehadiran Majlis-majlis Gabungan Belia Daerah dan Negeri-negeri yang telah meletakkan pemimpin-pemimpin pertubuhan belia yang dipilih secara mesyuarat agung dua tahun sekali dan mereka ini akan bertindak sebagai penyelarasan kepada aktiviti-aktiviti pertubuhan belia di peringkat daerah. Kalau ada mana-mana pemimpin belia di peringkat daerah dan negeri yang tidak melaksanakan tugas mereka ini mungkin dalam mesyuarat agung ahli-ahli persatuan boleh sama ada memilih ataupun tidak memilih mereka semula.

Untuk makluman Yang Berhormat Lipis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tangga Batu, minta gulung. Yang Berhormat banyak sangat memberi laluan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya banyak beri ruang. Saya habiskan. Untuk makluman Yang Berhormat Lipis peruntukan untuk Kementerian Belia dan Sukan siling RMK-8 ialah 2.01 bilion. Sebagai bandingannya Kementerian Pelajaran 22.8 bilion. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Tangga Batu, iaitu daripada jumlah persatuan belia ini ada 1,300 buah lebih kurang kalau tidak sampai pun dekat-dekatlah, dan kita tengok akhir-akhir ini persatuan-persatuan belia ini rosak kerana terlalu banyak campur tangan orang politik. Sebab kalau kita lihat pengerusi persatuan belia ada yang membawa ahli-ahli ke arah berpolitik kalau dipegang oleh orang politik. Kalau dipegang oleh korporat dia membawa ahli-ahli belia ini ke arah kebendaan. Kalau persatuan belia ini dipegang oleh orang yang terlalu hidup dengan sosial, maka banyak program ke arah sosial. Boleh dikatakan di akhir-akhir ini orang politiklah yang memainkan peranan, yang memegang jawatan-jawatan penting dalam persatuan belia sebab itulah belia-belia sekarang ini tidak minat hendak menganggotai persatuan-persatuan yang dipegang oleh ahli politik. Setujukah Yang Berhormat?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya tidak bersetuju Yang Berhormat Rantau Panjang kerana kalau kita lihat pemimpin-pemimpin politik yang berjaya hari ini, mereka ini berasal daripada pemimpin-pemimpin belia. Satu ketika dahulu, lain dulu lain sekarang. Saya bagi pantun kepada Yang Berhormat Rantau Panjang:

*Buah beluru buah belerang,
Buah beda di atas bukit,
Lain dulu lain sekarang,
Banyak beza bukan sedikit.*

Dulu pemimpin-pemimpin kita yang ada hari ini, pemimpin belia, pemimpin politik yang berjaya hari ini dididik dalam pertubuhan belia. Memimpin pada ketika umur mereka begitu muda dan akhirnya apabila kecemerlangan mereka dalam kepimpinan mereka dipilih untuk menjadi pemimpin politik. Itulah sebenarnya hasrat penubuhan pertubuhan-pertubuhan belia kalau Yang Berhormat Rantau Panjang hendak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada satu perkara yang berkaitan dengan kementerian yang sama, iaitu tentang anugerah-anugerah yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi mengenal pasti pejuang-pejuang pertubuhan belia. Pada hari ini kita dapati ada Anugerah Kepimpinan, Anugerah Keusahawanan, Anugerah Persatuan dan berbagai-bagai anugerah lagi yang disampaikan oleh Perdana Menteri kepada pejuang-pejuang persatuan belia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Terap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat pun sudah hendak habis.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sila.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tangga Batu. Berpatah balik soal belia tadi. Tadi Yang Berhormat Larut mengatakan faktor kewangan merupakan faktor utama mengapa persatuan belia kita tidak berfungsi ataupun lesu di akhir-akhir ini. Kita dapati bahawa 7 juta orang masih lagi belum menganggotai persatuan belia di seluruh negara kita.

Akhir-akhir ini juga terdapat banyak pembatalan persatuan belia di seluruh negara. Setuju atau tidak Yang Berhormat Tangga Batu bahawa Rakan Muda juga merupakan faktor utama menghalang persatuan belia kita untuk maju, sebabnya ialah apabila Jabatan Belia hendak mengadakan sesuatu kursus ataupun aktiviti terus diambil tanpa melalui persatuan belia. Setuju atau tidak Yang Berhormat Tangga Batu supaya setiap program yang hendak dibuat oleh Jabatan Belia hendaklah melalui persatuan belia dengan ini sahajalah saya dapati bahawa boleh menghidupkan semula ramai anak-anak muda masuk belia kerana setiap aktiviti yang hendak dibuat seperti khemah kerja, kursus dan sebagainya mesti melalui persatuan belia. Setuju atau tidak Yang Berhormat supaya Rakan Muda dikaji semula kerana bagi saya, ia salah satu faktor penghalang keaktifan belia di seluruh negara kita. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Kalau kita masih ingat pengasasan Rakan Muda ini pada peringkat awalnya adalah untuk menampung kepada kenyataan-kenyataan yang mengatakan pertubuhan-pertubuhan belia lesu dan tidak bermaya, kalau tidak silap saya pada tahun 1995 apabila Rakan Muda ini diperkenalkan untuk mengaktifkan semula pertubuhan-pertubuhan belia yang dikatakan lesu. Sepatutnya Yang Berhormat Padang Terap apabila kelihatan atau dapat diukur pertubuhan-pertubuhan belia telah mula aktif semula, maka peranan dan tanggungjawab Rakan Muda tadi sepatutnya dipupuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih semula kepada anugerah-anugerah itu tadi, harapan saya pada pihak kementerian supaya anugerah-anugerah yang bakal diberikan kepada pejuang-pejuang pertubuhan-pertubuhan belia ini akan menepati sasarannya.

Sebagai contoh Anugerah Daya Juang kalau kita lihat pada tahun lepas Datuk Abdul Malek Mydin telah diberikan anugerah ini. Kita juga maklum bahawa Datuk Abdul Malek Mydin ini adalah seorang perenang yang benar-benar telah menunjukkan semangat juangnya merentasi Selat Inggeris. Hari ini kita dapati sebenarnya apa yang dilakukan oleh Datuk Abdul Malek Mydin itu benar-benar telah mendapat sokongan daripada pihak kerajaan, agensi dan swasta. Kita juga perlu melihat ada pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat daerah dan negeri yang benar-benar telah melakukan perkara yang serupa yang dilakukan oleh Datuk Abdul Malek Mydin tanpa sokongan pihak kerajaan, swasta dan agensi-agensi.

Sebenarnya definisi juang itu perlu diberikan kepada pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat kampung, cawangan, daerah dan negeri ini yang tidak mempunyai segala kelengkapan, tetapi mereka sanggup melakukan perkara-perkara yang sampai ke tahap menggadai nyawa mereka. Jadi, haruslah dilihat semula apakah ciri-ciri bagi pihak kementerian untuk memilih calon-calon kepada tokoh anugerah pertubuhan-pertubuhan belia ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rantau Panjang. Yang Berhormat ada 20 minit.

2.48 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian pada petang ini ada dua *point* yang saya kira besar. Walaupun masa pendek saya kira cukup untuk saya memberikan sedikit pandangan kepada Ahli-ahli Parlimen sekalian. Terutama sekali di akhir-akhir ini masalah kutipan derma tabung Tsunami sudah menjadi buah mulut kepada rakyat sekarang ini terutama sekali kepada penderma-pendermanya. Saya dimaklumkan hasil daripada sumbangan rakyat Malaysia ini sudah sampai ke peringkat RM90 juta lebih dan di antaranya diserahkan kepada Tabung Jabatan Keselamatan Negara, iaitu kepada Jabatan Keselamatan Negara yang diamanahkan untuk menguruskannya lebih kurang RM60 juta sekarang ini. RM30 juta lebih masih lagi belum diserahkan, yang menjadi

keraguan pada saya ialah kenapakah baki itu masih dipegang ataupun prasangka buruk saya mungkin digunakan untuk membuat perkara-perkara lain. Tetapi bagi mereka yang menderma, khusus yang disebutkan untuk tabung Tsunami ini sudah tentulah tidak mengizinkan wang itu digunakan untuk yang lain kecuali untuk derma-derma umum. Kalau derma khusus seperti ini maka semua kutipan itu adalah digunakan sepenuhnya kepada tabung tersebut.

Saya dimaklumkan juga pada peringkat awal dahulu sewaktu tabung ini hendak ditubuhkan, Perdana Menteri kita berada di luar negara. Kemudian apabila Perdana Menteri kita balik, Perdana Menteri kita memberi amaran awal-awal lagi terutamanya wang hasil daripada kutipan ini hendaklah sampai kepada orang yang berhak menerimanya dan wang kutipan ini hendaklah betul-betul sampai ke tabung ini. Itu amaran awal yang diberikan oleh Perdana Menteri kita. Sekarang ternyata amaran yang diberikan oleh Perdana Menteri dahulu nampaknya seolah-olah perkara ini akan ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan. Sikit. Terima kasih, Yang Berhormat Rantau Panjang di atas hujah Yang Berhormat kita sedar bahawa UMNO terutamanya sama ada Yang Berhormat suka atau tidak suka telah pun mendahului kutipan untuk bencana alam, dari dulu hingga sekarang untuk Tsunami dan sebagainya, saya tidak tahulah sama ada PAS juga ada membuat kutipan sedemikian, cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat sekarang ini, apakah PAS masih lagi mengutip wang tabung-tabung yang sentiasa dibuat dalam ceramah-ceramah yang dijalankan? Minta sedikit penjelasan dan ke mana pergi wang tersebut? Apakah telah diaudit?. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Saya tidak menafikan UMNO memainkan peranan untuk mengutip wang daripada rakyat untuk tabung Tsunami ini dan pihak PAS sendiri memang ada juga mengutip derma daripada rakyat, tetapi tidak daripada korporat besar seperti mana dalam UMNO itu. Tetapi setiap apa yang kita kutip derma ini kita terus hantar kepada mangsa-mangsanya termasuk Thailand tidak seperti mana Kerajaan Malaysia yang ada sedikit diskriminasi. Saya lihat sekarang ini Kerajaan Malaysia nyata tidak memberi sedikit pun derma kepada mangsa-mangsa Tsunami di Selatan Thailand di Phuket khususnya. Yang diberinya kepada negara-negara lain. Saya tidak tahu kenapa berlaku demikian. Kalau kita tengok agihan

yang diberikan sekarang kepada Indonesia lebih kurang RM3 juta telah dibagi, Sri Lanka lebih kurang RM1 juta, Kepulauan Maldives 0.53 juta dan negara lain seperti Selatan Thailand tidak nampak. Kenapa Kerajaan Malaysia tidak memberi sumbangan kepada mereka itu walhalnya penduduk di Selatan Thailand khususnya di sekitar Phuket itu mengalami keadaan yang sama.

Pihak PAS, apabila Kerajaan Malaysia khususnya melalui tabung ini tidak menghantar langsung derma kepada mangsa-mangsa di Selatan Thailand, kita bagi sekadar yang kita mampu. Kita bagi sekadar berapa banyak yang kita dapat, kita terus bagi kepada mangsa-mangsa tersebut. Kita tidak simpan seperti mana apa yang berlaku sekarang ini. Saya harap pihak Menteri yang bertanggungjawab tentang ini hendaklah memberi jawapan secara terbuka kepada rakyat kerana mereka yang memberi sumbangan ini merasa terkilan kerana pihak kerajaan masih lagi tidak mengumumkan baki sebanyak RM20 juta lebih itu ke mana....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Cukuplah, ini menjadi perbincangan pula. Jangan panjang sangat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit lagi. Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Yang Berhormat mengatakan kita diskriminasi, tidak ikhlas. PAS pun tidak ikhlas. Kalau Yang Berhormat ikhlas kutipan yang dibuat oleh PAS itu kenapa tidak diserahkan kepada tabung rasmi yang ditubuhkan oleh kerajaan supaya Yang Berhormat sendiri dapat lihat di mana perginya sumbangan tersebut. Ini Yang Berhormat pergi ke kampung, mungkin ke kampung Yang Berhormat tidak tahu Yang Berhormat sumbangkan derma tersebut. Mungkin bukan mangsa-mangsa yang terlibat dengan tsunami.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih. Kalau hendak kira kutipan, UMNO pun tidak beri semua kepada tabung ini. Dapat bantuan air terus bagi kat Aceh. Semua rakyat tengok, hendak tunjuk kepada rakyat kononnya hendak beri bantuan air. Bantuan air bersih kepada mangsa-mangsa Aceh, sepatutnya semua sekali tidak payah pergilah. Bagi kepada tabung ini sahaja. Apa dibangkitkan PAS sedangkan UMNO lebih teruk lagi. Saya bimbang... saya tidak sebut yang lain, yang

bimbang itu kerana saya bimbang perkara ini akan jadi satu perkara yang tidak menyeronokkan kita semua. Oleh kerana pihak kerajaan mengatakan akan umumkan jumlah sebenar yang didapati dan baki yang belum lagi diberi kepada tabung ini, kita tak tahu secara *detail* kerana masa sudah berlalutan, kalau kita tunggu makin lama, makin lenyaplah begitu sahaja kerana pengalaman banyak dah tabung-tabung ini. Sebab itu Perdana Menteri kita merasai perkara ini perlu diberi penjelasan kepada rakyat khususnya kepada penderma-penderma yang memberi derma sebelum ini.

Dalam minggu lepas iaitu bulan Mac, Timbalan Menteri berjanji akan melaporkan pungutan dan pengagihan dana Tsunami ini secara terperinci kepada rakyat Malaysia dan beliau masih belum mengotakan kata-kata ini. Saya harap dalam waktu jawapan minggu lepas ini Timbalan Perdana Menteri yang menyebut atau memberi kenyataan seperti ini hendaklah bertanggungjawab memberi penjelasan supaya tidak ada timbul anggapan daripada penderma-penderma ini perkara-perkara yang bukan-bukan terhadap mereka ini.

Apa yang menyedihkan ialah wang kita kutip sudah banyak, tetapi masih ada lagi satu golongan manusia yang ia rasa tidak cukup lagi wang sebanyak ini. Tidak cukup dengan derma ikhlas, dengan wang yang suci daripada penderma-penderma, maka dianjurkan pula perkara-perkara lain terutama sekali dianjurkan konsert budaya kuning daripada Barat untuk bawa ke sini, kononnya untuk mencari wang bagi membantu mangsa-mangsa Tsunami. Saya lihat ini satu perkara yang cukup-cukup tidak seronoklah. Hendak kata lebih daripada itu saya kesian juga kepada pemimpin-pemimpin UMNO ini. Pemimpin Islam Hadhari yang tidak boleh menyekat kemaraan budaya kuning di saat-saat akhir. Kalau zaman dahulu betul, zaman mula-mula bangkit budaya kuning tidak dapat dibendung, tetapi pada zaman ini kita sengaja mengimport, kita sengaja membenarkan penyanyi-penyanyi *rock* daripada luar negara kononnya di atas asas untuk mengutip derma. Seolah-olah dermawan-dermawan yang ada di Malaysia ini tidak cukup wang untuk memberi kepada tabung ini. Kita jemput dari negeri lain dan mengutip duit rakyat bagi menampung tabung ini.

Kita lihat yang sedih sekali dan yang lucu saya tengok ialah penggunaan tema. Tema sesuatu konsert itu diadakan iaitu *The force of nature* iaitu 'kudrat semula jadi'. Ini satu perkara yang tidak patut kita lepaskan tidak patut kita *release*kan benda-benda

seperti ini. Tetapi oleh kerana pemimpin kita barangkali terlalu leka dalam kerja-kerja menentang kemungkaran ini yang menyebabkan perkara ini berlaku. Memang jelas sekarang ini saya akui dari segi amal makruf kita akuilah saya tidak hendak menafikan UMNO berjaya, Barisan Nasional berjaya, walaupun tidak 100% tetapi amal makruf itu alhamdulillah berjaya, tetapi dari segi nahi mungkar, menentang kemungkaran kosong. Nahi mungkar kosong. Kalau dalam bahasa Hindustan 'nahi' tidak ada. Saya boleh jelaskan satu persatu ini kerana apa? Kerana pemimpin masih takut, masih takut menentang kemungkaran secara terbuka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pasir Puteh bangun.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Hendak sokong..

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya? Sila..sila.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Rantau Panjang. Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita tak usah bincanglah terlampau panjang masa singkat 20 minit dia hendak berucap ini. Sebab *nahi mungkar* ini..*amar ma'aruf nahi mungkar* bukan tanggungjawab kerajaan. Adalah tanggungjawab semua. Kita tengok di Kelantan pun bukan tanggungjawab PAS. Tetapi juga saya bertanggungjawab sebagai ahli parlimen UMNO. Tetapi kita tidak dapat menyelesaikan. Maka dengan sebab itu setuju atau tidak ahli Yang Berhormat Rantau Panjang, saudara saya kalau kita sama-sama kutip, DAP kutip, PAS kutip, UMNO kutip, cuba nyatakan dalam penyata tak payah auditlah, tak tahu PAS boleh berapa, DAP boleh berapa UMNO boleh berapa, itu saja, tak payah audit. Sebab benda ni Allah SWT yang akan menentukan. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Dari segi jumlah kutipan sudah tentulah UMNO kutip lebih banyak daripada PAS kerana UMNO berkuasa, UMNO ramai korporat-korporat termasuk korporat-korporat yang mendapat duit daripada sumber-sumber yang diragui. Sudah tentu banyak UMNO, kalau nak dibandingkan. Cuma saya hendak sebut di sini ialah memang semua rakyat melihat UMNO masih lagi gagal untuk menentang kemungkaran ini. Barangkali fobia kerana pemimpin nombor 2 UMNO zaman dahulu, yang lepas itu, bangun bangkit dengan suara lantang untuk menentang kemungkaran, akhirnya timbul konspirasi untuk menjatuhkan mereka yang sanggup menentang kemungkaran secara terbuka.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: ...dan menyebabkan pemimpin sekarang ini takut nak menentang kemungkaran secara terbuka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Itu satu agenda baru menentang rasuah itu, tak masuk lagi agenda menentang maksiat-maksiat yang lain. Tapi satu agenda pun sudah jadi mangsa. Perdana Menteri sekarang ini dengan Ahli-ahli Parlimen yang ada sekarang ini pun saya rasa takut dan fobia dengan nak menentang kemungkaran secara terbuka.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Rantau Panjang...sikit

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya? Ya silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu, sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat Rantau Panjang menyebut tentang *amar ma'aruf nahi mungkar* ini dan menyebut pula mengaitkan UMNO. Saya nak tanya sedikit. Daripada maklumat yang saya ada ini, jumlah penagih dadah yang kedua terbanyak di negara kita berada di negeri Kelantan. So apa yang kerajaan PAS lakukan '*part' nahi mungkar* ini. Boleh bincang sikit dengan kita.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya terima kasih. Saya kalau diberi kuasa kepada kerajaan negeri, terutama sekali polisnya, askarnya dan semua jabatan-jabatan persekutuan diberi kuasa kepada kerajaan negeri, saya yakin saya percaya Kelantan akan 'bersih' dari segala-galanya.*[Dewan riuh]*. Tetapi semua kuasa ada di kerajaan, kerajaan *federal* semua kita tahu.

Seorang ahli: Kerajaan negeri nak..

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kita ini minta jasa polis kerjasama dengan kita pun tak boleh, takut. Takut diugut oleh kerajaan Barisan Nasional kerajaan pusat. Kalau diberi kuasa kita senang sahaja benda tu, orang luar kata 'kacang' la benda itu semua.....kacang lah. Tetapi hendak tahu bagi sekali, bagi PAS memerintah Malaysia sekali kita tengok macam mana. Kita ada cara kita, ada *approach* kita, ada

usul kita pendekatan kita, tak begitu?. Tetapi sayang sekarang ini, bukan saya hendak bangga diri saya, tetapi ternyata satu-satunya parti politik yang sanggup menentang kemungkaran ialah PAS sekarang ini. PAS terpaksa walaupun pahit maung menanggung penderitaan kerana hasil daripada ayat Al-Quran [*membaca sepotong aya*].

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Hendaklah ada satu kumpulan satu puak, yang inilah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading, Sri Gading berminat Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sabar dulu, saya akan habis terjemah dulu, nanti kalau saya tak terjemah, nanti orang UMNO kata ha.. inilah orang PAS baca Quran sekerat-sekerat. Biar habis dulu sabar dulu.

Kerana ada satu kumpulan, satu puak jadi nampak sekarang ni, kumpulan mana? Kumpulan PAS inilah yang sanggup menentang kemungkarannya. UMNO, *amar ma'aruf* okey, *nahi mungkar* dia takut sebab kawan-kawan dia ramai yang melakukan kemungkaran. Dalam UMNO ni terlalu ramai. Tidak UMNO hak ini lah... ini semua baik-baik dahi ni...saya sebut ini hak yang sudah terkeluar dah, tetapi sudah terkeluar pun 'roh' dia masih ada. Kawan-kawan dia masih ada, hak itu yang tidak dapat dibasmikan oleh pemimpin-pemimpin yang baru ini. Ini boleh ini, Sri Gading, sila..sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya terima kasih, Rantau Panjang. Seronok saya dengar Rantau Panjang ini. Sama saja kita. Kita sama-sama menggalakkan perkara-perkara kebaikan dan kita sama-sama menentang kemungkaran. Tidak ada siapa pun orang UMNO pemimpin UMNO tak pernah menggalakkan kemungkaran, tak pernah. Malahan kita menasihati rakyat dengan hukum-hakam yang kita keluarkan. Minumlah arak nak tengok. Kena *fine* kena *jail* kena - ..banyak kemungkaran-kemungkaran yang dicegah oleh undang-undang yang dibuat oleh UMNO. Pemimpin UMNO semua bercakap tentang kebaikan dan menentang kemungkaran. Tidak adalah Rantau Panjang! Alihlah cerita lain, modal lain. Itu sudah lama sangat modal itu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasihlah. Dalam agama ini dia tidak ada modal lama modal baru selagi tak membasmi keseluruhannya itu tanggungjawab kita. Seruan kita berterusan, inilah salahnya. Kita tak boleh putus asa saya tahu perkara ini. Memang UMNO tidak menggalak tetapi UMNO yang memberi lesen-lesen, yang merestui, itu yang masalah sekarang ini. Fasal orang minum arak, bukan UMNO suruh orang minum arak, tetapi orang minum arak UMNO tidak boleh kata apa-apa tidak berani hendak buat. Tak tahu orang yang dua tiga puluh orang baru ini pun, malu kepada pegawai. Pegawai sungguh-sungguh buat, pergi *investigate* satu *arrest* baru-baru ini, tetapi bila sampai pendakwaan, campur tangan orang politik, tidak ada apa-apa. Hasil daripada itu menyebabkan sebulan kemudian, beribu pesta minum arak dibuat di Genting Highlands. Orang mempersenda-sendakan, pemuda-pemuda kita mempersenda-sendakan sahaja kepada kerajaan sekarang ini kerana kerajaan tidak berani hendak bertindak mengikut kuasa yang ada pada kerajaan.

Kalau PAS lah diberi kuasa seperti itu, hah boleh tengoklah hendak tahu. Bahkan dengan kuasa yang kecil, walaupun kita tidak boleh basmi terus 100% arak kerana lesen itu masih lagi pada kerajaan pusat, lesen penjualan arak itu. Lesen, masih kerajaan pusat, cuma lesen premis saja, premis kedai tu saja kerajaan negerinya. Kita terpaksa buat cara kita. Maksudnya, orang minum arak tak boleh cara tempat terbuka, ada tempat tertentu. Walaupun dia tidak orang Islam, boleh minum tapi tempat yang tertutup supaya orang-orang yang ketagih arak ini dia tengok, maka dia tengok orang yang minum dia kembali balik perasaan hendak minum balik.

Tetapi bila tidak nampak itu nanti dia akan hilang, hilang, hilang. Itu cara kita buat. Kita tidak kata, "tidak boleh minum arak di Kelantan". Itu fitnah UMNO mengatakan tak boleh minum menyebabkan pelancong-pelancong yang tidak Islam ni takut nak pergi Kelantan nak minum arak pun tak boleh, boleh! Cuma tempat-tempat tertentu yang tertutup yang tidak boleh didedah kepada orang lain. Itu cara kita. Tetapi lesen '4 ekor', memang tak boleh, sebab walaupun kerajaan Barisan Nasional bagi lesen dia, tapi lesen premis kita tak benar sama sekali. Takkan nak jual '4 ekor' atas kereta, bawa kenderaan masuk kampung 'hoi siapa nak beli', tak boleh. 'Toto' demikian juga. 'Toto' itu Kerajaan Pusat kata boleh bagi lesen, tapi lesen premis kita tak bagi. Makna kerajaan menggunakan hak yang ada.

Saya seru kepada Kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang ini gunakanlah kuasa dan hak yang ada itu. Apalagi takut pada siapa lagi? . Takkanlah jadi konspirasi seperti mana jatuh kepada, terkena kepada bekas Timbalan Perdana Menteri dulu. Saya ingat orang ini sudah tidak ada dah. Dulu betul. Tidak usahlah fobia sangat perkara ini takut sampai begitu sekali. Tangkap dua orang kes rasuah itu sudah takut dah. Tangkap dua orang kes rasuah itu, apabila dia lihat orang ramai lagi perasuah-perasuah ini, sudah bergerak hendak buat konspirasi hendak menjatuhkan orang yang menangkap itu, sekarang dia sudah takut balik dah, tengok cukup yang itu dulu. Mana boleh, ramai lagi. Tangkap la..kita kuasa. Tetapi oleh kerana fobia, apa yang terkena kepada bekas Perdana Menteri dahulu, maka semua sudah takut.

Saya tidak mengatakan kerajaan Barisan Nasional tidak berusaha. Orang alim dalam UMNO, ini ustaz kita ini, ustaz kita ni, dia tak berani secara terbuka. Tetapi barangkali secara senyap-senyap dia beritahu juga pemimpin UMNO. Kalau yang tak tutup aurat tu dia bisik-bisik, "Tutup la aurat sikit, malu kita *Islam Hadhari*" macam tu yang dia boleh nya. Tetapi kalau dia nak bangun cakap seperti bercakap di sini, mampus dia, kena, kena lanyaklah. Tetapi Sri Gading lain. Sri Gading dia tak kisah dia passport besar bukan begitu apa dia nak kata dia hentam sahaja. [*Dewan riuh*] Itu lain cerita sudah lepas dah itu. Saya *salute* Sri Gading. Dia orang Kelantan kata ini passport besar ini makna tidak ada orang hendak halang dia. Mana dia hendak pergi dia pergi, nak *London, London* lah. Kalau ada 10 orang UMNO macam ni, dalam Parlimen ni, saya yakin saya percaya pemimpin-pemimpin UMNO yang lain akan takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Oleh kerana masa terlalu pendek, saya haraplah kepada sahabat-sahabat saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh, Pasir Puteh, Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Laluan, laluan [*Bercakap [tanpa pembesar suara]*], tambah sikit..

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya bagi.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya dia *respect* kepada saya tak apa.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya hendak menambah sedikit. Dia *respect* saya, tidak apalah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dan Ahli-Ahli Yang Berhormat . Saya tidak hendak komen yang baik itu tetapi soal satu kaedah, bukan pendekatan. Pendekatan – Islam Hadhari, saya akan ceritakan nanti, jangan komenlah itu. Kaedah 'Zatul Zarai'd' ini, kerajaan mencegah kemungkaran, tidak fikir soal dalam parti. Sebab itu di Genting Highlands, siapa yang naik kena tangkap, rumah urut kena tangkap, minum pun kena tangkap. Soal prosedur tangkap selepas itu dilepaskan kerana hendak dakwa itu tidak boleh, itu prosedur tetapi kita tangkap kerana kita mencegah, lebih baik daripada menghukum. Itu kaedah Kerajaan Barisan Nasional yang tidak sama dengan PAS. PAS kalau boleh tangkap hari ini, hari ini dia hendak hukum, tidak boleh. Kita adalah mendidik lebih aila daripada menghukum, setuju tidak? Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Bagus, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, idea bagus, orang berpendidikan Islam begitulah, barangkali kalau ada sepuluh orang pula macam ini, lagi baik. Tadi sepuluh macam Sri Gading, ini sepuluh macam Pasir Puteh, lagi baik dalam Parlimen ini. Undang-undang telah ada cuma pelaksanaan yang hanya takut oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini, begitulah. Kesimpulannya, undang-undang yang ada sekarang ini, yang baik pun, tetapi oleh kerana penguatkuasaan tidak diteruskan, oleh kerana sebahagian besar pemimpin masih takut kepada bayang-bayang, apatah lagi yang telah terkena kepada bekas Timbalan Perdana Menteri dahulu menyebabkan huru-hara berlaku di Malaysia sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baram.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Maran?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baram, Baram, Baram.

3.11 ptg.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pembukaan rasmi sidang Parlimen pada hari Isnin, 21 Mac 2005 ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan hujah saya dengan beberapa isu yang berkaitan dengan negeri Sabah dan Sarawak, khususnya kepada negeri Sarawak kerana saya sendiri datang dari Sarawak. Seperti mana yang telah disebutkan oleh beberapa Ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda kerana menyentuh perkara pertumbuhan tidak seimbang di kalangan wilayah dan antara bandar dan luar bandar. Jaminan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meneruskan pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak dengan lebih giat lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti, kita alu-alukan. Kita berterima kasih kerana jaminan ini akan memberi harapan dan nafas baru kepada rakyat di Sabah dan Sarawak untuk maju ke hadapan seiring dengan rakyat kita di Semenanjung dalam semua bidang pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita teliti sedalam-dalamnya, perbezaan di antara Semenanjung dan negeri Sabah dan Sarawak ini adalah amat ketara sekali. Contohnya, dari pencapaian pembangunan dalam bidang prasarana luar bandar. Dari statistik bagi projek jalan kampung sahaja, kita lihat sehingga tahun 2002, dahulu projek jalan kampung meliputi 90% keperluan masyarakat luar bandar di Semenanjung, 80% di Sarawak dan 75% di Sabah. Bagi program elektrik luar bandar pula, ini meliputi 99% keperluan pengguna luar bandar di Semenanjung, 80% di Sarawak dan 78% di Sabah. Dari segi program bekalan air pula, 98% keperluan pengguna luar bandar di Semenanjung dan 64% di Sarawak dan 62% di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu terdapat perbezaan yang kita nampak dari segi sudut *quality of life*, dengan izin. Paras pendapatan pembangunan infrastruktur jalan di bandar dan luar bandar, kemudahan asas seperti pertalian telekomunikasi, bangunan dan perumahan rakyat, bekalan keperluan pengguna-pengguna sistem pengeluaran dan pemasaran pertanian, industri-industri pengeluaran dan pembuatan dan juga pembangunan ICT dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dari statistik dan kenyataan tersebut, sangat jelas bahawa perbezaan seperti ini memang tidak dinafikan. Oleh sebab itu kerajaan perlu mengambil tindakan yang berat untuk mengatasinya supaya rakyat Malaysia boleh hidup dalam keadaan yang cukup bangga, cara hidup yang memuaskan, selesa dan negara yang sentiasa dalam keadaan aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta izin untuk berpindah ke tajuk bumiputera minoriti di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda tempoh hari, baginda menyentuh isu penyertaan yang seimbang dalam ekonomi di kalangan kumpulan etnik dan wilayah di negara ini. Ini termasuk menyumbangkan tahap pembangunan antara sesama bumiputera itu sendiri. Baginda juga menekankan bahawa perhatian khusus akan diberi terhadap kumpulan peribumi di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada kenyataan ini, kita sangat bersyukur dan berterima kasih kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri semasa merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Minoriti di PWTC pada 8 Februari 2005, telah memberi jaminan kepada masyarakat bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak bahawa mereka juga tidak terpinggir dalam bidang perniagaan di negara ini. Jelas sekali bahawa dengan dasar-dasar begitu, masa depan masyarakat ini mula nampak lebih cerah. Oleh sebab itu, kita minta supaya kerajaan kita Barisan Nasional yang sangat bertanggungjawab dalam hal ini dapat mewujudkan satu mekanisme yang lebih efektif untuk menyampaikan dasar-dasar yang telah disebutkan oleh Baginda dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kepada perkara pembangunan sektor komoditi dan pertanian. Sektor komoditi dan pertanian di negara ini masih menyumbang dengan ketara pada ekonomi negara dari segi menjana perolehan dan mewujudkan pekerjaan walaupun pernah menjadi penyumbang utama sebelum diambil alih oleh sektor pembuatan pada tahun 1987 dahulu. Contohnya, sektor komoditi menyumbang sebanyak 6% kepada KDNK tahun lalu dan kurang lebih 14% bahagian kerajaan pada tahun 2004 itu. Sektor pertanian pula mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.3% pada tahun 2001 dan lebih daripada itu dalam 2002 dan 2003, jika dibandingkan dengan 0.52% pada tahun 2000 dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa sektor pertanian ialah satu sektor yang mempunyai potensi terbesar untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Saya amat bersetuju dengan Titah Ucapan Baginda bahawa kita belum menerokai sepenuhnya potensi pengeluaran produk makanan. Saya percaya, sektor ini pula direka bentuk bagi meningkatkan produktiviti dengan input utama dan memastikan setiap petani diberi ganjaran melalui produktiviti. Usahawan-usahawan pertanian moden perlu kita bimbing dan galakkan untuk menerajui sektor ini dalam masa depan yang semakin mencabar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kegunaan bioteknologi pertanian untuk memperbaharui dan memodenisasikan sektor ini amatlah penting. Bioteknologi membolehkan negara kita menjalankan penyelidikan bagi mencari gen-gen yang boleh diguna pakai untuk mengubah bahan-bahan pengeluaran pertanian ataupun klon-klon baru yang terkini. Kita sedar setakat ini bahawa bioteknologi merupakan satu industri yang masih muda di Malaysia akan tetapi saya yakin dengan komitmen yang tinggi dan perwujudan Kementerian Sains, Inovasi dan Teknologi baru-baru ini, Malaysia akan mempunyai masa depan yang cerah untuk berkembang dalam bidang bioteknologi ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkembangkan industri bioteknologi ini kita perlu menyusun semula strategi pelaksanaan yang tepat seperti pembangunan sumber manusia khasnya latihan diberi kepada pegawai-pegawai penyelidik yang bijak pandai dan berpengalaman.

kita perlu menjalankan usaha penyelidikan dan pembangunan. Kita perlu membina infrastruktur untuk melicinkan pembangunan industri bioteknologi ini supaya bio teknologi di negara kita ini akan terus maju dan dapat menjadi satu industri yang akan memberi hasil yang lebih besar lagi kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu bagi makluman Dewan ini saya ingin bertanya kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sejauh manakah negara kita telah berjaya dalam usaha meningkatkan sumbangan pertanian kepada KDNK kita menerusi bioteknologi pertanian. Dengan izin *is there any breakthrough in this field so far?*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tajuk berkenaan dengan masalah pekebun-pekebun kecil kita di negara ini. Kita dapati juga perbezaan yang

ketara dari segi paras pendapatan di antara penduduk luar bandar dengan bandar. Perkara ini telah disentuh oleh Baginda di mana baginda menyatakan bahawa sektor pertanian bertaraf kecil tidak diketepikan demi menjaga keseimbangan antara penduduk luar bandar dan bandar.

Seperti mana yang kita sedar kebanyakan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar berhasil daripada kegiatan pertanian yang diusahakan secara kecil-kecilan dan diamalkan secara tradisional. Mereka ini menghadapi masalah pencemaran termasuk kedudukan yang jauh di pedalaman iaitu *remoteness* dengan izin, masalah pengangkutan, kekurangan bahan-bahan input dan juga harga tinggi, benih yang tidak berkualiti, harga pengeluaran pertanian yang rendah, masalah pemasaran dan banyak masalah-masalah yang lain lagi.

Ini bererti bahawa mereka ini terperangkap dalam satu keadaan di mana jika kerajaan tidak membantu mereka, mereka ini tidak akan keluar dari golongan pendapatan rendah sama sekali. Kemiskinan di luar bandar mungkin akan terus berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada mereka ini adalah penduduk-penduduk yang tinggal jauh di pedalaman negeri Sarawak dan mungkin juga di negeri Sabah. Di kawasan saya di Baram pula mereka ini adalah penduduk-penduduk masyarakat Orang Ulu termasuk kaum Penan, Kenyah, Saban, Kelabit, Kayan, Bisaya dan juga sebahagian masyarakat Iban. Mereka ini bergantung sangat kepada penanaman padi bukit mengikut sistem *sitting cultivation*. Sistem amalan pertanian yang bukan sahaja *out dated* dengan izin tetapi langsung tidak menghasilkan pendapatan yang lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kawatir bahawa mereka ini akan terpinggir di arus pembangunan jika kerajaan tidak mencari jalan alternatif yang lebih sesuai untuk membantu mereka. Oleh sebab itu, saya minta supaya kerajaan membuat suatu kajian yang lebih mendalam tentang hal ini supaya penduduk-penduduk di sana boleh dibantu menerusi kaedah-kaedah tertentu yang boleh membawa kebaikan dan kesejahteraan untuk mereka. Dengan ucapan demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran.

3.24 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Petang. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Majlis Parlimen Kesebelas pada 21 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, syabas dan tahniah dan junjung kasih ke bawah Duli Tuanku kerana dalam titah ucapan Baginda telah menyentuh pelbagai aspek dalam kehidupan masyarakat dan rakyat jelata dari peringkat desa, luar bandar sehinggalah ke peringkat bandar dan antarabangsa. Ke bawah Duli Tuanku juga secara khusus telah menyentuh dan melahirkan simpati kepada mangsa-mangsa bencana ombak besar Tsunami yang melanda negara kita dan beberapa negara jiran baru-baru ini. Alhamdulillah kita sekali lagi selamat daripada apa-apa malapetaka dalam peristiwa gempa bumi pada 29 Mac yang lalu. Kita ucapkan takziah kepada mangsa yang disahkan terbunuh di Pulau Nias dan beberapa pulau di utara Sumatera dan mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, di atas tanggungjawab sebagai ketua negara, ke bawah Duli Tuanku juga telah menyentuh soal-soal kecemerlangan kerajaan dan membangunkan negara dan mampu mewujudkan kestabilan negara serta meletakkan tahap pencapaian ekonomi pada kadar 7% pada tahun 2004. Idea dan pendekatan baru dalam pembangunan negara seperti Islam hadhari juga menjadi satu tajuk yang mendapat pujian ke bawah Duli Tuanku.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga menyentuh aspek-aspek lain seperti kepentingan teknologi moden, penyertaan pelbagai etnik dalam ekonomi negara, usaha-usaha membasmi kemiskinan, kepentingan pendidikan dan sekolah luar bandar, pembangunan masyarakat dan pembelaan terhadap wanita, pembangunan telekomunikasi, aspek penggunaan tanah daerah dan perkhidmatan awam dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas kemantapan kepimpinan negara di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak. Namun Tuan Yang di-Pertua, jangan kita lali dan merasa selesa dengan apa yang kita kecapai sekarang dan jangan lupa kepada rakyat jelata dan masyarakat yang memilih kita.

Tuan Yang di-Pertua, secara khusus saya ingin menyentuh beberapa perkara seperti berikut. Yang pertama ialah masalah pembangunan persekolahan dan pelajar luar bandar. Di kawasan Parlimen saya Parlimen Maran bahkan mungkin di kawasan-kawasan lain terdapat sekolah-sekolah yang mempunyai bangunan baru tiga atau empat tingkat dengan pelbagai kemudahan bilik khas seperti bilik komputer, perpustakaan serta peralatan penghawa dingin. Tetapi agak malang Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada kemudahan ini tidak dapat digunakan. Komputer tidak ada, perpustakaan tidak lengkap dan alat penghawa dingin tidak boleh digunakan berterusan.

Alat penghawa dingin umpamanya tidak boleh digunakan berterusan kerana jika digunakan pihak sekolah tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membiayai bil elektrik. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri Pelajaran meneliti perkara ini dan harap dapat menambah peruntukan pengurusan kepada sekolah-sekolah yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini telah meluluskan peruntukan pengurusan dan pembangunan yang besar kepada Kementerian Pelajaran bagi tahun 2005. Saya minta sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran agar dapat memberikan perhatian dalam perkara ini. Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan dalam membina semula semua makmal komputer di seluruh negara yang satu ketika dahulu memalukan kerajaan kerana sebahagian besar makmal-makmal tersebut tidak dilaksanakan dengan sempurna dan saya ingin tahu berapakah sebenarnya peruntukan awal yang disediakan.

Saya juga difahamkan banyak daripada makmal-makmal komputer ini belum lagi dibekalkan dengan komputer-komputer yang diperlukan. Saya berharap pihak kerajaan dapat menyegerakan pembekalan komputer-komputer ini kepada makmal-makmal berkaitan jika kita benar-benar serius untuk memberikan pengetahuan ICT kepada

masyarakat seperti yang diharapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam titah baginda. Jika tidak Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Parlimen akan menjadi tempat untuk melepaskan harapan oleh sekolah-sekolah berkenaan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak timbulkan ialah isu label halal. Pada 29 Mac 2005 di muka hadapan akhbar tempatan kita telah diberikan rasa selesa apabila sosej keluaran dua kilang tiada bahan asas khinzir atau babi. Setelah analisis dibuat oleh Jabatan Kimia ke atas contoh sosej dari dua kilang di Selayang pada 14 Mac yang lalu. Namun Tuan Yang di-Pertua, kita pula diperanjatkan dengan laporan logo halal pada tin daging babi kisar yang dikesan di Kuching Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, masalah halal haram adalah masalah yang sensitif bagi umat Islam. Kelemahan kita dalam menangani isu ini boleh menimbulkan salah faham antara kaum. Saya tidak mahu menyalahkan secara membabi buta kepada kaum Cina atau pihak-pihak lain yang bukan beragama Islam kerana mereka tidak kisah tentang hal halal haram ini dan dalam agama mereka dan mereka tidak belajar hukum halal dan haram dalam Islam.

Saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan mengadakan ataupun mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) memberikan pengetahuan dan mengadakan penerangan berkala kepada peniaga-peniaga, pengeluar dan restoran-restoran Islam dan bukan Islam tentang konsep halal haram dan penggunaan label "Halal" dan pemantauan berterusan perlu dibuat;
- (ii) tidak mengeluarkan terus label "Halal" ini kepada restoran-restoran bukan Islam, pengeluar-pengeluar yang secara jelas tidak memberikan keyakinan kepada pihak berwajib seperti JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri dan sebagainya tentang kehalalan produk keluaran mereka;

- (iii) mengenakan tindakan yang tegas kepada pengusaha yang sengaja mempermainkan penggunaan logo “halal” ini. Penguatkuasaan perlu diperhebatkan bukan sahaja kepada pelaksanaan label “Halal” ini tetapi juga kepada aspek kebersihan. Saya perhatikan kerja-kerja memproses dan membuat sosej ini tahap kebersihannya amatlah meragukan kerana pekerja-pekerja tidak menggunakan sarung tangan. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada ertinya makanan tersebut halal tetapi tidak bersih dan kotor. Ini tidak selaras dengan konsep “*halaalan thaiyiba*” dalam agama Islam, dengan izin,.
- (iv) JAKIM atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna perlu dengan segera mengambil tindakan supaya mengambil pegawai penguatkuasaan yang terdiri daripada mereka yang mempunyai asas agama. Kita mempunyai ramai graduan dalam bidang ini. Saya setuju dengan beberapa cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen supaya ditubuhkan satu unit khas penguat kuasa tentang pelaksanaan label halal-haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang hendak disebutkan di sini ialah kebenaran mengeluarkan wang KWSP untuk menunaikan fardu haji. Tabungan wang dalam KWSP adalah wang pencarum-pencarum termasuk pegawai awam. Terima kasih di atas faedah-faedah yang telah dilaksanakan oleh KWSP seperti pengeluaran caruman untuk pembelian rumah, pembelian komputer dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat rayuan daripada pencarum-pencarum terutama daripada pegawai-pegawai awam agar KWSP dapat melaksanakan skim pengeluaran untuk tujuan menunaikan fardu haji. Rasional yang diberikan ialah untuk membolehkan pencarum Islam dapat menunaikan haji dalam usia yang muda, tidak menunggu umur selepas bersara. Itu pun kalau sampai, jika tidak pencarum tersebut akan lebih dahulu pergi meninggal dunia ini sebelum mereka sempat menunaikan fardu haji. Kita, kerajaan dan KWSP akan menanggung dosa sedangkan sebenarnya pencarum berkenaan mempunyai kemampuan untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu. Duit telah ada tetapi tidak boleh digunakan untuk pergi haji.

Saya berharap pihak kerajaan dan KWSP dapat menimbangkan permohonan ini. Jika KWSP takut berlaku penyelewengan, maka wang tersebut bolehlah disalurkan terus kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Di sini juga saya bersetuju agar KWSP meluluskan pinjaman yang dibuat oleh PTPTN demi masa depan anak-anak bangsa dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pembangunan pertanian luar bandar, kita ucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana banyak membina dan membangunkan taman-taman pertanian seperti Taman Pertanian Bukit Cahaya, Shah Alam dan taman-taman pertanian lain di negeri-negeri lain. Sehingga kini berapakah jumlah taman-taman pertanian kerajaan atau persendirian yang terdapat dalam negara ini.

Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membangunkan taman-taman pertanian di negara ini tetapi amat mengecewakan kita apabila tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab dan berkepentingan mencemar dan merosakkan keindahan taman-taman pertanian ini seperti yang berlaku di Taman Pertanian Bukit Cahaya. Di manakah letaknya nilai budi dan rasa cintakan alam kepada mereka ini dan apakah yang lebih penting kepada mereka sama ada keindahan alam ataupun wang ringgit yang menguntungkan mereka. Saya meminta kerajaan dan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani serta pihak kerajaan dapat mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang tamak dan rakus agar mereka sedar bahawa mereka juga mempunyai tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembangunan pertanian luar bandar, saya dapati terdapat agensi-agensi pertanian luar bandar akhir-akhir ini amat lemah dan tidak berdaya maju. Saya tidak tahu di mana silapnya, sama ada pegawai dan kakitangan yang terlibat telah bosan dengan kerja mereka atau mereka telah tidak berminat dengan jawatan yang dipegang kerana terlalu lama di sesuatu tempat. Keadaan ini ditambah pula dengan sikap bebal dan manja yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar yang belum dapat dibanteras.

Oleh itu saya meminta supaya pihak kementerian mengaktifkan semula dan memantau perjalanan Jawatankuasa Pertanian di peringkat daerah kalau kita ingin benar-benar melihat hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menjana

semula aktiviti industri luar bandar menjadi kejayaan. Jika tidak, hasrat hanya akan tinggal hasrat sahaja, wang akan habis begitu sahaja manakala para petani akan terus dibelenggu kemiskinan melarat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang RELA, kini kita mempunyai lebih 310,000 ahli RELA di seluruh negara – 283,000 adalah Relawan dan lebih 26,000 adalah Relawati. Jasa RELA terhadap negara tidak boleh diperkecilkan. Ini terbukti melalui operasi yang dijalankan oleh kerajaan dalam mengatasi masalah pendatang tanpa izin baru-baru ini. Mereka merupakan benteng kedua ataupun ketiga negara selepas pasukan tentera dan polis dalam mempertahankan negara kita. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Pejabat RELA menyediakan kemudahan pentadbiran logistik dan kewangan kepada RELA tetapi ia tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pihak kerajaan memberikan penjelasan, apakah bentuk-bentuk insentif dan jaminan yang diberikan oleh kerajaan kepada anggota RELA. Apakah semua anggota-anggota RELA yang terlibat dilindungi oleh insurans semasa mereka menjalankan tugas dan operasi kerana sebahagian besar daripada mereka adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah tetapi rela dan bersedia mengorbankan diri demi bangsa, agama dan negara. Janganlah kita korbakan masa depan mereka dan anak-anak mereka untuk mempertahankan negara tetapi nasib mereka tidak dibela sewajarnya.

Masalah dadah, Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan masalah ini, saya amat merasa kecewa kerana kita telah banyak membahas dan membincangkan isu ini sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu. Masa telah berlalu banyak dibuangkan, wang ringgit telah berbilion dibelanjakan namun masalah dadah dan bilangan penagih dadah semakin meningkat dan menakutkan. Ini tidak termasuk wang yang dibelanjakan oleh agensi-agensi, pegawai-pegawai kerajaan dan pihak-pihak lain, yang secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam melaksanakan program-program yang dianjurkan dalam membanteras masalah ini.

Saya secara peribadi kadang-kadang merasa bosan dengan berbagai-bagai cadangan yang diutarakan oleh banyak pihak, termasuk ahli politik seperti Ahli Parlimen yang berulang-ulang kali mencadangkan beberapa pendekatan bagi mengatasi masalah ini kepada kerajaan. Saya pernah secara terus terlibat dengan usaha membanteras

masalah penagihan dadah lebih 10 tahun semasa saya bertugas di Bahagian Keselamatan Negeri Pahang dan di beberapa daerah sebagai Setiausaha Keselamatan Daerah. Cadangan beberapa pihak termasuk di Dewan yang mulia ini supaya penagih-penagih ditempatkan di sebuah pulau yang jauh terpencil dari masyarakat, mudah dikawal telah dikemukakan sejak awal tahun 80-an lagi. Ketika itu Pulau Bidong yang pernah dijadikan pusat penempatan pelarian Vietnam dicadangkan sebagai pusat penempatan penagih-penagih yang terlibat tetapi cadangan terus menjadi cadangan.

Secara serius dan penuh sedar, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya melaksanakan pendekatan penempatan ke pulau di atas. Pada pandangan saya, saya penuh yakin masalah ini dapat dikurangkan kerana sebahagian besar permintaan dadah telah diasingkan daripada pembekalnya yang mana mereka tidak berhubung ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Maran. Dalam perjuangan kita terhadap salah guna dadah ini, saya menyarankan kita jangan sekali-kali bosan kerana ini agenda musuh yang luar biasa. Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat kerana kita pun telah mencadangkan melalui PEMADAM sebenarnya dulu tentang penagih-penagih ini yang tidak boleh lagi kita pulihkan untuk diletakkan di sebuah pulau.

Hanya saya hendak kembali kaitan dadah ini dengan pertanian tadi Yang Berhormat. Saya melihat salah satu daripada punca belia-belia kita akhirnya terjebak dengan dadah ini ialah kerana kerjaya ataupun pekerjaan. Oleh kerana itu saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat. Di antara kementerian-kementerian ini belia, pertanian sepatutnya ada koordinasi di mana para belia ini khususnya yang lepas SPM ini, yang sudah lama tidak ada pekerjaan itu supaya dapat dipastikan ada pekerjaan dan ini harus dimulakan dengan pegawai pertanian dan pegawai belia yang ada di tiap-tiap daerah itu harus diberikan latihan ataupun pembugaran dalam kerjaya mereka ataupun dalam tugas mereka, kalau tidak maknanya ia akan terus berlaku. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya sebenarnya pada awalnya bukanlah mengatakan saya bosan dengan tanggungjawab membanteras masalah dadah, tetapi oleh kerana terlalu lama terlibat dengan masalah ini, kadang-kadang berasa bosan. Sebenarnya bukan bosan, bukan hendak mengelakkan diri dan berhubung dengan cadangan Yang Berhormat tadi, sebenarnya saya bersetuju dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan sekalian, saya terlibat semasa di Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan Jawatankuasa Keselamatan Daerah. Di dua-dua ini, sekarang kita panggil Bahagian Keselamatan Negara, di sini terdapat dua jawatan kuasa yang ketika itu dahulu dikenal sebagai Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan Jawatankuasa Keselamatan Daerah dan satu lagi jawatankuasa ialah panggil Jawatankuasa Gerak Saraf dan Perang Saraf.

Kedua-dua jawatankuasa ini ditugaskan diperanankan, diberikan peranan untuk mengkoordinasi agensi-agensi kerajaan yang boleh melibatkan diri dalam melaksanakan program-program seperti ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi sabak Bernam supaya kerajaan mengkaji semula dan meneliti balik jawatankuasa ini dan kalau boleh melaksanakan semula pendekatan bersepadu ini supaya kita dapat melibatkan bukan sahaja jabatan-jabatan berkaitan dadah ini seperti polis, tentera bahkan juga jabatan-jabatan lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung .

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: ...termasuk Jabatan Pertanian dan sebagainya. Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, hendak habis. Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sekejap, sila sahabat saya.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Maran. Menyentuh tentang dadah dan belia. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Maran, tentang ketidakaktifnya belia di akhir-akhir ini. Jadi bahawa terdapat 7 juta orang belia yang masih menganggotai Kesatuan Belia. Mereka ini yang banyak terjebak dalam dadah. Sekarang ini pihak kerajaan memberi peruntukan yang banyak kepada Kesatuan Belia mengaktifkan Kesatuan Belia. Kita

yakin bahawa apabila belia masuk Kesatuan Belia, buat banyak aktiviti barulah anak-anak muda kita tidak terlibat dengan gejala sosial dan dadah. Maksud saya setuju atau tidak Yang Berhormat apabila kerajaan memberi banyak peruntukan kepada belia, dengan sendirinya masalah dadah ini dapat kita tangani dengan lebih berkesan lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Bahkan pada saya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tengah hari tadi, bahawa belia adalah masa depan negara, bukan sekadar harapan. Sebab itu saya bersetuju supaya kalau boleh kerajaan memberikan keutamaan kepada peruntukan, diberikan peruntukan yang lebih kepada Kementerian Belia supaya kita dapat memberikan perhatian yang khusus, yang serius kepada belia. Kalau kita tidak memberikan perhatian kepada mereka, jangan kita harapkan mereka akan menjadi masyarakat yang berguna kepada negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah bangun 10,11 kali. Tetapi tidak dapat bercakap. Bagilah peluang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa 20 minit memang telah ditentukan.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sedikit Yang Berhormat, sedikit. Saya hendak habis sudah. Hendak gulung, hendak habis gulung ini. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perhubungan kita dengan Indonesia, saya berharap kita tidak menjadikan isu ini sebagai isu yang panas dan kita tidak mahu menambahkan minyak kepada api yang telah menyala. Kita harap supaya semua pihak memberikan perhatian dan mengeratkan semula hubungan kita antara Malaysia dengan Indonesia. Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan saya tadi, saya dengan penuh sedar menyokong Titah Ucapan Di Bawah Duli Tuanku. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sekijang.

3.45 ptg.

Tuan Baharum bin Mohamed: Alhamdulillah.

*Buah pauh delima batu,
Masak lemang menjadi ketupat,
Sudah empat hari saya menunggu,
Baru kini saya mendapat.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak mendapat macam mana.

Tuan Baharum bin Mohamed: Sudah labuh punggung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kalau tidak dapat macam mana?

Tuan Baharum bin Mohamed: Tidak dapat *frust*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong di dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara pertama yang ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan bio-diesel yang berasaskan kepada kelapa sawit yang satu ketika dahulu telah digembar-gemburkan sebagai bahan tenaga alternatif yang boleh menggantikan bahan petroleum sebagai bahan tenaga yang baru. Apakah pencapaian dari kajian yang telah dibuat terhadap bio-diesel ini? Berapakah kos pengeluaran terhadap bahan ini untuk satu liter?

Saya telah difahamkan bahawa Lembaga Minyak Sawit Malaysia ataupun MPOB akan membangunkan kilang bio-diesalnya yang pertama di negara ini tidak lama lagi, yang dianggarkan bernilai RM40 juta bagi menghasilkan bio-diesel yang boleh digunakan untuk enjin diesel. Sekiranya perkara ini benar-benar berlaku, maka saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada MPOB dan kementerian yang telah berusaha ke arah mencari sumber baru bagi kegunaan negara kita. Oleh kerana kita akan mengeluarkan minyak diesel dari bio-diesel sendiri, maka saya ingin mencadangkan supaya MPOB dapat pula bekerjasama dengan pengeluar kereta tempatan agar diesel yang dikeluarkan nanti dapat disesuaikan dengan enjin kereta tempatan.

Jangan pula nanti diesel yang kita keluarkan tidak dapat digunakan oleh kereta tempatan dan hanya sesuai pada enjin-enjin tertentu sahaja, dan ini tentunya merugikan kita semua. Sekiranya ini dapat dilakukan, maka industri kereta kita akan selari dengan industri kelapa sawit kita. Ini tentunya akan memberikan keuntungan kepada negara kita kerana kita dapat mengeksport produk kita serentak dan permintaan terhadap sawit akan tinggi dan sekali gus memberikan keuntungan kepada pengusaha-pengusaha ladang dan yang pentingnya pekebun-pekebun kecil di samping dapat menolong menstabilkan harga kelapa sawit dan tentunya menggalakkan pengeksportan kenderaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita tersentak dengan kejadian yang berlaku di negara jiran kita apabila bendera kita telah dipijak dan dibakar oleh golongan pelajar dan masyarakat mereka kerana masalah Pulau Ambalak khabarnya, sedangkan perkara itu boleh kita runding ataupun boleh dicapai melalui Mahkamah Keadilan Antarabangsa bagi diputuskan. Kita dikatakan serumpun dan sebangsa, tetapi apabila timbul masalah tidak mahu bertolak ansur, bahkan disiarkan pula ucapan Allahyarham Sukarno semasa menganyang Malaysia pada satu ketika dahulu. Sedangkan kita, apabila timbul masalah pendatang tanpa izin, kita tidak emosi dan sentiasa memberi peluang dan kelonggaran dan beberapa kali tertangguh terlalu lama demi menjaga tali persahabatan di antara kedua buah negara sehingga beberapa kali Menteri kita, bahkan Timbalan Menteri dan Perdana Menteri sendiri berulang alik ke negara tersebut, kerana bilangan rakyat merekalah yang paling ramai menjadi pendatang tanpa izin dalam negara kita ini, sehingga ada suara-suara sumbang yang menyatakan bahawa kerajaan kita terlalu takut untuk mengambil tindakan.

Rakyat kita tidak pernah pun berpiket akan hal ini walaupun mereka tidak bersetuju. Inilah mungkin kata pepatah Melayu yang telah banyak kali disebut di dalam Dewan ini, 'kita memberi susu, orang lain membalasnya dengan tuba.' Mujur timbul segelintir masyarakat mereka dan duta besar mereka di negara ini dengan kesedaran untuk memohon maaf kepada Perdana Menteri dan negara kita. Sedikit sebanyak terubat jugalah hati kita yang terguris itu.

Saya amat bersetuju dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa kerajaan mereka juga harus mengawal media mereka yang sentiasa

membakar perasaan rakyat mereka dengan slogan “Kebebasan Media” sehingga berlaku peristiwa hitam itu. Ini kerana bendera itu adalah lambang atau tanda kepada sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, pencemaran sungai adalah perbuatan yang kita semua kutuk. Ini kerana sungai adalah punca air yang membekalkan keperluan kepada kehidupan kita seharian. Dewasa ini pencemaran terhadap sungai begitu berleluasa sama ada kita sedar atau tidak ianya tetap berlaku hasil daripada perbuatan kita semua. Walaupun kempen dari Jabatan Parit dan Saliran telah meletakkan papan tanda berbunyi “Cintailah Sungai Kita” di kebanyakan sungai dan tali air di negara kita dan langkah ini patut kita berikan kepujian tetapi ada kalanya ia tidak memberi sebarang kesan kepada sesetengah pihak.

Ada sesetengah pihak yang tergamak mencurahkan bahan toksik atau racun serangga ke dalam sungai kerana ingin mendapatkan ikan-ikan ataupun udang sungai secara mudah dan kemudiannya menjual hasil tangkapan ini kepada orang ramai dan orang ramai membelinya tanpa menyedari bahawa ikan atau udang itu adalah bahan yang terkena racun.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini berlaku di kawasan saya iaitu di Sungai Muar iaitu satu sungai yang mengalirnya di hulu di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan di kualitasnya di Muar, Johor. Keadaan ini berlaku terutamanya apabila menjelang musim panas dan apabila paras air sungai telah menurun ke paras terendah. Keadaan ini kalau dibiarkan dan tidak dikawal dan dipantau, tentunya akan merugikan kita semua. Apatah lagi air sungai ini diambil dan diproses, kemudian disalurkan kepada kita semua untuk dijadikan minuman dan kegunaan-kegunaan lain.

Sepengetahuan saya sekurang-kurangnya terdapat enam rumah pam dan loji ari terdapat di hilir kawasan saya iaitu Rumah Pam Air Bukit Kepong, Lenga, Bukit Serampang, Loji Bukit Terih, Rumah Pam Air Pancur dan Gersik ataupun Sawah Ring yang membekalkan air bagi kawasan Muar dan mungkin juga kawasan Melaka. Ini kerana loji di Gersik membekalkan air ke *Dam* Durian Tunggal, Melaka. Walaupun kedudukan kesemua pam dan loji ini agak jauh dan terletak di dalam kawasan air pasang surut tetapi saya percaya dan saya kluatir sedikit sebanyak kesannya masih kedapatan lagi.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Razali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Muar bangun.

Tuan Baharum bin Mohamed: Silakan.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sekijang kerana membangkitkan perkara ini kerana saya yang berada di hujung Sungai Muar sudah tentulah merupakan pengguna kepada bahan yang tercemar ini. Kalau betullah, sebab dia tuang bahan beracun ini di sebelah dalam, kita tidak nampak, tetapi kalau betullah perkara ini dibuat, saya mengharapkan satu tindakan dan saya minta Yang Berhormat bagi Sekijang untuk mengemukakan perlakuan ini supaya dapat diambil tindakan oleh pihak kerajaan supaya penduduk di tempat-tempat di hujung Sungai Muar tidak lagi menggunakan bahan yang tercemar. Terima kasih.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Muar. Sememangnya keadaan ini berlaku dan apabila paras air di sungai mula menurun maka kejadian mencurahkan bahan-bahan toksik atau racun serangga ini agak berleluasa dan sebab itulah saya cuba membangkitkan di Dewan ini kerana kadangkala kita juga sebagai pengguna dan kita rasa kadang-kadang rambut kita gugur mungkin kerana kita banyak berfikir tetapi mungkin juga akibat daripada terminum air yang bertoksik ini Tuan Yang di-Pertua, saya sambung semula.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengesyorkan kepada pihak yang berwajib supaya:

- (i) mereka yang sengaja mencemarkan sungai ini dengan bahan toksik atau bahan racun serangga atau sebagainya perlulah dikenakan tindakan sebagai seorang penjenayah;
- (ii) Jabatan Parit dan Saliran dan Jabatan Perikanan, khasnya di daerah Segamat hendaklah dibekalkan dengan bahan-bahan yang ada teknologi iaitu bahan kimia ataupun bahan-bahan biologi semula jadi iaitu dengan cara pengaktifan bakteria yang boleh melarutkan racun atau bahan toksik ini dan kemudiannya

meneutralkan semula air di dalam sungai tersebut. Teknologi ini saya difahamkan telah digunakan di Eropah dan kini telah pun ada syarikat-syarikat Malaysia yang berkemampuan untuk melakukannya;

- (iii) wujudkan pasukan memantau di sungai-sungai tersebut supaya ia cepat dapat dikesan yang terdiri mungkin daripada Kementerian Pertanian, polis, tentera, Jabatan Parit dan Saliran, Kementerian Kesihatan, pejabat daerah, Kementerian Sains dan Inovasi yang mungkin boleh dilihat daripada satelit kita; dan
- (iv) mengharamkan sama sekali racun rumpai dan racun serangga yang boleh mencemarkan sungai walaupun baru-baru ini pada sesi yang lepas kita ada pindaan kepada Akta Racun Makhluk Perosak tetapi saya rasa penguatkuasaannya masih lagi berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah...

Tuan Nasaruddin bin Hashim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit bangun di belakang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Sila.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sekijang ini merupakan satu masalah negara, pencemaran air sungai. Hampir semua sungai di seluruh negara telah dicemari oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan saya berasa bangga di atas cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Sekijang, beberapa tindakan patut dikenakan kepada mereka yang mencemarkan sungai ini.

Tetapi Yang Berhormat bagi Sekijang tadi tidak menyentuh langsung soal kempen menjaga sungai ini kerana kita tahu kempen menjaga sungai ini sedang dibuat, kita lihat di merata-rata di seluruh negara, "Cintailah Sungai Kita" dan sebagainya. Tetapi yang menjadi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sekijang,

kempen yang kita buat ini tidak pernah berkesan. Kempen tinggal kempen dan kita hanya melihat *billboard* itu dengan tidak ada perasaan untuk melaksanakan kempen itu bagi semua pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit, masa untuk Yang Berhormat bagi Sekijang ada lima minit lagi.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Okey, jadi Yang Berhormat bagi Sekijang, apakah kerana kempen ini salah tumpuannya atau kita menjalankan kempen kepada pihak atau *target group* yang salah. Terima kasih.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat saya tidak boleh jawab panjang. Sebenarnya tadi pun saya ada menyebut kempen yang dibuat oleh Jabatan Parit dan Saliran, "Cintailah Sungai Kita". Jadi kita sama-samalah berkempen. Saya sambung semula, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Yeng Peng: Sekejap, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Baharum bin Mohamed: Ada lagi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih. Tadi saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat bagi Sekijang mengenai pencemaran sungai yang sekarang ini memang menjadi satu masalah yang serius kepada negara. Tetapi bersediakah Yang Berhormat bagi Sekijang untuk mencadangkan kepada kerajaan supaya satu undang-undang atau satu akta diwujudkan supaya pengusaha-pengusaha ataupun kilang-kilang ataupun bangunan-bangunan perniagaan yang mencemarkan sungai-sungai ini dapat dihalang ataupun dirobahkan dengan satu cara yang tertentu supaya kebarangkalian untuk pencemaran air sungai itu dapat dikurangkan. Bersediakah Yang Berhormat untuk mencadangkannya kepada kerajaan?

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa cadangan Yang Berhormat bagi Puchong itu adalah satu cadangan yang baik, yang boleh kita masukkan untuk kebaikan kita bersama. Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya berterima kasih kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) kerana telah dan akan mengagihkan peruntukannya ke seluruh negara.

Tumpuannya sudah tentu kepada wilayah dan kawasan luar bandar yang tertinggal pembangunannya ataupun kawasan miskin, sesuai dengan namanya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Tetapi saya mendapati pengagihan peruntukan tidak memperlihatkan kepada luar bandar dan wilayah, pengagihan peruntukannya lebih kepada mengikut negeri. Contohnya, di tempat saya yang boleh dikatakan 70% kawasan luar bandar dan merupakan kawasan Parlimen baru yang penduduknya begitu miskin, telah diperuntukkan kewangan pembangunannya begitu kecil sekali.

Projek jalan kampung hanya diperuntukkan setengah juta ringgit dan *immunity social* hanya RM50 ribu sahaja. Wang setengah juga ringgit ini hanya boleh membina jalan kampung sepanjang 5 atau 6 kilometer sahaja berdasarkan kepada kadar yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya. Manakala peruntukan sebanyak RM50 ribu ini hanya boleh membina separuh balai orang ramai ataupun balai raya kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, bukan semua kawasan negeri Johor maju. Sebab itulah semasa plaintif dahulu kita di negeri Johor pun ketinggalan berbanding dengan negeri lain. Rakyat sekarang telah pandai, Tuan Yang di-Pertua. Mereka tahu membandingkan kerana ada tempat yang setaraf dengan mereka menerima peruntukan yang tinggi tetapi mereka tidak menerimanya. Mereka bertanya dengan Ahli Parlimen kenapa jadi macam itu dan kita selaku Ahli Parlimen susah untuk menjawabnya seolah-olah rintihan mereka itu tidak didengar.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat bahawa Johor adalah teras kepada pembentukan Kerajaan Barisan Nasional. Rakyat Johor telah memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Barisan Nasional. Sejak daripada dahulu lagi kita tidak pernah berganjak apatah lagi di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang.

Di dalam Pilihanraya 2004 yang lalu, kawasan Parlimen Sekijang yang saya wakili, saya mendapat sokongan lebih daripada 90%, begitu juga dengan dua kawasan Dewan Undangan Negeri. Kalau sokongan tinggi, tentunya pengharapan juga cukup tinggi. Mereka mahukan pembangunan tetapi peruntukan tidak sama. Bukan niat saya untuk menidakkan kawasan yang telah diberikan peruntukan yang tinggi atau besar yang berdasarkan kepada wilayah, saya tetap menyokong, tetapi berikanlah juga sama peruntukan dalam kawasan saya yang juga mundur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta tolonglah tambah peruntukan untuk kawasan Kulai juga. *[Ketawa]*

Tuan Baharum bin Mohamed: Kulai juga. Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. Saya ini hanya menyampaikan hasrat rakyat di kawasan saya dan mungkin juga di kawasan-kawasan lain di negeri Johor ter.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Termasuk Kulai.

Tuan Baharum bin Mohamed:termasuklah Kulai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih.

Tuan Baharum bin Mohamed: Jangan sampai nanti mereka bosan setelah memberikan sokongan yang tinggi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Baharum bin Mohamed: Sikit sahaja lagi. *[Disampuk]* Sudah cakap Kulai tadi, minta tambah sikit, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi peruntukan pembangunan mereka dianaktirikan. Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya saya mohon kementerian mengkaji semula agihan peruntukan yang telah diberikan supaya kawasan mundur, kawasan miskin dan kawasan tertinggal seperti mana kawasan saya, mesti diberikan peruntukan yang sama dan tidak dilabelkan di bawah negeri. Permohonan saya ini tidak sahaja kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar, malah semua kementerian yang lain yang juga mesti membuat pengagihan yang sama.

Yang terakhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang masalah dadah. Dadah adalah merupakan musuh nombor satu kita di Malaysia dan kita mahu bebas daripada dadah pada tahun 2015 tetapi dari data-data yang kita dapati ianya bertambah setiap tahun. Macam mana agaknya kita menyelesaikan masalah ini? Contohnya, di negeri Johor sahaja pada tahun 2004, penagih baru 2,319 dan penagih ulangan ialah 1,775 yang berjumlah 4,094 orang. Ini tidak termasuk negeri-negeri lain.

Baru-baru ini kita telah meluluskan Akta Agensi Antidadah Kebangsaan tetapi kita belum dapat melihat keberkesanannya lagi. Tuan Yang di-Pertua, sebab saya berkata begitu, penagih dan pengedar juga adalah mereka yang agak cerdik dan pintar. Kadang-kadang kita susah hendak mengesan dan susah untuk menangkap mereka ini.

Saya suka untuk mengesyorkan kepada kementerian ataupun kita boleh memikirkan bersama-sama. Kalau dahulu untuk mengesan sesuatu, contohnya hidupan liar, misalnya burung yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat, gajah yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat dan binatang-binatang liar yang lain, kita memasukkan cip ke dalam badan binatang tersebut. Apa kata kali ini pengedar dadah dan juga penagih dadah ini kita masukkan cip ke dalam badan mereka dan kita boleh mengesan di mana dia berada. Kadang-kadang pengedar ini apabila kita tangkap tidak cukup bukti, lepas balik dan selepas itu dia mengedar balik. Apabila orang tahu bahawa cip telah ada pada badan dia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Baharum bin Mohamed: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah lebih beberapa minit.

Tuan Baharum bin Mohamed: Sedikit sahaja lagi hendak kesimpulan. Apabila ada cip dalam badan mereka, maka mungkin agaknya menakutkan orang lain untuk dekat dengan mereka ini, Tuan Yang di-Pertua. Di samping itu juga kita boleh pantau di mana mereka itu berada, terutama pada zaman sains dan teknologi ini kita ada peralatan yang cukup canggih, kita boleh menggunakan telefon cellular kita, dan kita tahu kedudukan di mana penagih atau pengedar itu berada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sandakan.

4.12 petang.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan dan menyokong titah ucapan Diraja di Dewan yang mulai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan berucap panjang lebar tetapi hanya membangkitkan perkara seperti berikut: Yang pertama masalah pendatang tanpa izin PTI di Sabah sudah sampai ke tahap yang serius seperti yang dikemukakan oleh kawan-kawan saya dari Sabah. Mengikut perangkaan rasmi yang terkini 1/3 penduduk di Sandakan adalah terdiri daripada bukan warga negara Malaysia. Ada kemungkinan

besar bilangan sebenarnya adalah lebih daripada jumlah ini. Inilah suatu masalah yang mesti dapat perhatian dan juga tindakan segera daripada kerajaan seperti mana yang dikemukakan baru-baru ini oleh Yang Berhormat Kinabatangan bahawa ada JKKK dan Ketua Kampung yang membenarkan PTI ini tinggal di kawasan mereka. Mereka ini harus dihukum dengan sewajarnya. PTI ini telah membawa banyak masalah sosial seperti aktiviti jenayah, kecurian, bekalan air dan elektrik. Masalah kesihatan di kawasan rumah setinggan, masalah kebersihan dan sebagainya. Tindakan drastik mesti diambil oleh kerajaan dengan segera untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan global adalah sangat baik dan amatlah dialu-alukan. Tentang isu pendidikan, penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Setiausaha Politik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak berniat mengadakan pembinaan tambahan bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan China menjejaskan perpaduan negara seharusnya dialu-alukan dengan baik oleh semua lapisan masyarakat. Saya menyokong penuh sistem sekolah kebangsaan tetapi pembangunan Sekolah Jenis Kebangsaan China ataupun Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ini mengikut Perlembagaan Persekutuan negara kita tidak boleh diabaikan kerana media perantaraan ini juga dapat melatih rakyat kita menjadi bangsa Malaysia yang taat setia kepada negara.

Bagi purata peratusan bilangan kaum bumiputera di SRJK(C) di Sabah adalah lebih kurang 40%. Ada juga yang sampai tahap 70%. Dengan ini saya ingin menyeru kerajaan supaya dapat memberi bantuan sewajarnya kepada sekolah-sekolah ini khususnya mereka yang terdapat di kawasan bandar di mana kesesakan disebabkan oleh bilangan murid yang terlalu ramai supaya proses mendidik anak-anak kita menjadi rakyat berguna dapat dijalankan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga titah ucapan Diraja juga mendidik malahan masalah pertumbuhan yang tidak seimbang di kalangan wilayah dan di antara bandar perlu diatasi. Pembangunan infrastruktur di Sabah khususnya di kawasan Sandakan adalah kurang memuaskan. Bekalan air dan elektrik yang tidak mencukupi menghalang pembangunan asas dan membawa kesulitan serius kepada rakyat keseluruhan dan juga kerugian yang tidak terkira bagi komuniti perniagaan. Walaupun kononnya ada

rancangan untuk mengatasi masalah-masalah ini tetapi nampaknya ia memerlukan masa yang agak panjang bagi pelaksanaannya.

Saya ingin menyeru kerajaan supaya mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah ini. Rakyat Sandakan selalu menghadapi masalah gangguan bekalan elektrik dan tidak tahu bilakah masalah ini dapat diatasi.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya bersemangat kerana Yang Berhormat Sandakan beri laluan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati saya untuk menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengikut fiq aulawiat Yusof Qardawi setujukah, dia mengatakan bahawa dalam urusan negara mesti beri keutamaan apa yang utama. Aula yang lebih daripada aula, air, air dan jalan. Maka saya rasa yang lain-lain itu kita kecil sedikit pengurusan. Saya tengok pengurusan cukup besar. Setuju tak kita utamakan dulu yang aula iaitu air, air dan jalan termasuk Parlimen Pasir Puteh. Setuju tak?

Tuan Chong Hon Min: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Itu memang keperluan asas yang penting bagi kita semua jadi pelaksanaan projek dan juga rancangan untuk memperbaiki atau meningkatkan kemudahan ini memang sangat mustahak bagi semua rakyat. Terima kasih. Saya meneruskan perbincangan saya.

Rakyat Sandakan selalu menghadapi masalah gangguan bekalan elektrik dan tidak tahu bilakah masalah ini dapat diselesaikan. Mereka harap layanan seperti yang dinikmati oleh rakyat di Semenanjung dapat diberikan kerana gangguan bekalan elektrik berlaku satu dua jam di Semenanjung dapat perhatian segera dan tindakan sewajarnya diambil.

Memandangkan keadaan di Sandakan gangguan bekalan elektrik berlaku hampir setiap hari dan ada juga beberapa kali dalam sehari. Memang menjadi hasrat rakyat Sandakan meminta kerajaan supaya mengambil berat tentang masalah ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta perhatian.

Tuan Chong Hon Min: Boleh, silakan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Sandakan, tadi Yang Berhormat ada membangkitkan bahawa apabila bekalan elektrik terputus di Semenanjung Malaysia perhatian begitu banyak dari semua pihak dan begitu gempar sekali tetapi di sebelah sana tidak ada bekalan elektrik pun tidak ada orang yang peduli.

Apakah ini kerana di Sabah tidak ada pembangkang bagi memastikan Barisan Nasional menjalankan tugas. Apakah pendapat Yang Berhormat? Kerana tidak ada pembangkang sebab itulah Sabah yang asas ini air dan bekalan elektrik tidak mendapat perhatian pembekalannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Sandakan ini blok mana?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Blok sini tetapi hati di sana. *[Dewan riuh]*

Tuan Chong Hon Min: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Saya menegaskan satu kali lagi bahawa kedudukan saya seorang ahli BEBAS tetapi saya sokong Barisan Nasional. *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua perlu pindahkan dia pergi sana sebab di sana pun ada tiga ahli yang bebas, mereka duduk di sana dan di antaranya satu orang dia ada 'SUP' - Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, satu hari nanti Yang Berhormat pun boleh minta pergi ke sanalah.

Tuan Lim Hock Seng: Untuk senang dikenal, saya ingat dia boleh pindah ke sana.

Tuan Chong Hon Min: Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Itu pada pandangan saya sekarang tidak menjadi masalah kerana walaupun ada tiga lagi kawan kita boleh sama-sama masuk Barisan Nasional nanti *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat memang saya tidak boleh cakaplah tetapi saya hendak tanya. Yang Berhormat fikir Barisan Nasional yang paling bagus sekali, betulkah?

Puan Chong Eng: Bekalan air tidak ada.

Tuan Lim Hock Seng: Tidak ada air, tidak ada peruntukan sekolah Cina.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Ketawa]*

Tuan Chong Hon Min: Tetapi memang tidak ada organisasi atau individu yang boleh dikatakan 100% *perfect* kan dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi boleh tahanlah.

Tuan Chong Hon Min: Boleh tahan. Jadi....

Cik Fong Po Kuan: Tak ada air, tak ada elektrik pun masih belum tahan. Ayoyo.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ok, teruskanlah.

Tuan Chong Hon Min: Walaupun saya difahamkan bahawa cadangan pembinaan jalan raya telah dikemukakan bagi kawasan Sandakan, saya ingin meminta supaya kerajaan dapat menyalurkan peruntukan yang mencukupi dalam tempoh masa yang munasabah untuk melaksanakan projek-projek ini, untuk keperluan segera rakyat setempat. Demikian juga projek bekalan air di Sandakan dapat dilaksanakan dan disiapkan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, Titah Ucapan Diraja telah menyentuh mengenai bilangan pekerja asing yang besar jumlahnya di negara ini dan kita terlalu bergantung kepada mereka dalam pelbagai bidang. Tetapi kita tidak dapat melatih rakyat kita dengan serta-merta untuk mengambil alih tempat mereka. Jadi banyak aduan telah diterima daripada sektor perladangan dan perkilangan bahawa levi dan caj- caj bagi pekerja asing adalah terlalu tinggi sehingga bayaran RM1,700 bagi seorang. Bayaran levi secara tahunan ini pun membawa masalah, iaitu kerugian kepada majikan sebab pekerja ini selalu meninggalkan kerja selepas beberapa bulan dan jumlah bagi levi yang belum dipakai tidak boleh diganti dengan seorang pekerja baru.

Majikan kedua-dua sektor ini meminta kerajaan supaya mengkaji isu-isu ini dan menurunkan levi dan caj-caj ini untuk meringankan beban kewangan mereka. Ada juga cadangan bahawa levi yang dibayar untuk seseorang pekerja yang sudah meninggalkan jawatan dapat diganti oleh pekerja baru ataupun levi ini dibayar dalam jangka masa suku tahun. Ini akan mengurangkan kerugian majikan sekiranya pekerja meninggalkan kerjanya dalam masa singkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong dasar kerajaan terus menekankan pembangunan ekonomi yang kukuh, berdaya tahan, adil dan saksama dengan pengurusan kewangan sektor awam secara berhemat dan berdisiplin berdasarkan kepada keberkesanan kos, tetapi daripada jawapan kementerian yang diberikan kepada saya, adalah didapati bahawa Majlis Perbandaran Sandakan mempunyai bil-bil elektrik tertunggak sebanyak RM12 juta menyebabkan Sabah Electricity Sdn. Bhd. enggan

memberi bekalan tenaga elektrik bagi lampu-lampu jalan baru yang telah lama siap pemasangannya di jalan lintas Selatan Sandakan.

Saya berasa kurang faham mengapa ini berlaku dan ingin mengesyorkan supaya sebuah firma perunding kewangan dilantik untuk mengkaji dengan menyeluruh sistem pentadbiran kewangan supaya tawaran dapat dipertingkatkan. Dengan ini saya berharap kerajaan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang selalu dibangkitkan oleh rakyat Sandakan ini dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Padang Serai.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, dia sudah mengaku yang dia bukan di blok Pembangkang, jadi patutlah giliran Pembangkang, dia ini Barisan Nasional! *[Sambil menunjukkan kepada Yang Berhormat bagi Sandakan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya tidak kira.

Tuan Lim Hock Seng: Tidak kirakah? Patut di sinilah *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Padang Serai.

Cik Fong Po Kuan: Ada peluang di sini! Tidak ambil peluang di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat fikir Barisan Nasional baik, Yang Berhormat pun boleh masuk juga. Sila, sila.

Tuan Lim Hock Seng: Oh, jangan!

Cik Fong Po Kuan: Kalau baik, masuklah DAP. Ini peluang ambil dari sini.

4.24 ptg.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Usul Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah hampir mencapai matlamat pembangunan sebuah negara moden yang dinamik, maju dan makmur selaras dengan Wawasan 2020. Jelas daripada proses pembangunan negara mapan, kejayaan mengharungi dua badai ekonomi serantau dan keunikan secara penyelesaian masalah menjadikan Malaysia antara *role model* dengan izin, yang disegani kumpulan negara-negara membangun

bahkan di dalam beberapa bidang tertentu, kita mendapati Malaysia sudah mampu berdiri seiring malah menjangkau lebih daripada negara-negara maju.

Cabaran pembangunan infrastruktur dan jalinan komunikasi dan kemudahan asas serta sokongan telah menjadi tumpuan utama kepada usaha Kerajaan Barisan Nasional di dalam memastikan nikmat pembangunan dirasai seluruh rakyat. Di dalam hal ini, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan tidak ada seorang pun daripada rakyat Malaysia yang ketinggalan, terpinggir dan terkebelakang ditinggalkan arus pembangunan yang melanda negara.

Kita sudah sampai ke satu tahap pembangunan di mana keperluan fizikal dari segi kemudahan hampir semuanya berjaya dibangunkan, walaupun masih banyak yang perlu diusahakan untuk memastikan kawasan-kawasan luar bandar turut menikmati limpahan yang dibawa oleh arus pembangunan. Masih banyak yang perlu digapai terutama sekali memastikan pembangunan dirasai di kawasan luar bandar dan pedalaman termasuklah di Sabah dan Sarawak yang mempunyai cabaran yang lebih besar dan getir memandangkan jajaran geografinya yang menjangkau keluasan Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, keseimbangan di dalam proses pembangunan bukan hanya tertumpu kepada infrastruktur asas. Ia juga memerlukan penghayatan dan keinsafan terhadap peranan manusia itu sendiri di dalam menerajui proses pembangunan ini. Dalam erti kata lain, selain daripada penumpuan perhatian kepada dua elemen utama ekonomi, dana dan modal, peranan sumber manusia atau buruh di dalam ekonomi memerlukan pendekatan dan pemerksaan yang tersendiri. Inilah yang menjadi hasrat dan teras utama kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri yang kita cintai untuk menumpukan seluruh usaha bagi memantapkan Visi 2020 menerusi pembangunan modul manusia yang amat perlu bagi keseimbangan pembangunan yang mampu digapai dan diusahakan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia terdiri daripada 25 juta penduduk yang mempunyai cita rasa dan pegangan hidup yang tersendiri dan asing di antara satu sama lain. Polemik perkauman di negara bukan kerana fahaman politik, tetapi kerana kepelbagaian atau *diversity* yang menjadi aspirasi dan disanjung dunia, tetapi masih

perlu diurus dengan jayanya kerana ia berupaya untuk meletupkan bahtera Malaysia yang sedang lancar menongkah arus ini. Untuk ini, maka perkara yang terpenting yang perlu diadakan sebelum proses pembangunan modul manusia dapat dijayakan ialah penyatuan dan kesepaduan rakyat di dalam satu barisan kukuh dan kental dan di Malaysia diukur daripada konteks kejayaan konsep integrasi nasional yang diamalkan.

Malaysia masih terdapat pelbagai kekangan, halangan dan cabaran yang perlu dihadapi oleh anak Malaysia hari ini. Bermula dari cabaran menentang golongan fundamentalis dan ekstrem agama yang menjurus kepada keganasan, cabaran menghadapi badai globalisasi dan liberalisasi serta yang tidak kurang pentingnya pengimbangan pembangunan pesat infrastruktur dan ekonomi negara dengan pembangunan rohaniah rakyat. Dalam erti kata lain, menangani keruntuhan akhlak dan moraliti masyarakat yang selalunya berlaku bersempena dan seiring dengan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat cabaran-cabaran yang dinyatakan bukanlah satu fenomena baru yang hanya melanda Malaysia. Ia melanda semua negara yang sedang maju dan sekiranya gagal ditangani akan membawa pula kepada keruntuhan struktur organisasi masyarakat terbabit. Masalah seperti penyalahgunaan dadah, terorisma jalan raya atau *road terrorism*, dengan izin, kelupusan nilai-nilai budaya dan agama serta keruntuhan moraliti ekoran gejala sosial yang dibawa daripada luar memang sedang hebat melanda negara.

Kerajaan perlu tegas untuk memperuntukkan pelbagai usaha demi memastikan Malaysia tetap menjadi sebuah negara Timur yang kaya dengan budaya, adat resam dan nilai akhlak yang mulia dan dipandang tinggi. Oleh itu, formula integrasi nasional mesti diterapkan sebagai asas kepada persefahaman dan kesanggupan semua kumpulan etnik di negara ini untuk hidup rukun damai bersama.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pembentukan perbezaan yang wujud di antara satu kaum dengan kaum yang lain bukan sahaja dari segi memberi jalan tetapi

memahami mengapa perilaku kaum itu adalah sedemikian. Mengapa tutur bahasa dan resam budaya serta moraliti berbeza. Dengan cara ini sekaligus prasangka dan ketidakpuasan hati di kalangan kaum akan dapat dihakis dan dibendung.

Setelah berjaya mencapai penerimaan dan pemahaman terhadap perbezaan yang wujud proses integrasi nasional akan terlengkap apabila kita selaku rakyat telah berjaya untuk mengiktiraf kehadiran rakan dari kaum lain, mengiktiraf hak mereka dan di waktu yang sama diiktiraf sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai cita rasa tersendiri terhadap kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan pembangunan modal manusia, elemen pembangunan seimbang perlu diberi perhatian khusus. Ini adalah kerana modal manusia perlulah dibangunkan agar mewarisi jati diri yang tinggi, fleksibel, mudah dilatih semula dan mudah bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Di sini sokongan padu perlulah diberikan kepada seruan kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar agar sejajar dengan pembangunan kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, fenomena migrasi di kalangan golongan muda dari luar bandar ke bandar adalah satu perkara yang wajar ditangani. Sering didapati migrasi ini bukan lagi dilihat hanya sekadar memenuhi keperluan modal manusia bandar tetapi dilihat sebagai satu masalah sosial yang perlu ditangani. Apa lagi dengan pengurangan permintaan untuk modal manusia dengan kemasukan teknologi tinggi dan peralatan canggih yang berupaya melaksanakan kerja manusia pada kadar yang lebih efisien dan ekonomikal.

Tuan Yang di-Pertua, kekeliruan terhadap jumlah sebenar siswazah menganggur mungkin dilihat sebagai satu *face* kepada sistem pendidikan dan penempatan siswazah negara. Ini kerana statistik awal menunjukkan terdapat 80,000 siswazah menganggur sedangkan beberapa hari lalu statistik ini telah bertukar kepada 18,000 sahaja. Memang kita gembira dengan perkembangan ini kerana ianya menunjukkan bahawa kekosongan ketara di sektor pekerjaan telah berjaya diisi. Tetapi permasalahan dari segi kekeliruan jumlah sebenar siswazah menganggur memerlukan satu penilaian semula kerajaan terhadap tatacara pengendalian statistik ini.

Pertama sekali dari manakah statistik ini diperolehi dan di kalangan graduan menganggur ini berapakah jumlah daripada IPTA dan berapakah jumlahnya daripada

IPTS. Apakah ada juga di kalangan siswazah luar negara yang menganggur. Jika ada ini adalah satu kerugian besar kerana jumlah masa dan wang yang begitu dibelanjakan untuk pembelajaran tetapi akhirnya tidak menampakkan apa jua hasil tambah, mungkin merugikan.

Kerajaan telah menetapkan pelbagai strategi yang memerlukan peruntukan dana bagi membantu siswazah menganggur ini. Ini termasuklah permohonan peruntukan sebanyak RM250,000,000 oleh Kementerian Sumber Manusia bagi Skim Latihan Siswazah Menganggur (SLSM) bagi melatih kira-kira 60,000 graduan menganggur di dalam *basic skill* yang diperlukan untuk membantu mendapatkan pekerjaan. Akan tetapi dengan penurunan mendadak jumlah ini, skim ini mungkin terpaksa dirombak semula dan akan pula merugikan lagi masa dan usaha kementerian serta kerajaan.

Perkara sebegini tidak wajar berlaku di dalam era teknologi IT dan informasi tanpa batasan. Kekeliruan jumlah ini juga boleh disalahtafsirkan pelabur modal luar sebagai tanda *inefficiency* dengan izin kerajaan di dalam memantau sektor pekerjaan di negara ini. Justeru, wajarlah kerajaan menimbangkan untuk mewujudkan satu standard data bank pekerjaan yang merangkumi jumlah pekerja di semua sektor, kekosongan dan keperluan mengisi kekosongan ini untuk dijadikan asas kepada Kementerian Sumber Manusia melakar strategi dan pelan pembangunan sumber manusia negara.

Pada waktu yang sama ianya dapat memberikan kementerian *comparative advantage* untuk membuat penyusunan dan penyesuaian atau *matching* di kalangan jumlah penganggur negara ini untuk mengisi kekosongan pekerjaan yang ada. Pada waktu yang sama kementerian dapat menyampaikan maklumat kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran untuk mengadakan kerjasama dan muafakat bagi melakar pembangunan modal manusia di masa hadapan menerusi penyesuaian dasar dan strategi pendidikan bagi mengisi keperluan di sektor pekerjaan.

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Puan Lim Bee Kau: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan, di dalam konteks pembangunan modal manusia

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu bangun Yang Berhormat. Kuala Terengganu.

Puan Lim Bee Kau: Sila.

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat apakah masalah tentang pengangguran siswazah ini ada kaitannya dengan apa yang disebut sebagai ketidakselarasan atau *mismatch* di antara pendidikan ataupun latihan yang diperolehi dengan pekerjaan ataupun bentuk pekerjaan yang ditawarkan di pasaran sekarang lebih-lebih lagi di pasaran sekarang memerlukan apa yang disebut sebagai *knowledge worker* sedangkan apa yang kita latih barangkali pada paradigma untuk melahirkan pekerja industri yang memerlukan *treatment*, yang memerlukan elemen-elemen yang berbeza. Pandangan Yang Berhormat?

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi kuala Terengganu. Memang kita dapati bahawa sistem pendidikan yang sedia ada, produk-produk yang kita keluarkan seperti kalau boleh kita bandingkan adalah *unfinished product*. Mungkin kerana kajian tidak dijalankan pada peringkat awal. Jadi kita keluarkan produk-produk yang tidak sesuai dengan keadaan yang diperlukan. Jadi, memanglah saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa *mismatch* ini memang berlaku. Kita dapati bukan tidak ada pekerjaan. Kita gunakan pekerja-pekerja asing begitu ramai sekali tetapi kita dapat juga penganggur-penganggur yang ramai. Jadi memang masalah *mismatch* ini berlaku. Terima kasih.

Berkenaan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan di dalam konteks pembangunan modal manusia, kerajaan wajar memberi penekanan khusus kepada keseimbangan proses pembangunan. Memang diperakui pembangunan amat penting terutama sekali di kawasan luar bandar yang masih kekurangan prasarana asas dan sokongan terutama di Sabah dan Sarawak.

Tetapi pembangunan bermakna yang dicari rakyat ialah untuk memastikan kedudukan kawasan mereka tetap tegak dan kukuh biarpun terdapat pelbagai tawaran yang lumayan dari kawasan lebih maju termasuk bandar-bandar. Ini kerana tanpa modal manusia kawasan luar bandar juga akan pupus dan lenyap baik dari segi jumlah bilangan penduduk mahupun dari segi identiti masyarakat yang mendiaminya. Jika kawasan luar bandar hanya dilihat sebagai kawasan pencen warga emas sahaja siapakah yang akan mengerjakan ladang, membajak sawah, menoreh getah dan mencabut sawit nanti. Pekerjaan-pekerjaan seperti ini memerlukan sumbangan tenaga

kerja golongan lebih muda dan perlulah pula disulami dengan kepakaran teknikal dan teknologi untuk meningkatkan pengeluaran.

Sebenarnya kawasan luar bandar turut menawarkan pelbagai peluang pembangunan kepada golongan muda dan terpelajar. Ini termasuklah di dalam bidang agroteknologi yang memerlukan kepakaran teknikal dan penggunaan teknologi untuk meningkatkan hasil pertanian, pengeluaran makanan halal dan sebagainya. Bidang-bidang ini sesuai dibangunkan di kawasan luar bandar kerana keluasan kawasan sedia ada dan sokongan dari segi industri pertanian membolehkan pembangunan kawasan ini dilaksanakan dengan mapan dan berkesan. Kerajaan dilihat perlu menitikberatkan konsep pembangunan menyeluruh di dalam menyediakan infrastruktur sokongan bagi menjayakan misi pertanian negara di kawasan luar bandar.

Adalah tidak ekonomik untuk membangunkan industri sebegini di kawasan bandar kerana kesukaran yang memerlukan pula penghantaran bahan mentah dari kawasan ladang ke kilang untuk tujuan pemprosesan dan pembungkusan. Ia adalah lebih mudah untuk membuka kilang seumpamanya di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengusaha masih belum mampu membuka kilang di kawasan luar bandar kerana kekurangan infrastruktur sokongan di kawasan luar bandar seperti jalan raya dan kemudahan-kemudahan lain bagi memudahkan proses penghantaran barangan siap ke luar negara atau ke destinasi permintaan.

Kekurangan ini wajar diatasi oleh kerajaan dengan memperbanyakkan lagi tapak-tapak industri di kawasan luar bandar. Di waktu yang sama kerajaan wajar meningkatkan lagi peluang perniagaan dan perusahaan kecil (SMI) di kalangan petani di kawasan luar bandar bagi menyokong pembangunan industri pemakanan ini. Di sini tidak perlulah kilang besar dibuka untuk tujuan petani menceburi bidang komersial. Apa yang perlu ialah pembangunan SMI bagi mereka meningkatkan keupayaan mengeluarkan makanan di dalam bentuk asas yang boleh disimpan untuk memanjangkan tempoh hayatnya sementara dihantar ke kilang-kilang pemprosesan yang dibina berhampiran.

Konsep ini akan berupaya membangunkan petani luar bandar untuk menjadi efisien dan ekonomik selain daripada membantu menarik minat golongan muda dan terpelajar untuk tinggal di luar bandar dan menceburi bidang ini. Ini tidak mustahil

kerana didapati di beberapa negara maju termasuk Finland, Sweden dan Perancis jumlah bilangan golongan muda yang menceburi bidang pertanian semakin besar kerana ianya menjanjikan pulangan dan kepuasan hati kerja yang lebih baik berbanding kucar-kacir warna kehidupan kota.

Di zaman serba kelam-kabut ini, *serenity*, dengan izin, yang ditawarkan sektor pertanian tidak boleh dipandang remeh dan boleh digarap untuk menggalakkan golongan muda terutama siswazah menganggur untuk menceburi bidang ini. Justeru itu, RMK9 perlulah digubah berdasarkan kepada usaha mapan untuk menyerap jumlah penganggur di kalangan siswazah dan dialihkan kepada sektor pertanian moden di kawasan luar bandar. Persepsi bahawa pertanian satu industri kolot dan kotor perlu dikikis.

Di negara Thailand, kerajaan dan rakyat negara itu melihat pertanian bukan dari sudut fizikalnya tetapi dari sudut sumbangan ekonomi dan kewangan yang dapat diberikan kepada negara tersebut. Kerana itulah Thailand adalah antara gergasi eksport beras di dunia dan kualiti beras mereka begitu terkenal sehingga Malaysia sendiri pun membeli beras daripada mereka. Apakah kita mahu keadaan ini berterusan? Semestinya anjakan paradigma diperlukan sepanjang RMK9 untuk merubah sikap rakyat terutama modal manusia ke arah pertanian.

Berkenaan dengan konteks pendidikan hari ini perlulah diubah daripada terlalu memandang kepada cebisan kertas penilaian akademik kepada satu pendekatan holistik yang membawa kepada pembangunan warganegara cemerlang. Pendidikan masih memberi penekanan kepada aspek pembangunan intelektual dan kecemerlangan akademik, tetapi diolah supaya kecemerlangan ini dapat digunakan pelajar di dalam pekerjaan, di dalam kehidupan sebenar. Ini bermaksud pembangunan minda dan sikap serta jati diri pelajar supaya mampu bersaing, mampu berfikir secara strategik mengenai masa depan dan tata cara bagaimana untuk mencapai kejayaan yang lebih baik lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Puan Lim Bee Kau: Cara pembelajaran sebegini dapat memberikan pelajar kualiti individual yang diperlukan untuk menyubur diri dan pandangan terhadap sesuatu profesion itu. Ini bermakna model manusia yang dihasilkan mampu untuk melihat dan

menilai bidang mana yang perlu diterokai. Di waktu yang sama ianya berupaya mengubah pandangan negatif graduan terhadap bidang pertanian dan kehidupan di kawasan luar bandar. Untuk itu kerajaan dicadangkan untuk menilai semula sistem pemeriksaan berasaskan kertas semata-mata untuk disulamkan dengan kertas-kertas praktikal yang merangkumi pelbagai bidang di dalam mata pelajaran yang diceburi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru kepada kerajaan untuk memastikan bahawa infrastruktur untuk sekolah-sekolah ini, terutama di kawasan luar bandar, dapat diberi perhatian yang sesungguhnya. Kita dapati di kawasan-kawasan luar bandar masih terdapat sekolah-sekolah terutamanya sekolah Tamil dan sekolah Cina yang telah dibangunkan selama 50 tahun ataupun 70 tahun masih perlukan bantuan dan kita lihat di kawasan saya ada sebuah sekolah iaitu SJK(C) Hua Ming Sungai Karang di mana pejabat dan bilik guru telah disahkan ataupun disyorkan dirobuhkan oleh JKR tetapi masih digunakan kerana kekurangan tempat. Jadi saya minta supaya Kementerian Pelajaran boleh menitikberatkan terhadap sekolah ini. Satu lagi ialah sekolah Tamil iaitu di Ladang BMR di mana kerana kekurangan bilik dan kerosakan bilik, sekolah ini telah selama 70 tahun dibangunkan, pelajar-pelajar terpaksa belajar di tempat letak basikal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

4.46 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ubi kayu biji selasih, *thank you* terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat kerana saya diberi peluang yang bersejarah dalam rekod hidup saya selepas umur saya 56 tahun. Saya lahir UMNO 1946 di Istana Johor oleh Dato' Onn, PAS lahir 1951 maka umur saya setahun selepas UMNO lahir saya lahir. Saya dapat peluang duduk dalam Dewan ini dan menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena dengan perasmian Penggal Pertama Parlimen tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, dengan semangat patriotik, saya menyokong penuh dan mengajak rakan-rakan saya daripada barisan pembangkang untuk melahirkan betapa rahmat dan selamat sejahtera, aman makmur negara kita Malaysia walaupun Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyebut negara kita bebas daripada ancaman *tsunami* yang begitu besar melanda masyarakat kita. Walaupun sedikit kita terbabas tetapi tidaklah meragut nyawa melibatkan harta benda yang banyak.

Kita mengucapkan syabas kepada kerajaan kita kerana saya terpaksa menyebut ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak payah dekat sangat dengan mikrofon. Jauh pun tidak mengapa.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Walaupun kita melihat dan mendengar rintihan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kita yang telah berucap, abang-abang saya yang lebih matang lebih dulu daripada saya termasuk Yang Berhormat bagi Sri Gading dan sebagainya dan juga Yang Berhormat bagi Santubong, saya anggap beliau adalah senior dalam Parlimen yang telah menyampaikan ucapan membuat rintihan yang begitu baik, bukan komen tidak membina, supaya projek-projek disegerakan dan supaya apa yang kita janji dalam manifesto pilihan raya yang lalu hendaklah kita laksanakan pilihan raya yang kesebelas termasuklah negeri saya Kelantan walaupun diperintah oleh PAS tetapi saya menyokong yang baik, saya tidak menyokong yang tidak baik. Ini dasar saya.

Saya menerima masyarakat Islam Hadhari walaupun PAS masih kelabu kerana dia belum faham. Maka saya hendak memahamkan hari ini. Semalam Yang Berhormat bagi Pasir Mas saya minta izin untuk menjawab, bukan emosional, saya *logical mind*, bukan *emosional mind*, ialah dia kata kambing Pak Ya bukan Pak Ya kambing. Sebenarnya kita boleh pakai dua-dua itu. Kalau balik kepada bahasa Arab, *Al-Islam Al-Hadhari*, *Al-Hadharah Al-Islamiyah* – minta Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional kita faham baik-baik Barisan Nasional, takut keliru juga macam PAS. Ertinya kita hendak berbicara ini ialah, kalau beruk Pak Ya, kambing Pak Ya, beruk itu kita hendak tanya, bolehkah naik kelapa? Pandaikah tidak pulas kelapa? Beruk itu. Kalau kita sebut, api kereta dengan kereta api, kereta itu, bukan api itu. Ertinya, *Al-Islam Al-Hadhari* sifat *mausuh*; kalau *Hadharah Al-Hadharah Al-Islamiyah* sifat *mausuh*. Ertinya kita hendak mengembalikan tamadun di era globalisasi yang disebut dalam *global village* pada hari ini ialah supaya kita faham, kita tak nak dok cara lama, cara tahun 1960-an sudah berlalu, hari ini kita berada dalam 2005.

Pada masa dahulu barangkali kita tidak naik Airbus hendak pergi Mekah. Sekarang ini kita sudah ada 747/400 boleh muat hampir 500 orang. Lapan jam kita pergi ke Jeddah. Saya baru balik dari Australia, New Zealand terima kasih bersama Datuk Wan, bersama Datuk Radzi kerana *Select Committee*. Orang Australia pun puji kita, New Zealand puji kita - Islam Hadhari. Maka saya berterima kasih kerana duduk dalam sebuah negara yang merdeka 48 tahun, hendak genap merdeka sekali lagi 48 tahun, sekarang 47, ya. Jadi, kita rasa dalam hasil kemerdekaan ini saya rasa Yang Berhormat Rantau Panjang pun dia tidak marah dengan saya, sebab dia terima apa yang saya cakap, ini yang baik.

Positif, kita kena terima dengan positif, negatif kita kena terima dengan negatif. Saya pun menyokong dengan apa yang PAS cakap, kalau yang baik. Kerana tujuan kita, kita bukan hendak bahas hendak menentang kerajaan. Saya ambil masa tidak sampai 20 minit barangkali Tuan Yang di-Pertua, saya ambil dalam 15 minit. Saya berharap rakan-rakan jangan celahlah, sebab hendak bagi peluanglah anak bongsu baru angkat sumpah ini. Idea banyak, masa singkat. Saya hendak bercakap empat perkara.

Pertamanya ialah soal ketaatan kepada pemimpin. Saya hendak baca sepotong ayat al-Quran. [*Membaca sepotong ayat suci al-Quran*] ini Surah An-Nisa ayat 58, 59 tetapi ditambah sedikit [*Membaca sepotong ayat suci Al-Quran*] ertinya, Allah menyuruh kita memerintah di kalangan manusia, dia tidak kira PAS atau UMNO tidak kira Islam, tidak Islam di kalangan manusia, 'Kamu memerintah dengan cara yang adil', 'Hai orang-orang yang beriman ...' ini dan *stress* sedikit kerana kita Islam Hadhari. 'Hai orang-orang yang beriman taatlah kepada Allah, taat kepada Rasulnya dan Ulil Amri Minkum di kalangan kamu, ialah pemimpin di kalangan kamu itu termasuk yang bukan Islam'. Ini kita faham secara masyarakat Hadhari Malaysia sebuah negara Islam yang berdaulat dan merdeka mempunyai Raja, mempunyai Agong dan Berperlembagaan.

Maka inilah saya tegaskan bahawa ketaatan kita tidak boleh berbelah bahagi. Dalam Hadis disebut,.....

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Tadi Yang Berhormat kata, dia tidak bagi jalan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya belum bagi lulus, sebab hendak panas enjin sedikit.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Ini bagus ini, kalau bagi saya.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Bolehlah, pasal Datuk Mohamed, tidak boleh hendak buat apa.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Terima kasih Dato'. Maknanya agama kita macam al-Quran yang dibaca tadi menyuruh kita taat kepada pemimpin. Jadi orang PAS yang maki hamun Perdana Menteri macam mana hukumnya? Maknanya tidak taat kepada pemimpin, maknanya tidak taat kepada agama. Jadi apa ulasan Yang Berhormat?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih, saya rasa PAS yang dulu-dulu. Sekarang tidak ada dah. Hak baru, hak la ini - comel. Hak la ini, Rantau Panjang, Pasir Mas, Pengekalan Chepa, saya bilanglah Baling, bukan Baling... Pendang, baik belaka hanya dia komen benda yang baik sebab itu saya hendak stresskan apabila Yang Berhormat Datuk Mohamed sebutkan tadi, saya hendak baca Hadis, hak dia cakap tadi. *[Membaca sepotong Hadis]* Soal taat, patut, wajib, tidak boleh sesiapa pertikai suka tidak suka, dia tidak suka kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sekarang ini Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, dia tidak suka katakan, tetapi wajib taat, walaupun dia duduk di luar negara hari ini. Tun Dr. Mahathir dia tidak suka, wajib taat, Tengku dia tidak suka, wajib taat, Tun Razak, wajib taat, kemudian Tun Hussein Onn kita tidak suka, wajib taat pada masa itu kerana kepimpinan dia adalah disebut, wajib kita taat, suka atau tidak suka kecuali dia mengarah, ada kecuali *except* dia mengarahkan kita buat maksiat, hari-hari dia suruh kita buat maksiat. Itu tidak wajib.

[Bercakap dalam Bahasa Arab] Tidak boleh taat kepada pemimpin yang mengarahkan kita buat maksiat. Cukup setakat itu. Saya hendak jelaskan Hadhari tadi supaya kita tidak keliru. Maka apabila kita hendak mengembalikan masyarakat Islam, zaman ini zaman era global ini mempunyai gagasan. Bukan kita cakap Hadhari begitu sahaja. Adalah gagasan yang pertama hendak supaya umat kita semua kaum berilmu,

bukan sahaja berilmu bijaksana, '*Sidiq, Amanah, Tabliq, Fatonah*' - bijaksana. Kalau sekadar ada ilmu hari ini kita duduk bercakap, kita bersyukur Nur Amalina di Johor tetapi ibu bapanya Kelantan juga mendapat 17 A 1. Tepuk tangan sikit.

[*Tepuk*]

Nur Amalina berjaya, tetapi bagi kita kejayaan itu belum kita sampai bijaksana. Kita hendak ke tahap bijaksana kerana dalam pendidikan ilmu ini ialah *knowledge*. Tetapi pendidikan berbeza. Implikasi daripada ilmu pendidikan itulah bagaimana kita hendak membina fizikal kita dengan baik, bagaimana hendak jaga sosial stabiliti kita dengan baik, bagaimana hendak menjaga intelektual kita dengan baik, yang akhir sekali bagaimana kita hendak jaga akhlak moral muda mudi dengan baik. Kalau ada ilmu, ada pendidikan, kita tidak duduk bincang dalam Dewan ini. Saya rasa boleh save duit kita RM50 juta tahun ini, kita boleh buat jalan, licinkan jalan-jalan di kawasan Pasir Puteh yang masih berlubang 14 tahun itu. Yang Berhormat Rantau Panjang,

PAS bukan tiada nafsu hendak buat jalan, kerana dia kurang duit. Dia ada nafsu hendak buat, macam kita juga. Dia kreatif juga bab-bab merancang ini, tetapi dia cerita dengan saya tidak ada duit. Maknanya *you have knowledge*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *you have money, you have knowledge, you have power, you have money*. Ada ilmu, ada *power* boleh jadi Yang Berhormat, ada kuasa, ada duit. Tetapi kena jadi BNlah. Kalau jadi PAS selama-lama minta maaf Datuk yang duduk depan abang saya, saya tidak derhaka dekat dia, dia belum masuk PAS pun saya berkawan rapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh bangun.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang Berhormat Ketereh kena bagilah.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya diam seharian hari ini sebenarnya saya tidak sihat, tetapi apabila kita membincangkan soal Islam, saya terpanggil untuk bercakap sedikit pada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. *The great promise of Islam to the world*. Janji besar Islam kepada dunia ialah memberi keamanan [*Membaca sepotong ayat suci al-Quran*] 'Tidak aku utuskan kamu wahai Muhammad kecuali untuk memberi rahmat kepada seluruh alam dan dunia sejak lahirnya Muhammad menunggu janji besar Islam ini'. Ianya telah datang pada satu ketika, tetapi sekarang ini ianya hilang. Maka persoalannya, kita

sekarang ini adalah Presiden Negara OIC, pemimpin kepada dunia Islam dan dunia sedang menunggu janji indah ini. Janji manis, janji yang mengatakan bahawasanya Islam akan membawa keamanan, kerahmatan kepada seluruh alam.

Tetapi orang Islam bertelagah sesama sendiri, tidak usah di dunia lain, di sini pun. Kita bertelagah kadang-kadang kita cerca-mencerca sesama sendiri. Maka saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, untuk melaksanakan janji Islam ini, mulai daripada hari ini bolehkah saya perkatakan bahawa 'Marilah kita bersatu di atas satu panji-panji untuk memberikan kerahmatan kepada dunia ini demi untuk mencari keamanan di dunia dan akhirat'. Terima kasih.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau hendak mengimplemenkan [*bercakap dalam bahasa Arab*] . ertinya, kita kena buka hijab. Dinding yang tertutup yang boleh membawa kepada keretakan perpaduan kita, kesejahteraan kita, keamanan kita. [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Ertinya Islam terdinding dengan watak-watak umat Islam itu sendiri. Ada yang berfikiran.....sebahagian kecil, ada yang berfikiran Islam Suffiah... yang golongan kecil juga Sufi, ada yang siasiah .yang politik kepartian kecil-kecil, tetapi kita bawa Islam Hadhari ini ialah masyarakat yang luas mencangkupi bukan sahaja boleh bawa kapal terbang, tetapi kita boleh *repair* kapal terbang, kita boleh buat kapal terbang. Hari ini *accessories* kapal terbang *Boeing* dia buat di Melaka. Kita bangga Malaysia sudah buat *accessories* kapal terbang. Betul tidak? *Correct me right or wrong*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita boleh buat *accessories*, kita boleh buat kapal terbang itulah dia masyarakat Islam Hadhari. Ertinya mengembalikan tamadun hadarah Islamiah zaman ulama dahulu, zaman aulia dahulu Khulafa Ar-Rasyidin, Umayyah, Abbasiah sehingga hari ini kita mengembalikan tamadun itu, kita boleh buat peluru sendiri.

Kita boleh buat kapal terbang perang sendiri, boleh buat roket penakis sendiri daripada musuh-musuh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Sudah ada.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Roket sudah ada sini, tetapi roket ini tembak pun tidak jalan, sudah rosak. Jadi roket-roket ini saya rasa patutlah mai duduk

BN nanti kita *repair* balik. Tadi seorang dari Sandakan hendak masuk balik. Minta maaflah saya bergurau.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, walaupun idea saya ini banyak hendak dicakap kerana Ketereh sudah bangun tadi, Tok Mat sudah beri idea tadi, jadi bertambah lagi idea saya.

Saya mengajaklah, kita mesti mentaati kepimpinan, kita boleh komen kerana [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] saya sudah sebut semalam yang mana Yang Berhormat Tuan Haji Ismail Noh sudah setuju setiap ikhtilah itu rahmat tetapi tabarak kita tidak mahu. Hari in kita tengok *Twin Tower*, *KL Tower*, KLIA, kita boleh tengok Putrajaya, kita boleh tengok Planetarium, Dato' Dr. Mazlan, kita boleh tengok semua ini adalah hasil daripada cantuman daripada keilmuan kita. Kita boleh buat Bank Islam, Takaful, Ar-Rahnu, Universiti Islam, ini semua adalah *academician* agama, *academician* daripada *academic pure* yang aliran akademik duduk bersama, boleh buat hari ini Bank Islam cukup bangga, Tabung Haji cukup bangga.

Siapa memulakan Tabung Haji Fikrah? Bukan orang agama iaitu Profesor Diraja Ungku Aziz. Kita *salute* dia, tabik dia, seorang pemikir akademik boleh wujudkan Tabung Haji. Hari ini kita hendak tadbir Tabung Haji pun dok bertingkah sesama sendiri. Hah itu dia. Saya minta dibersihkan Tuan Yang di-Pertua. Ada semak-samun dalam Tabung Haji, bersihkan. Bagi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat BN tolong menerajui kalau ada tempat-tempat yang boleh diberikan tidak berbau politik. Kalau berbau politik, apa salahnya kerana Islam Hadhari, boleh kita beri. Jangan tidak hendak beri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional. Ini bagi saya.

Saya berterima kasih kepada Brig. Jen. saya, Yang Berhormat Parit Buntar. Dahulu dia menerajui sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dia bersihkan semak-samun, banyak semak-samun dia bersihkan kerana kita tidak tahu apa sebabnya ini adalah barangkali kita tidak berpegang kepada etika kerja kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyarankan supaya kita ikutlah apa yang kita hendak capai menurut kejayaan. Habis yang ini saya akan berhenti, Tuan Yang di-Pertua.

Lima strategi untuk tingkatkan perkhidmatan kepada negara kita. Kalau kita hendak bukan sahaja berjaya tetapi cemerlang.

- (i) minda dan sikap mengejar kecemerlangan. Kita jangan setakat hendak buat kerja buka fail, tutup fail termasuk saya di JAKIM dahulu, samalah;
- (ii) etika yang luhur;
- (iii) membangun tenaga manusia yang berpengetahuan mahir. Inilah yang kita hendak.
- (iv) budaya kerja yang berasaskan pencapaian yang baik, prestasi yang baik, yang bermutu. Bukan sahaja baik, kalau halal bukan saya halal, halal haq, halal toiyibah. Tetapi sebenarnya halal pun sudah cukup. Toiyibah sudah dalam itu, al-haq sudah dalam itu tetapi hendak tambah bunyi bagi sedap lagi, tidak apalah Setiausaha Parlimen ada di sini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada di sini tolong tengoklah. Kalau bunyi halal haq ke, halal apa pun tidak apa tetapi maksudnya halal kerana dibincangkan dan disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah ucapan, kita hendak jadikan destinasi kita Malaysia adalah halal dunia, produk halal dunia.

Maka mesti kita menyediakan kapasiti yang cukup. Kita hendak kapasiti yang cukup, mengandungi *manpower* yang cukup, kewangan yang cukup, alat yang cukup. Dalam negara canggih kita buat macam itu. Jangan kita hendak cari dua atau tiga atau enam orang penguat kuasa, *not enough*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita ini perlu kepada perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi.

Maka JPA tidak susah. Zaman saya, saya minta 100 ke 200 pegawai JAKIM pun dia bagi. Mungkin tidak kena cara minta sahaja. Kalau kena cara minta, dia dapat. Kita jangan berkelahi dengan dia. Kalau lagi berkelahi, dia tutup pintu. Kertas kerja kita dia letak dalam laci 10 bulan, hendak buat apa. Kita mesti baik.

Saya semalam pergi ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), saya sendiri turun. "Insya-Allah, Yang Berhormat, akan serta-merta jalan Yang Berhormat lepas keluar waran": Kan sedap bunyinya. Kita pergi ke pejabat Yang Berhormat Dato'

Seri Samy Vellu, merayu kepada pegawai. “Tidak akan hilang ular menyusur akar”, betul tidak?

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat di rantau kita ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa kali akhir Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ini *last* sekali. *Last* hendak *landing*. Kita kena ingat bahawa Indonesia, rakan kita, jiran kita, pergantungan kita, sahabat kita yang paling kuat. Sekarang ini dia sudah ada 230 juta ummah. Dalam dunia ini Islam sudah ada 40% daripada penduduk dunia, 5 bilion. Kita ada 1.2 bilion. Maka Indonesia yang terbesar dalam dunia, 230 juta umat Islam. Cuma kita bergeser sedikit baru-baru ini, budak-budak bukan orang tua, sebab dia minta maaf. Ertinya bukan hakikat daripada pemimpin agungnya, maka kita mesti terimalah maaf itu walaupun kita rasa sakit sedikit, orang komen kita, kita terimalah kerana kita hendak supaya kita berbaik sangka dengan 230 juta ini adalah harapan kita menjadi satu benteng.

Berbalik kepada agama Islam Hadhari, Syed Arsyad Al-Banjari lahir di Banjarmasin telah mengarang kitab *Sabilulmuhtadin* di mana kita duduk baca sampai hari ini kitabnya. Alim-alim ulama di sana banyak, maka dengan sebab itulah bagi saya kita berbaik sangka, kita *create job*, *create* kawan, kurangkan musuh, ini bagi dasar saya adalah kita hendak. Dalam menjalankan undang-undang Islam sama juga. Kita hendak supaya mendidik dan mencegah lebih aul daripada kita menghukum daripada kita mengambil tindakan kerana kita tahu kalau kita ada ilmu kita dapat beza mana baik mana yang tidak baik.

Maka saya rasa amat bertuah pada hari ini kerana saya pada malam ini malam Jumaat, isteri duduk di Kelantan, dia balik mari saya balik ke Kelantan, tidak bertemu malam ini, jadi saya rasa saya bertuah, saya rasa sihat kerana saya dapat melepaskan kata-kata dan ucapan saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang Berhormat bagi Seputeh kena bagi, singkat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa tidak ada, Yang Berhormat. Kalau hendak bagi, masa Yang Berhormat sudah tidak ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pasir Puteh. Tadi Pasir Puteh membentangkan ucapan yang begitu menarik tentang Islam Hadhari. Ini bermaksud pelaksanaan keadilan dalam negara kita. Adakah ini juga bermaksud bahawa undang-undang yang tidak adil dan yang tidak diskriminasi terhadap parti pembangkang seperti peruntukan RM500 ribu untuk pembangunan kawasan Parlimen itu tidak diberi kepada Ahli Parlimen Parti Pembangkang itu juga haruslah dibetulkan mengikut prinsip Islam Hadhari.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya, terima kasih. Yang ini kita serahkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan PM untuk membuat keputusan. Saya sendiri tidak ada halangan. Kita serah kepada PM. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Seputeh.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, tabung negara terus meningkat tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah tiga kali akhir.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tabung negara terus meningkat tinggi sebanyak 34.3% daripada keseluruhannya KDNK pada tahun ini, 2005. Kita jangkakan dalam peruntukan RM117 bilion peruntukan 2005 ini dan hasil kita jangka kita perolehi, RM99 bilion, maka 3.8% sahaja deposit akaun keseluruhan negara kita, kita rasa bertuah walaupun saya tidak tahu bab ekonomi tetapi saya baca sedikit dan saya dengar abang-abang saya bercakap di Dewan ini selama tujuh bulan ini saya rasa tertarik dan terpanggil untuk menyeru jentera kerajaan, sokonglah apa dasar yang dibuat dalam Parlimen ini.

Jentera kita ialah perkhidmatan awam. Ketua yang terbesar ialah KSN. Kita tidak boleh lawan dia, dia bertaraf Menteri, KSN ini. Jangan kita cabar dia, Dato' Mat, minta maaf. Maka dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong.

5.09 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Di sini saya akan bangkitkan beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Baginda.

Yang pertama saya akan bahaskan mengenai isu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan ini adalah berkaitan dengan tahap pendidikan oleh murid-murid dan juga pelajar-pelajar kita di sekolah-sekolah tertentu.

Intan

Izinkan saya khususkan kepada golongan yang dikatakan tunjang kepada kepimpinan negara pada masa-masa akan datang, iaitu kumpulan remaja berusia daripada 15 atau 14 tahun kepada 18 tahun, iaitu remaja yang berada di peringkat sekolah menengah. Tumpuan saya adalah kepada kumpulan ini kerana bagi saya kumpulan ini terutama di bandar ataupun di pinggiran bandar, kita dapati ada banyak masalah sekarang berlaku terhadap kumpulan ini, masalah di sekolah, disiplin dan sebagainya dan juga masalah pasca SPR ataupun selepas SPM kerana mereka ini seperti satu kumpulan yang tidak diberikan perhatian yang secukupnya, kerana itu banyak masalah berlaku oleh golongan ini terhadap masyarakat kita.

Di sini saya akan berikan satu, dua contoh mengenai kegagalan institusi keluarga dalam menyebabkan masalah-masalah disiplin dan juga keruntuhan moral oleh kumpulan ini semasa di sekolah menengah dan juga selepas sekolah menengah.

Sebagai contoh, baru-baru ini ada seorang pelajar tingkatan tiga, SMK di Damansara, Petaling Jaya menendang Guru Penolong Kanannya yang sedang memberikan kaunseling berhubung dengan kesalahan disiplinnya dan lebih menyedihkan apabila kejadian tersebut berlaku di hadapan mata ibu pelajar tersebut. Di manakah nilai moral anak-anak kita sekarang ini kalau sudah sampai begitu buruk perangnya?

Ini adalah salah satu contoh yang saya bangkitkan kerana dalam desakan tekanan kehidupan terutama di kawasan bandar dan pinggiran bandar, saya dapati sekarang ini ibu bapa ini telah memberi kurang perhatian kepada pembangunan atau proses pembelajaran anak-anak kita di sekolah. Sekarang ada satu kecenderungan

atau satu trend yang berlaku di mana ibu bapa ini telah semacam menggalakkan mereka ini, kalau mereka tidak boleh belajar dengan serius di tingkatan tiga atau empat ini, maka mereka digalakkannya keluar untuk mencari kerja di samping untuk menampung perbelanjaan keluarga.

Ini menjadi satu trend yang sangat serius dan saya harap kementerian berkenaan dapat menjalankan satu kajian ataupun satu perhatian terhadap golongan ini. Selepas itu juga, kumpulan-kumpulan yang selepas SPM, mereka yang mendapat keputusan yang baik dan seterusnya mereka boleh pergi ke tingkatan enam ataupun ke institusi tertentu seperti MARA ataupun matrikulasi dan sebagainya. Tetapi ada golongan yang tercicir, dalam usia 16 tahun, 17 tahun ini tanpa kemahiran, di manakah hala tuju mereka? Inilah kumpulan yang saya bimbang kerana ini akan menimbulkan banyak masalah sosial di kalangan remaja ini.

Sebagai contoh di kawasan saya di Puchong. Di Puchong ada 35 buah sekolah di mana 12 buah adalah sekolah menengah. Saya dapati data pada tahun 2004, kita ada seramai 1,800 pelajar di tingkatan lima dan mengikut unjuran daripada sumber-sumber yang tertentu, di kawasan saya pada tahun 2008, pelajar tingkatan lima ini adalah seramai 4,400 orang. Andaikanlah setengah ataupun 50% daripada mereka ini akan naik ke institusi dan sebagainya, maka ada lebih daripada 2,000 pelajar yang akan meninggalkan sekolah tanpa sebarang kemahiran, tanpa sebarang pengalaman pekerjaan. Di manakah mereka akan pergi?

Di kawasan saya, saya dapati bahawa kumpulan-kumpulan ini, sebagai contoh, selepas SPM kebanyakan daripada mereka ini menjadi pelumba haram di waktu malam ataupun mereka ini akan memasuki kumpulan gengster tertentu untuk mendapatkan yuran ataupun wang perlindungan (*protecting fees*) dan ada kumpulan yang menjual VCD ataupun sebagai penjaga di *Video Game Center* dan sebagainya. Ini menjadi satu masalah sosial yang serius dalam kalangan ini.

Di sini juga saya akan memberikan sedikit latar belakang mengenai kawasan saya. Saya difahamkan ada banyak kementerian yang menganggap Puchong ini kawasan bandar tetapi di Puchong sahaja terdapat lebih kurang 17 buah kampung tradisi, kampung baru, serta ada dua kampung Orang Asli. Jumlah keluarga yang ada di sini ialah lebih kurang 3,500 keluarga.

Tambahan lagi di kawasan Puchong juga ada banyak kawasan setinggan yang telah di *relocation*, dengan izin, menjadi kawasan-kawasan kos rendah. Di sini memang satu....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Lau Yeng Peng: Okay, sila.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya simpati dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Puchong. Memang pun bukan setakat di Puchong, di mana-mana pun kadang-kadang *drop-out* itu banyak. Mungkin kerana dari segi keluarga yang tidak bertanggungjawab dan sebagainya. Tetapi boleh kita cadangkan kepada kerajaan supaya yang kurang bijak dari segi menggunakan akal fikiran, maknanya dari segi pelajaran mereka, kita adakan latihan-latihan tertentu kepada mereka. Mungkin yang suka naik motor haram itu kita latih mereka cara memperbaiki motosikal, yang perempuannya mungkin kita adakan kelas-kelas jahitan dan sebagainya ataupun menjadi tukang masak (*Chef*) dan sebagainya kerana di Kuala Lumpur banyak hotel-hotel. Jadi, mereka ini tidak bijak dari segi akal, menggunakan otak itu, bagi gunakan kemahiran.

Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya untuk menyelesaikan masalah ini kerana kadang-kadang mereka masa banyak, kerja tidak ada, jadi, datang fikirkan yang macam-macam. Mungkin dengan adanya mengisi kekosongan masa mereka ini, memberi ajaran-ajaran tenaga mahir dan sebagainya, ini akan dapat menyelesaikan masalah-masalah sosial yang berlaku dalam keadaan negara kita pada masa kini.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai atas cadangan yang begitu bernas dan berkesan. Saya juga bersependapat dengan Yang Berhormat bagi Jerai, kerana kalau golongan *drop-out* ini kalau kita tidak berikan sesuatu latihan dan juga pendedahan kepada pengalaman dalam masyarakat dan sebagainya, maka mereka akan menjadi masalah kepada kita. Bayangkanlah kalau satu tahun ada 2,000 lebih golongan ini dalam sesuatu kawasan Parlimen, saya tidak tahu di kawasan lain, mungkin di kawasan lain ada yang lebih daripada itu, maka ini adalah satu bebanan kepada kerajaan.

Saya memang tertarik dengan cadangan-cadangan bekas pentadbiran di mana setiap kawasan Parlimen kita mesti wujudkan satu kolej komuniti. Itu adalah salah satu daripada caranya ataupun sekolah vokasional, teknik dan sebagainya. Saya rasa Kolej Komuniti di Puchong ini adalah lebih sesuai kerana di Puchong ini selain daripada kawasan kediaman dan kawasan perniagaan, juga terdapat banyak kawasan-kawasan perindustrian dan perkilangan. Kolej Komuniti sebagaimana yang saya katakan tadi mungkin kita boleh mengadakan satu kursus mekanik, kimpalan ataupun jahitan dan sebagainya untuk memberi pendedahan kepada mereka. Apabila mereka belajar di Kolej Komuniti ini, mereka akan dapat satu kemahiran. Apabila mereka keluar daripada kolej ini sekurang-kurangnya mereka mendapat pekerjaan. Dengan ini mereka akan tumpukan perhatian kepada pembangunan, seterusnya terhadap keluarga dan juga ahli-ahli keluarga mereka. Mereka akan menjadi satu golongan yang lebih berguna kepada negara.

Selain daripada itu dengan perbahasan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain bahawa masalah kita kekurangan tenaga kerja, bergantung banyak kepada tenaga kerja asing. Tetapi dengan cara ini kita boleh mengurangkan pergantungan kita kepada tenaga asing ini yang memang banyak memberikan masalah sosial yang serius kepada kita.

Saya juga dapati bahawa bila hendak tambah satu kolej komuniti ataupun sekolah vokasional, saya difahamkan kementerian-kementerian tertentu menyatakan bahawa kawasan bandar ini tidak banyak buat IPTS, IPTA dan sebagainya, dan cawangan itu bersaing dengan IPTS dan IPTA kerana kolej komuniti ini bukan semua pelajar dapat masuk ke IPTA sekarang ini. Harga ataupun kos untuk menyertai IPTS ini tinggi dan golongan ini yang dikatakan *drop out* ini selalunya daripada golongan yang berpendapatan rendah atau yang sederhana rendah. Walaupun mereka sanggup atau ada kelayakan akademik, tetapi kerana kekurangan kewangan ataupun kadang-kadang kekurangan dari segi kelayakan akademik juga akan menyebabkan mereka tidak boleh masuk ke dalam IPTA atau IPTS ini, maka saya cadangkan bahawa kementerian yang tertentu ini mesti melihat cadangan ini. Bukan sahaja berlaku di Puchong, saya anggap di mana ada kawasan Parlimen yang bersesuaian yang ada *drop out* yang tinggi kita mesti memberikan keutamaan ataupun perhatian yang serius oleh kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sabak Bernam bangun.

Tuan Lau Yeng Peng: Ok, sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Puchong. Saya sangat tertarik terhadap isu belia kita yang berisiko tinggi. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Puchong kerana gambaran yang diberikan kepada kita, Yang Berhormat Puchong ini sebenarnya mengetahui dan memahami kumpulan yang berisiko tinggi khususnya kumpulan yang selepas SPM dan mereka tidak ada pekerjaan. Apa pandangan Yang Berhormat, isu ini harus ditangani dengan lebih serius khususnya oleh Kementerian Belia dan Sukan. Maksud saya Kementerian Belia ini harus memastikan ada pangkalan data ada data *base* berkaitan dengan anak-anak muda kita yang begini ramai.

Saya sangat bersetuju dengan pandangan dan cadangan Yang Berhormat supaya mereka ini berada di kolej komuniti, tetapi kita harus ingat berapa ramai sebenarnya yang boleh ditampung oleh kolej komuniti dan atas syarat apa atau kelulusan apa yang melayakkan mereka ke situ. Begitu juga dengan IPTS umpamanya yang ada banyak di kawasan Lembah Kelang tetapi yang lebih penting di situ, ialah saya berpendapat bahawa data *base* itu yang memberitahu kepada kita berapa bilangan sebenarnya anak-anak muda kita sekurang-kurangnya mengikut Parlimen yang mempunyai kelulusan SPM ini yang harus kita berikan perhatian. Dengan adanya data *base* itu maka kita boleh umpamanya memberikan perhatian khusus umpamanya saya ambil contoh di Sabak Bernam dia tidak ada padang untuk mereka berekreasi dan ini menyebabkan mereka merasa tidak puas hati. Jadi oleh kerana itu saya ingin mengulang soalan saya, apakah pandangan Yang Berhormat terhadap Kementerian Belia dan Sukan ini harus menyediakan data *base* yang lengkap berkaitan dengan anak-anak muda kita ini. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Sabak Bernam. Saya memang menyokong penuh cadangan ini kerana kalau kita hendak *tackle* sesuatu *problem*, sesuatu masalah, kita mesti bermula dengan maklumat-maklumat yang tepat.

Saya menyokong penuh dengan cadangan Yang Berhormat dari Sabak Bernam, bahawa kita mesti ada satu pangkalan data mengenai *drop out* dari SPM di setiap kawasan Parlimen kerana ini akan memudahkan kita untuk menolong mereka juga. Kalau apa-apa berlaku pun kita boleh menggunakan maklumat itu untuk memberikan satu cadangan ataupun sesuatu penyelesaian kepada masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan perbincangan saya ini dengan perkara yang berikut, iaitu mengenai bio-diesel yang telah disentuh atau dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat Sekijang. Saya hendak menambah sedikit mengikut titah Yang di-Pertuan Agong pada 21 Mac 2005 yang lalu, bahawa sektor komuniti kita ini merupakan 6% daripada KDNK kita. Mengikut laporan-laporan daripada MPOB atau *Malaysia Palm Oil Board* ini yang bio-diesel ini telah dimulakan, dikaji atau diselidik pada tahun 1982 dan sampai sekarang ini masih tidak boleh dengan izin *dicommercializekan*. Saya hendak tahu mengapa ia masih tidak boleh *dicommercializekan*? Adakah kerana kita tidak mempunyai undang-undang yang spesifik untuk menetapkan bahawa kita boleh mulakan dengan satu cadangan, di mana kita boleh campur diesel yang ada sekarang mungkin dengan 5% bio-diesel yang telah dikeluarkan oleh MPOB ini ke dalam diesel.

Kalau kita membuat satu undang-undang yang spesifik bahawa kita mesti campurkan bio-diesel pada diesel ini.....

Datuk Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Lau Yeng Peng: Ok, sila.

Datuk Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Puchong. Setujukah Yang Berhormat, kita sedang bercakap tentang bio-diesel, tetapi saya tengok dalam buku laporan yang dibuat oleh *Palm Oil Association* apa yang sampai di meja kita tidak ada satu tentang bio-diesel ini dibuat. Jadi yang kita hendak tanya mana pergi ni, mengapa *research* tidak dibuat untuk kita mengeluarkan bio-diesel ini walhal di negara-negara Eropah sudah banyak benda ini. Kita ada *palm oil* yang banyak, ini masih lagi tidak buat. Kita boleh baca dalam buku penyata itu sedih bagi kita, setuju tak dengan saya?

Tuan Lau Yeng Peng: Sebenarnya maklumat ini saya dapat daripada MPOB yang mereka sudah ada bio-diesel ataupun dipanggil *palm olein* ataupun *olein* kelapa sawit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: Ok, sebagai contoh apakah faedah kita jika bio-diesel dicampurkan dengan diesel? Penggunaan diesel di negara kita ini sebanyak lebih kurang 10 juta tan iaitu 45 bilion liter dan 50% ini adalah digunakan di sektor pengangkutan, dan sektor pengangkutan ini ialah faktor utama atau penyebab utama pencemaran alam sekitar. Kalau kita dapat gunakan 5% ataupun 5% *branding* dalam diesel yang ada ini, maka permintaan kelapa sawit kita ini secara langsung sampai kepada 500,000 tan setahun.

Bayangkanlah kita ada stok sebanyak lebih kurang 1 juta stok biasa di Malaysia ini. Ini bermakna selain daripada kita boleh menstabilkan harga kelapa sawit dan ini untuk faedah kepada pekebun-pekebun kita di kampung-kampung atau di luar bandar. Kita juga mengurangkan pengeluaran *sulfur dioxide*, *hidro carbon* dan *carbon dioxide* daripada pencemaran udara. Maka ini telah berlaku di negara Eropah. Sebagai contoh di Eropah, Jerman, Perancis, Itali juga Australia, mereka telah memulakan satu undang-undang di mana bio-diesel ada satu *item* yang penting dalam penggunaan diesel seharian di negara mereka, dan mereka ada satu *target*. Mulai tahun 2005 mereka telah *specified* 0.7% mestilah ada bio-diesel dalam diesel mereka. Dalam tahun 2010 mereka telah mengehadkan atau *target* sekurang-kurangnya 5.75% daripada jumlah *substance* bio-diesel mesti dicampurkan di dalam diesel mereka dan ini telah berlaku.

Di sini saya mencadangkan kepada kementerian yang berkenaan kita mesti mulakan kerana Malaysia ini sebagai sebuah pengeluar kelapa sawit yang utama di dunia. Untuk tahun ini pengeluaran kelapa sawit kita dijangka keluar lebih daripada 14 juta tan untuk Malaysia.

Maka kalau kita boleh menggunakan ini, ini macam satu teladan (*precedent*) kepada negara-negara lain, maka dalam jangka masa panjang ini maka harga kelapa sawit kita juga tidak akan terumbang-ambing di mana pendapatan pekebun kecil kita ini dapat dijamin.

Untuk satu *point* yang akhir sekali mengenai biodiesel ini, selain daripada itu juga, kalau kita boleh membekalkan penggunaan biodiesel ini maka *reserve* untuk petroleum kita pun dapat diperlahankan kerana kalau mengikut satu kajian jabatan daripada Amerika Syarikat iaitu Energy Department of USA 2004, *reserve* kita akan habis dalam masa 16 tahun untuk petroleum dan untuk gas, kita akan habis dalam masa 32 tahun dan kalau tiada penemuan baru yang ada untuk petroleum.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh secara ringkas mengenai semakan tambatan Ringgit kepada US Dolar yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua kita bahawa semakan tambatan Ringgit kepada US Dolar iaitu 1 : 3.80 tidak akan dilakukan jika nilai susut sehingga 20%. Saya hendak tanya, kalau nilai Ringgit susut 20% baru kita menyemak semula semakan ini, ini bermakna, kos import kita juga bertambah kepada 20%. Adakah ini satu cara atau satu strategi yang rasional untuk menambahkan kos kita untuk pengimport-pengimport di negara kita. Saya hendak tahu sedikit apakah strategi seterusnya mengenai tambatan Ringgit kita ini kepada US Dolar ini supaya *competitiveness* ataupun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Lau Yeng Peng: ..ataupun daya saing negara kita ini betul-betul boleh bersaing dengan negara lain. Jangan kita hanya ingat eksport sahaja iaitu bila eksport, memang produk kita secara relatifnya jadi murah, tetapi kita juga ingat pengimport di mana mereka membuat pelaburan seterusnya membangunkan ekonomi negara. Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tenom.

5.33 ptg.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta untuk membahaskan Usul terima kasih ke atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dizahirkan sempena Pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Kesebelas pada 21 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titahnya, Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menzahirkan bahawa pertanian bertaraf kecil tidak akan diketepikan demi menjaga imbalan pendapatan antara penduduk luar bandar dan bandar supaya tidak begitu ketara. Harapan ini adalah selari dengan cita-cita Kerajaan Negeri Sabah dalam menjanakan komitmen yang tersirat dalam hala tuju negeri. Maka sejajar dengan hasrat kerajaan negeri tersebut yang tersurat melalui Dasar Pertanian Ketiga, sektor pertanian akan melalui transformasi daripada kaedah tradisi kepada sektor yang moden, komersial, dinamik dan berdaya saing, mewujudkan pertanian tani, perladangan dan perusahaan yang efisien yang didorong oleh pasaran serta menghasilkan produk yang inovatif.

Ketika ini masih ramai lagi petani ataupun pekebun kecil di luar bandar mengamalkan pertanian sara diri dengan aplikasi mekanikal masih bertakuk pada manual tradisi. Jika ada penggunaan teknologi moden ini, ia adalah model yang usang yang sudah berusia berpuluh-puluh tahun dan tidak optimum. Dengan demikian, maka pulangan yang dizahirkan kepada para petani dan pekebun kecil ini kurang menguntungkan dan dalam banyak keadaan tidak berbaloi dengan jumlah tenaga dan masa kerja yang dicurahkan oleh mereka. Dalam pada itu, berdasarkan sumber-sumber alam setempat, untuk strategi pembasmian kemiskinan di luar bandar seperti di kawasan yang saya wakili, pilihan terbaik dan paling berkesan tidak lain dan tidak bukan iaitu melalui pertanian. Namun, di sebalik kekayaan sumber semula jadi yang ada, apa yang menjadi penghalang kepada peningkatan pendapatan ini selain daripada *access* teknologi baru ialah kekurangannya ilmu dan maklumat terkini yang sampai kepada golongan ini dalam menerokai kepelbagaian pertanian yang berdaya maju.

Justeru itu, ketidakseimbangan peluang untuk mengguna dan menikmati kemudahan tersebut akan menjejaskan usaha kerajaan mengkomersialkan produk sektor pertanian. Keadaan ini berlaku walaupun pada dasarnya Negeri Di Bawah Bayu ini mempunyai potensi bagi menjadi pengeluar produk-produk pertanian sama ada secara mentah mahupun yang bernilai tambah. Apa yang pasti ialah keserasian antara kesuburan tanah dan iklimnya menjadikan Sabah sesuai untuk penanaman pelbagai jenis komoditi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan bahawa melalui agensi-agensi Pusat dan negeri seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang dan lain-lain menjadi agen penggerak ke arah pemodenan sektor ini. Namun terdapat kekangan yang menjadi penghalang pencapaian sasaran dalam usaha ini. Maka itu dengan memperkasakan lagi kuantiti tenaga bimbingan masing-masing, maka usaha penyebaran dan penyampaian ilmu dan maklumat mutakhir kepada para petani ini akan dapat disempurnakan. Persoalannya, sejauh manakah kesediaan pihak kerajaan untuk menampung kos penambahan kakitangan ini dan kesediaan kakitangan sendiri untuk penempatan ke destinasi akar umbi sementelahan dalam keadaan geografi dan taburan penduduk Sabah yang jauh luas.

Di samping keperluan sumber manusia yang cukup, kewujudan agensi ini hanya akan dapat dimanfaatkan secara optimum apabila masalah-masalah seperti kekurangan jentera penggembur tanah dan masalah sistem pengairan yang tidak efisien dapat disediakan sesuai dengan keperluan potensi, kapasiti dan produktiviti. Kita tidak seharusnya mengabaikan penduduk luar bandar dalam tanggungjawab sosioekonomi, apatah lagi statistik kemiskinan menyokong premis bahawa rakyat di kawasan inilah yang wajar diberi tumpuan untuk mempengaruhi darjat keseimbangan.

Oleh itu, *priority* yang betul dan adil adalah dengan perubahan agresif dalam pelaksanaan transformasi pembangunan luar bandar, menyusun kembali struktur desa supaya sesuai dengan cita-cita menjadi sektor pertanian sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara. Memandangkan kebanyakan kawasan pedalaman di negeri Sabah adalah kawasan berbukit bukau, maka penanaman padi bukit adalah lebih praktikal daripada padi sawah. Maka dengan itu, saya ingin memohon Kerajaan Pusat agar dapat memberi keutamaan yang saksama kepada pengusaha padi bukit sebagaimana pertimbangan yang diberikan kepada penanam padi sawah dalam aspek menyalurkan bantuan.

Apa yang ingin saya tekankan ialah agar kegiatan pertanian padi bukit perlu dilihat potensinya sebagai penyumbang kepada petani-petani di kawasan pedalaman dalam meningkatkan sumber pendapatan mereka, apatah lagi usaha mengerjakan padi bukit ini bukanlah satu pengalaman yang baru bagi rakyat di sebelah pedalaman Borneo. Selain daripada penanaman padi bukit, perhatian juga perlu diberikan kepada

pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan komoditi-komoditi yang lain seperti getah, kopi, koko dan kelapa sawit. Sebagai contoh, dalam senario negeri Sabah, Lembaga Industri Getah Sabah adalah agen pelaksana bagi kerajaan negeri untuk membantu pekebun-pekebun kecil getah dalam usaha penanaman semula pokok-pokok getah bagi menggantikan pokok-pokok yang tua dan kurang produktif. Agensi ini telah banyak melaksanakan skim-skim sedemikian melalui program penanaman getah secara berkelompok. Ia adalah efektif dan berbaloi, namun usaha agensi ini terbatas lantaran peruntukan dana yang terhad yang mampu disediakan oleh kerajaan negeri. Walaupun ramai pekebun kecil yang berminat menyertai program tersebut, namun hanya sebilangan kecil sahaja yang dapat ditanggung. Oleh yang demikian, saya berharap agar Kerajaan Pusat dapat membantu kerajaan negeri untuk menyumbangkan peruntukan agar program ini dapat diperluaskan lagi penyertaan dan kesannya kepada peningkatan pendapatan pengusaha pekebun kecil getah.

Pasaran getah antarabangsa telah pulih dan permintaan dunia dijangka terus meningkat serta stabil. Keyakinan ini bahkan terpancar oleh harga-harga saham tersenarai di Bursa Malaysia bagi syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri hiliran getah seperti pengeluaran sarung tangan. Malahan perkembangan aktiviti hiliran industri ini juga telah melihat bagaimana kayu getah mempunyai nilai komersial bagi industri perabot. Daripada susu hinggalah kayunya, getah kini banyak gunanya.

Baru-baru ini sebuah agensi Kerajaan Pusat yang berkaitan dengan aktiviti ini telah membuat kajian dan mendapati daun getah juga mempunyai potensi untuk industri kraf tangan. Ini adalah sesuatu yang sangat positif dalam usaha kita menguruskan biomas dalam mengurangkan pencemaran alam. Apa yang mengujakan ialah seperti juga tanaman kelapa sawit. Semua komponen boleh digunakan untuk dijadikan wang. Yang penting tiada sisa yang membebaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa dengan usaha antara unit-unit dalam Kabinet Persekutuan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani langsung ke Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi hinggalah ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, maka hasrat kerajaan ke arah mengatasi kemelut kemiskinan akan kesampaian.

Jika Pusat Latihan Pertanian Bersepadu telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Putatan untuk dinaikkan taraf, apa salahnya jika saya ingin menarik perhatian Kerajaan Persekutuan mengenai Pusat Penyelidikan Pertanian Lagut Seberang dalam kawasan Tenom. Saya percaya jika Kerajaan Pusat menaik taraf institusi ini, maka saya percaya ianya akan menjadi pusat R&D yang terunggul dan cemerlang. Apatah lagi kedudukannya yang strategik iaitu berdekatan dengan Taman Pertanian Negeri Sabah yang merupakan taman kedua terbesar seumpama di Malaysia. Untuk maksud tersebut, adalah wajar agar statusnya diangkat agar ianya menjadi destinasi para cendekiawan dan pelancong dari dalam dan luar negeri sebagai gedung ilmu serta tempat rujukan dalam sektor pertanian dan *bio-diversity*.

Tuan Yang di-Pertua, dunia kini berada di abad ke-21 dan pembangunan sumber manusia akan terus menjadi strategik utama dengan menjurus kepada ciri-ciri dengan izin, k-Ekonomi iaitu saham penguasaan kekayaan ekonomi yang ditentukan dengan keperkasaan ilmu pengetahuan serta akses pentafsiran dan aplikasi maklumat. Oleh itu, kerajaan memastikan semua rakyat berkongsi kemakmuran negara dan membantu tenaga buruh yang dinamik serta mampu bersaing di persada global.

Sehubungan dengan itu keutamaan akan diberikan kepada pertambahan peluang pendidikan dan latihan yang berkualiti serta pengukuhan asas sumber manusia bagi menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan ini. Dari sudut sasaran, ianya juga bersifat menyeluruh dan merangkum rakyat yang sama ada di metropolitan, bandar satelit, pekan, estet, kampung setinggan, kampung tepi pantai, penempatan di kuala, di tebing dan hulu sungai, di rumah panjang dan desa pedalaman dan juga nun di rabung bukit dan banjaran gunung semuanya diberikan peluang yang sama dan saksama.

Tiada kelompok pun yang selagi kewarganegaraannya ialah negara ini akan terpinggir, terpencil, tercicir dan terasing. Maka bertunggakkan permisif dan rasional ini, maka amatlah penting agar kerajaan mempercepatkan proses merapatkan jurang yang masih lebar antara bandar dan luar bandar apabila kita sampai kepada perkara paling asas dan awal mengenai pendidikan iaitu sekolah.

Setiap kali keputusan peperiksaan terutama peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, maka nampaklah pencapaian akademik yang tidak seimbang itu.

Saya percaya bahawa sesiapa pun di dalam Dewan yang mulia ini tahu akan sebab-musabab ketempangan yang ketara ini. Namun, sebagai membuktikan bahawa kita akan menjadi mata dan telinga kerajaan untuk terus memperjuangkan isu pendidikan untuk rakyat ini, saya sebagai salah seorang yang menjadi wakil rakyat dari kawasan pedalaman bertanggungjawab untuk mengulangi sehinggalah lompang ini betul-betul terkatup ataupun sekurang-kurangnya mencecah kepada tahap ianya tidak lagi ketara.

Salah satu punca yang menyebabkan para pelajar di sekolah luar bandar secara relatifnya ketinggalan dengan rakan-rakan mereka di sekolah bandar ialah kekurangan bahan rujukan tambahan yang mencukupi. Apa yang mereka perolehi di perpustakaan sekolah kalau ada pun perpustakaan di sekolah itu ialah bahan rujukan yang kulit luarnya sudah lama tertanggal. Bukan kerana gigitan tikus, lipas ataupun anai-anai tetapi akibat dek telah berbelas tahun dipegang oleh beratus-ratus tangan. Ada juga berlaku keadaan di mana bahan rujukan yang ada di perpustakaan itu ialah edisi pertama sedangkan pada masa yang sama perpustakaan sekolah-sekolah di bandar menyediakan cetakan edisi kelapan.

Banyak sekolah di kawasan saya hari ini yang keadaannya layak untuk mendapat status daif bukan sebab binatang liar atau ternakan datang menceroboh, bukan juga kerana tangan-tangan gatal anak-anak sekolah dan saya percaya bukan juga akibat tempat guru-guru yang kecewa melepaskan geram, kerana permohonan berpindah ke kawasan bandar telah ditolak. Seperti juga mana-mana bangunan, kerosakan yang kecil kalau dibiarkan begitu sahaja akan melarat menjadi kerosakan yang membawa kesan yang berganda.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Raimi Unggi: Begitulah dengan kes-kes beberapa buah sekolah di kawasan saya yang melibatkan tandas yang tidak boleh diguna, pendawaian lama yang tidak diperiksa atau perlu diganti semula, bilik darjah yang menjadi kawasan tadahan hujan dek bumbung dan atap yang bocor dan bermacam-macam lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Tenom. Tadi Yang Berhormat bagi Tenom bercakap tentang hendak memperkasakan sekolah terutamanya di luar bandar. Bersetuju atau

tidak dengan saya jika guru-guru cemerlang yang telah dilantik oleh Kementerian Pelajaran yang mendapat Jusa C sehinggalah ke Gred DG48 dihantar berkhidmat di luar-luar bandar untuk memastikan pelajaran anak-anak di luar bandar setara dengan yang di bandar kerana kalau mereka cemerlang di bandar saya pasti mereka boleh memberi sumbangan kepada anak-anak di luar bandar.

Jangan apabila mereka mendapat atau dinaikkan gred mereka ditempatkan di sekolah yang sama. Kalau di Sekolah Tun Fatimah, mereka mengajar juga di Sekolah Tun Fatimah kerana mereka tidak memberi sumbangan kepada penduduk di luar bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Raimi Unggi: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat tadi. Saya akui bahawa salah satu daripada sebab keadaan terbiar ini ialah jarak yang jauh daripada pusat pentadbiran daerah walaupun aduan telah berkali-kali diajukan oleh pihak sekolah.

Namun ini bukanlah alasan untuk sekolah itu tidak dijenguk langsung sehingga bertahun-tahun lamanya. Kalau alasan mengatakan tiada peruntukan diterima untuk memperbaikinya, maka sampai sekolah itu ranap pun peruntukan tidak akan sampai kerana pihak yang sepatutnya mengajukan perkara itu ke pengetahuan pembuat keputusan tidak membuat kerja.

Saya membuat rumusan sedemikian melalui tinjauan yang saya lakukan sendiri dengan melawat keadaan sekolah-sekolah terutama di kawasan saya kawasan Tenom, berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Saya menaruh harapan yang tinggi agar akan sampai peruntukan daripada Kementerian Pelajaran ataupun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi sekolah-sekolah yang keadaannya 'ibarat retak menanti belah'.

Menyentuh tentang proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan di kawasan luar bandar, saya berharap ia dapat dikaji semula untuk memudahkan penerimaan murid-murid di kawasan luar bandar.

Kita sedia maklum bahawa persekitaran komunikasi masyarakat luar bandar yang lebih cenderung menggunakan bahasa suku dan juga bahasa Melayu menjadikan pendedahan penggunaan bahasa Inggeris sangat terhad. Walaupun kita memahami niat murni kerajaan di sebalik tujuan penggunaan bahasa Inggeris untuk subjek-subjek Sains

dan Matematik. Namun dalam konteks kondisi di luar bandar ianya tidak begitu praktikal dan memberi kesan yang songsang. Jika dahulu para pelajar berkenaan tercicir dalam satu mata pelajaran sahaja iaitu bahasa Inggeris, dalam proses PNP ini kelemahan mereka menular kepada tiga subjek kritikal.

Ini juga berkait rapat dengan kurangnya guru-guru yang terlatih dalam bahasa Inggeris untuk mengajar subjek-subjek berkenaan. Satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah dengan pihak Kementerian Pelajaran menambahkan kuantiti guru-guru berteraskan bahasa Inggeris di maktab-maktab perguruan dalam tempoh lima tahun ini sebelum proses PNP ini dikuatkuasakan sepenuhnya di sekolah-sekolah di luar bandar.

Satu lagi isu yang sangat relevan dalam usaha penyampaian akademik yang cemerlang di luar bandar ialah keengganan guru-guru untuk dihantar ke kawasan luar bandar, dengan izin, *comfort zone* mereka seperti mana yang telah dilaporkan oleh akhbar tempatan Sabah awal tahun ini, terdapat lebih 600 orang guru di Pantai Barat Sabah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Raimi Unggi: Sekejap lagi, sikit lagi. Dan dalam masa yang sama berlaku defisit di sekolah-sekolah luar bandar dan pendalaman. Daripada maklumat yang saya perolehi, kebanyakan guru-guru yang berasal dari kawasan luar bandar, daripada penempatan mengajar mereka, kebanyakan cenderung untuk memohon perpindahan walaupun hanya baru beberapa bulan ditempatkan di kawasan pendalaman. Ini adalah suatu trend yang tidak sihat dan jika guru-guru berkenaan berfikir secara jujur dan profesional, mereka sebenarnya melanggar janji tersirat sebagai seorang guru, dan lebih buruk lagi ini memberi kedudukan yang tidak adil kepada masyarakat di pendalaman dan luar bandar.

Oleh itu, saya mencadangkan kepada kementerian ini agar mengambil drastik demi mengatasi masalah ini. Salah satu daripadanya ialah tidak dibenarkan bagi mana-mana guru untuk memohon perpindahan dalam tempoh lima tahun perkhidmatan mereka kecuali untuk sebab-sebab yang melibatkan keadaan hidup dan mati sahaja. Sementara itu, bermula daripada sekarang, semua pelatih-pelatih di maktab perguruan perlu membuat Aku Janji bahawa jika mereka tidak menerima arahan penempatan yang

dikeluarkan maka, mereka secara automatik melanggar kontrak dan membayar pampasan kepada kerajaan sambil status perguruan mereka batal dan tidak terpakai. Sikap yang tidak bertanggungjawab sedemikian memerlukan, dengan izin, *political will* atau keazaman politik daripada pihak kementerian, pegawai-pegawai pelajaran di peringkat negeri dan juga daerah.

Tuan Yang di-Pertua, justeru pendidikan di kawasan luar bandar dan pendalaman haruslah terus menjadi perhatian kepada Kementerian Pelajaran. Bagi tujuan tersebut, Kementerian Pelajaran haruslah bersedia mengambil langkah-langkah drastik demi mencapai agenda pendidikan negara seperti yang dikehendaki. Maka, dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

5.52 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang ingin saya bawakan adalah berkaitan dengan perancangan penggunaan dan penyewaan tanah atau pun tapak rizab.

Di dalam Titah Diraja ada menyentuh tentang pertumbuhan tidak seimbang di kalangan wilayah, antara bandar dan luar bandar perlu diatasi. Saya berpendapat salah satu usaha pengimbangan yang boleh dilaksanakan ialah melalui perancangan pembangunan jangka pendek atau jangka panjang yang melibatkan penggunaan tanah dengan baik. Sehubungan ini, penggunaan tanah-tanah lapang, tanah terbiar, tapak rizab untuk sesuatu pembangunan secara berhemah akan membantu memantapkan pertumbuhan ekonomi negara kita, khususnya bagi kawasan-kawasan yang perlu pemangkin ekonomi haruslah diutamakan.

Banyak syarikat pemaju mencari tanah kerajaan di dalam kawasan komersial dan kawasan perumahan membangun dan berharap dapat memperolehi pulangan yang teramat tinggi, *very high return*, dengan izin, dengan bayaran premium atau sewa yang rendah untuk tujuan perniagaan dan kemajuan syarikat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari mencari peluang mengaut keuntungan dari guna tanah dalam jangka masa pendek, syarikat-syarikat berkenaan sepatutnya mempunyai tanggungjawab sosial, iaitu membantu kerajaan dan semua golongan masyarakat untuk memperolehi pembangunan seimbang dari segi pembangunan sumber manusia, pembangunan infrastruktur dan prasarana, pewujudan peluang-peluang pekerjaan, penggalakan perkembangan industri atau perusahaan tertentu di kawasan-kawasan yang kurang membangun.

Dalam pada itu juga, pihak agensi kerajaan yang mempunyai tanah atau tapak rizab untuk disewa atau pindah milik, seperti pegawai pengawal termasuk Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, juga harus mempunyai keprihatinan yang sama semasa mempertimbangkan sama ada tanah atau tapak rizab kerajaan berkenaan disewa atau ditukar syarat kegunaan tanah untuk tujuan lain. Maka, apabila terdapatnya tanah kerajaan atau tapak rizab agensi kerajaan yang belum dibangunkan, yang ingin disewakan atau pindah milik kepada pihak swasta, ia hendaklah berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang saya cadangkan seperti berikut:

- i. penyewaan ke atas tanah kerajaan atau tapak rizab agensi kerajaan itu hendaklah mendatangkan pulangan optimum yang munasabah;
- ii. penggunaan tanah tersebut hendaklah tidak bercanggah dengan maksud asal perancangan struktur, dengan izin, *structural plan* dan/atau rancangan tempatan (*local plan*). Sekiranya tidak ada rancangan tempatan, maka pihak berkuasa tempatan (PBT) hendaklah mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang (*planning approval*) mengikut proviso dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) tanpa mengabaikan hak-hak penduduk tempatan untuk terlibat sama dalam perancangan pembangunan. Ini bersesuaian dengan kehendak *Local Agenda 21* dan mengambil kira impak sosial, impak persekitaran, impak trafik dan kesihatan, seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 21A, Akta 172;

- iii. walaupun kemungkinan penyewaan tanah itu adalah jangka pendek, penggunaan tanah tersebut hendaklah mempunyai potensi untuk merangsang pembangunan tempatan dan menjana pertumbuhan ekonomi tempatan;
- iv. dengan izin, *the immediate needs of the local community*, keperluan segera masyarakat atau komuniti tempatan di mana terletaknya tapak itu hendaklah diberi keutamaan, seperti untuk kegunaan rekreasi, padang, kemudahan infrastruktur, seperti balai polis, klinik kesihatan dan lain-lain. Pada masa ini, tahap kawasan lapang dan rekreasi jauh daripada piawaian perancangan, iaitu tidak mencapai tahap minimum 10 peratus piawaian perancangan kerajaan tempatan;
- v. jika tanah tersebut telah diwartakan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 Akta 56, maka prosedur yang betul harus digunakan untuk pemansuhan warta, dengan izin, *degazette*, iaitu berdasarkan kepada seksyen 64 Kanun Tanah Negara, di mana *public enquiry* perlu diadakan di bawah seksyen 24 Kanun Tanah Negara. Prosedur yang betul diamalkan tidak akan menimbulkan sebarang masalah dan kontroversi seperti, di Hutan Simpan Bukit Cahaya dan Sungai Buluh;
- vi. pemberi milik tanah, dengan izin, *alienation of land* oleh kerajaan negeri harus dilakukan mengikut perancangan yang betul di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong bangun.

Tuan Loh Seng Kok: Okay, silakan.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya sangat simpati terhadap apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya kerana kita ini berjiran, yang mempunyai masalah yang sama. Okay, bolehkah Yang Berhormat, sediakah Yang Berhormat untuk cadangkan kepada kerajaan kerana masalah-masalah rizab ataupun tanah kawasan lapang ataupun kawasan balai polis dan

sebagainya, masalah utamanya ialah proses *gazette*, proses pewartaan itu yang mengambil masa yang lama, di mana ini memberikan satu peluang (*opportunity*) kepada pemaju asal ataupun *local government* ataupun PBT, mereka boleh mengikut sesuka hati untuk mengubah jenis penggunaan tanah tersebut.

Adakah Yang Berhormat bersedia mencadangkan kepada kerajaan sebelum sesuatu CF atau sesuatu *hand over* kepada PBT ataupun mana-mana, pastikan semua kawasan *reserve* itu mesti di gazet secara sah dan seterusnya baru kerajaan ataupun Ketua PBT mengeluarkan atau sebagai contoh memberikan kelulusan seterusnya kepada pemaju-pemaju berkenaan. Setujukah Yang Berhormat? Apakah pandangan Yang Berhormat mengenainya.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya sangat setuju dengan pandangan Yang Berhormat Puchong berkenaan dengan pewartaan tanah lapang ataupun *resort* dan sebagainya. Inilah perbezaan di antara tanah-tanah negara yang hanya menyatakan tentang *the ownership of land* di mana Akta Perancangan Bandar dan Desa mengatakan berkaitan dengan tentang *the use of land*. Maka, sesuatu pemaju itu harus akur kepada peraturan-peraturan atau mengulas undang-undang yang sedia ada dan saya akan pergi lebih mendalam lagi apabila saya menyebut beberapa kes sebagai rujukan sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menemui prinsip-prinsip yang saya sebutkan tadi, maka penggunaan tanah dan tapak itu membawa semua pihak mencapai satu keadaan *win-win situation* dengan izin . Iaitu agensi kerajaan menang kerana tanah yang belum dibangunkan itu mendatangkan hasil kepada rakyat dan juga kerajaan. Penyewa atau pengusaha masih boleh cari keuntungan dan masyarakat tempatan dapat menikmati faedah pembangunan tanah berkaitan. Dengan hujah di atas saya ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap tapak-tapak rizab agensi kerajaan seperti tapak rizab balai polis. Tuan Yang di-Pertua, pihak polis atau PDRM mempunyai banyak tapak rizab balai polis di merata tempat.

Pada pandangan saya bagi kawasan-kawasan yang kritikal dari segi soal keselamatan, dan ketenteraman awam, tapak rizab polis hendaklah dibina prasarana balai polis dan kemudahan polis dengan segera dan bukannya disewa untuk tujuan lain. Contohnya di dalam kawasan perbandaran, dalam kawasan Parlimen Kelana Jaya, yang

mana saya pernah membangkitkan isu ini dalam mesyuarat Parlimen pada 30 September 2004.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebidang tapak rizab balai polis di lot 42567 Bukit Damansara, USJ 8 Subang Jaya. Buat masa kini, hanya terdapat sebuah pondok polis bersebelahan dengan tapak tersebut dengan kekuatan polis seramai 46 orang sahaja. Kawasan pentadbiran pondok polis ini terbahagi kepada 13 sektor dan meliputi Putera Heights, Alam Mega, Putera Bahagian, Taman Industri Subang, sebahagian kawasan Shah Alam, USJ 1 hingga USJ 28, Subang Jaya dan jumlah penduduk adalah melebihi 200,000 orang. Maka nisbah pondok polis kepada penduduk adalah 1 kepada 4,300 lebih.

Tuan Yang di-Pertua, demi keperluan dan kepentingan keselamatan di kawasan berkenaan, saya berharap balai polis atau Ibu Pejabat Polis daerah Subang Jaya IPD Subang Jaya dapat dibina segera di atas tapak rizab balai polis USJ 8 pada tahun 2005 dan tahun 2006 ini mengikut konsep *built / and transfer* (BLT), kalau tidak gunakan sebahagian peruntukan yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri semasa Hari Polis yang mengatakan bahawa akan diberi peruntukan pondok polis sebanyak RM330 juta. Cuma bagi 5% sahaja kepada balai polis ini untuk pembinaan IPD Subang Jaya di USJ 8 dan sebenarnya saya telah juga dalam Mesyuarat Penyediaan Cadangan Projek Peringkat Daerah Petaling untuk Rancangan Malaysia Ke-9 pada 10 Disember 2004.

Saya telah cadangkan agar IPD Subang Jaya dibina di atas tapak rizab balai polis USJ 8 dan saya berharap Dewan ini dapat menerima cadangan saya ini. Ini adalah kerana IPT Subang Jaya ini baru ditubuhkan pada 1 Januari 2005 setelah menyewa bangunan kedai sebagai pejabat sekiranya pembinaan balai polis bagi IPD Subang Jaya secara BLD tidak dapat dilakukan maka projek ini hendaklah diberi keutamaan khas dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah ditemui sekumpulan penduduk tempatan dan memberitahu saya bahawa penduduk tempatan telah pun memulakan kempen mengutip derma untuk dimasukkan ke dalam IPD Subang Jaya di USJ 8 ini. Ini satu sindiran saya rasa. Tetapi saya rasa kalau kerajaan prihatin maka tolonglah peruntukan segera diberikan untuk pembinaan balai polis ini.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan ialah....

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Mengenai IPD ini saya ingat saya kurang bersetuju kalau IPD itu dibina di Subang Jaya kerana di kawasan Kelana Jaya*[Disampuk]* Saya minta maaf Yang Berhormat sebab di IPD Subang Jaya ini ada 8 buah balai polis dan lima buah daripadanya terletak di kawasan Puchong dan kawasan Serdang . Kalau boleh Yang Berhormat mencadangkan kepada Dewan ini bahawa di USJ 8 itu dibina satu balai polis USJ. IPD itu biarlah di kawasan Puchong atau dalam kawasan Serdang Boleh atau tidak Yang Berhormat?.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Memang ini pandangan Yang Berhormat. Tetapi saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa panggil Yang Berhormat beri laluan?

Tuan Loh Seng Kok: Tidak mengapa, saya boleh jelaskan Tuan Yang di-Pertua. Apa yang telah saya cadangkan di dalam mesyuarat Daerah Petaling, saya mempertahankan pendirian saya. Rizab bagi tapak balai itu

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Larut sokong Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok: Tidak mengapa, saya hendak teruskan dahulu. Bagi saya hendak teruskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia hendak sokong awak Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok: Tidak mengapa. Saya teruskan, okey. Pembinaan IPD Subang Jaya di USJ 8 itu adalah satu keperluan. Yang keduanya, namanya memang secocok. IPD Subang Jaya dibina di atas tapak USJ 8 Subang Jaya bukan di Puchong. Nama tidak secocok. Yang ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Yang Berhormat, terima kasih. Saya mengikuti hujah Yang Berhormat Kelana Jaya

berhubung dengan tanah-tanah rizab ini. Yang Berhormat kena faham bahawa tanah rizab ini tertakluk kepada Kanun Tanah Negara. Bererti selain daripada tanah kerajaan negeri ia adalah tanah milik Kerajaan Pusat. Tidak kira diberi kepada poliskah, kepada Kementerian Pertaniankah, Kementerian Pendidikankah, tetapi masalah sekarang ini Yang Berhormat macam mana hendak menyelesaikan masalah sedangkan Yang Berhormat dengan Tuan Lau Yeng Peng pun tidak boleh bersatu [*Disampuk*].

Nanti belum habis, saya hendak tanya Yang Berhormat, saya setuju kalau tanah-tanah rizab ini yang tidak digunakan dapat dimajukan tetapi saya tidak bersetuju kalau untuk disewakan oleh kerana semata-mata untuk tujuan sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi kerana tanah tersebut tidak digunakan oleh PDRM. Masing-masing ada, tetapi mereka menyewa tanah ini saya rasa adalah semata-mata sementara tanah itu hendak dimajukan.

Di Kuala Lumpur ini pun banyak. Saya rasa Yang Berhormat, saya mintalah supaya jangan mengelirukan berkenaan dengan tanah-tanah rizab ini. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat Larut alasan yang ketiga ialah saya maklumkan kepada Yang Berhormat Puchong ialah memang ini tapak rizab balai polis di USJ 8 antara kepentingan Yang Berhormat pun dijaga kerana Yang Berhormat duduk di kawasan USJ 4. Keselamatan Yang Berhormat Puchong dijaga oleh saya. Jangan khuatir.

Tuan Yang di-Pertua ini satu urusan kepada perkara yang kedua ini ialah satu kawasan lapang dan tapak dan rekreasi hendaklah diwartakan. Mengikut Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada 18 Ogos 2003, ketika itu beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri setelah mempengerusikan Mesyuarat Ke-51 *National Council for local government* dengan izin menyatakan keputusan mesyuarat itu bahawa kawasan lapang yang telah pun dikenal pasti sebagai tapak rekreasi dalam skim-skim pemajuan perumahan hendaklah diwartakan dengan izin *to be gazetted* dan dijadikan sebagai kawasan rekreasi seperti tujuan asalnya.

Ingin saya tanya sehingga sekarang berapakah kawasan lapang yang diwartakan? Berapakah kawasan lapang yang belum diwartakan? Dan mengapa belum diwartakan? Apakah masalahnya? Tuan Yang di-Pertua, kami dimaklumkan bahawa banyak tapak yang diperuntukkan sebagai kawasan lapang dalam rancangan asal

pemaju telah ditukar untuk tujuan pembangunan lain. Para pemaju tidak boleh menafikan hak penduduk dari kawasan lapang dan rekreasi yang telah dijanjikan kepada mereka melalui pengedaran dengan izin *original sales brochure* dan *homes buyers map*.

Kerajaan haruslah mengambil tindakan sewajarnya supaya kawasan-kawasan lapang dapat dikekalkan sebagai tapak kemudahan rekreasi. Agensi kerajaan yang bertanggungjawab, misalnya pejabat tanah hendaklah memastikan tidak ada geran tanah berasingan atas kawasan lapang itu dikeluarkan kepada pemaju selepas projek pemajuan siap disempurnakan. Pemaju harus menyerahkan tapak kawasan lapang itu kepada pejabat tanah atau PBT untuk terus diwartakan sebagai tapak rekreasi.

Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa terdapat angkara-angkara dan usaha-usaha tertentu untuk membuat cadangan pembangunan. Ini adalah sungguh tidak adil kepada penduduk tempatan, di mana ketenteraman dan kualiti hidup tidak terjamin. Kalau tidak, berapa kalikah wakil-wakil rakyat atau ahli-ahli sesuatu majlis perbandaran dan PBT dikehendaki bertengkar, berdebat dan menolak permohonan pembangunan.

Sehubungan itu, jangan ambil kesempatan merujuk perkara ini ke tapak yang dinyatakan sebagai taman rekreasi seperti di atas Lot 17394, Mukim Damansara, Daerah Petaling seluas 29.39 hektar yang telah pun diberi nama *Subang Ria Recreational Park* semenjak projek pemajuan Subang Jaya dimulakan pada tahun 1970-an – sudah 30 tahun – hendaklah diambil tindakan oleh agensi kerajaan berkaitan, PBT, pejabat tanah atau pemaju untuk diwartakan segera mengikut Proviso Seksyen 62, Kanun Tanah Negara. Mungkin ini juga harus dilakukan dengan kadar segera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung.

Tuan Loh Seng Kok: Perkara terakhir sekali. Perkara terakhir ialah tentang skop Program Latihan Khidmat Negara, pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Titah Diraja juga menyentuh tentang pentingnya Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) ini akan dapat meningkatkan semangat cintakan negara dan perpaduan di kalangan remaja yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Akan tetapi daripada kira-kira 480,000 remaja sebaya yang layak setiap tahun, hanya 85,00 orang

sahaja yang dipilih untuk mengikuti PLKN. Bagaimana pula dengan kebanyakan remaja sebaya lain yang seumur lebih kurang 400,000 orang. Apakah program untuk mereka yang terpilih?

Menyedari hakikat ini, maka sukacita saya cadangkan bahawa dalam usaha kerajaan mempertingkatkan dan menambah tenaga jurulatih, prasarana dan kemudahan latihan secara berperingkat, memperbaiki dan memperkemaskan modul latihan, skop PLKN hendaklah diperluaskan iaitu remaja lain diberi peluang menyertai latihan mirip pasukan seragam dalam sektor kepolisan dan kejururawatan. Saya yakin penglibatan sektor kepolisan dan kejururawatan juga boleh memberi ruang untuk membimbing dan merangsang remaja ke arah pencapaian matlamat murni PLKN.

Di samping itu saya yakin apabila skop PLKN diperluaskan, bukan sahaja lebih ramai remaja berpeluang menyertai PLKN, mereka juga dapat membuka mata dengan kerjaya kepolisan dan kejururawatan. Ini juga membantu menyelesaikan masalah kekurangan anggota polis dan jururawat dalam negara kita.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong.

6.13 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi kesempatan ini untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyeru para wakil rakyat untuk menjalankan tugas kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh hemah dan amanah demi kepentingan rakyat dan negara. Kami wakil rakyat pembangkang menyahut seruan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan tanggungjawab sebagai dengan izin, *this majestic lawyer opposition*, supaya kami dapat membantu dalam pembangunan negara dan masyarakat dengan memainkan peranan yang tidak serupa dengan pihak pemerintah.

Kami sedar memang banyak cabaran yang perlu negara dan masyarakat kita menangani sebelum Malaysia dapat mencapai status negara maju, dan rakyatnya menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi dan ini pun bukan merupakan akhirnya

perjuangan negara dan masyarakat kita. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertitah bahawa meningkatkan terus agenda membantu kaum bumiputera dan orang Melayu adalah sesuatu yang hakiki kepada kerajaan. Di samping itu kerajaan juga meletakkan premium yang tinggi untuk menegakkan agama Islam dan memperkenalkan pendekatan baru seperti Islam Hadhari untuk membangunkan masyarakat.

Saya melihat premis bumiputera Melayu dan Islam ini akan menjadi unsur hakiki dalam pendekatan untuk mentadbir negara ini dalam mencapai matlamat Wawasan 2020. Ini sememangnya hak yang diberikan kepada parti-parti politik yang diberikan mandat untuk memerintah. Walau bagaimanapun kita tidak ingin melihat pendekatan ini menghakis dan membubarkan perwatakan hakiki negara Malaysia, sama ada dari segi Perlembagaannya, rakyat majmuknya, kebebasan agamanya, kepelbagaian bahasa dan budaya rakyatnya yang kesemua ini mencatitkan sebuah negara yang unik dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, peranan kita sebagai wakil rakyat tidak kira daripada pemerintah mahupun pembangkang bersama ahli masyarakat yang lain, sama ada secara individu ataupun *civil society* adalah untuk memastikan negara kita selalu mengejar pembangunan dan pembaharuan atas satu landasan yang sudah pun digariskan dan apabila kita menyimpang dari landasan ini, kita dapat disedarkan untuk pulang ke pangkuan, semua kerana kebaikan negara dan masyarakat.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, teretusnya kontroversi mengenai inisiatif *civil society* untuk menubuhkan *interfaith commission*, di mana kita melihat ada Menteri yang berkata suruhanjaya ini tidak boleh diwujudkan di negara ini kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan agama Islam sebagai agama rasmi. Tidak ada sesiapa, Tuan Yang di-Pertua, akan mempertikaikan Perlembagaan yang menetapkan Islam sebagai agama rasmi dan selama ini ia tidak pernah dipertikaikan, tetapi kita tidak boleh membiarkan Menteri itu untuk melarang usaha-usaha murni untuk memupuk dan meningkatkan persefahaman antara budaya dan agama di negara ini di dalam lingkungan agama Islam adalah agama rasminya. Pegangan ini bukan sahaja memberi gambaran yang negatif kepada Menteri itu dan kerajaan tetapi pada agama itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu seluruh negara kita ini begitu dipikat oleh berita bahawa sebuah kota purba, Kota Gelanggi ditemui di negeri Johor dekat Kulai saya rasa, yang akan memberi nilai yang amat besar kepada sejarah, budaya, agama, bukan sahaja kepada Malaysia, tetapi juga kepada fahaman, kepada perkembangan sejarah Nusantara. Kita tahu bahawa kota purba yang dikatakan berusia melebihi 1000 tahun ini apabila ditemui akan menghasilkan artifak-artifak yang menandakan jenis masyarakat pada masa itu dan sejarah memberitahu kita ia akan mengandungi unsur-unsur budaya dan agama Hindu dan *Buddhist* yang berpengaruh pada masa itu.

Adakah kerajaan akan mengambil satu pendirian bahawa sejarah dalam tempoh masa pra kemasukan agama Islam dalam negara ini tidak diperlukan kerana sebarang ekspedisi untuk menemui kota purba ini akan dikatakan bercanggah dengan agama Islam sebagai agama rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada menerima rungutan daripada sesetengah pihak pemimpin agama bahawa di Lembah Bujang, Kedah, artifak-artifak yang mempunyai unsur-unsur Hindu dan *Buddhist* semua diambil keluar dan tidak boleh dipamerkan kerana dikatakan bercanggah dengan agama Islam. Akhirnya artifak-artifak ini dipulihkan dan dipamerkan selepas campur tangan pihak atasan di negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kluatir bahawa pegangan yang bercanggah dengan agama Islam ini akan mempengaruhi segala dasar kerajaan yang akan pada akhirnya akan gagal memupuk dan mengekalkan identiti masyarakat Malaysia yang majmuk dalam etnik, agama, budaya dan bahasa.

Saya ingin tahu adakah usaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk mengubah Akta Warisan kelak akan juga terjejas kerana pada akhirnya sememangnya ada bangunan, ada tapak warisan dan benda-benda yang semestinya mempunyai unsur-unsur yang bercanggah dengan agama Islam ditemui? Ia bercanggah dengan agama Islam juga telah banyak mempengaruhi bidang undang-undang berkenaan dengan isu-isu kekeluargaan, isu-isu wanita dan sebagainya yang pernah saya utarakan pada sesi Parlimen tahun 2004.

Saya menjangkakan negara dan masyarakat kita akan terus berhadapan dengan cabaran-cabaran yang melingkungi dasar kerajaan seperti negara Islam, Islam Hadhari, dan pegangan seperti ia bercanggah dengan agama Islam dan sebagainya, dan kita

semua dari pemimpin negara sehingga rakyat biasa terpanggil untuk bersikap sabar, tenang, bertoleransi dan saling faham memahami apabila berhadapan dengan sebarang masalah.

Walaupun kita selalu bangga dengan kepelbagaian dan kemajmukan masyarakat khususnya dengan laungan seperti "*Malaysia Truly Asia*" dan sebagainya, kita masih perlu berhadapan dengan isu-isu seperti SRJK (China) adalah penghalang kepada perpaduan rakyat dan perlu dibubarkan sehinggakan sukatan mata pelajaran Sejarah di sekolah menengah tingkatan tiga dan lima perlu dikemaskinikan untuk memasukkan konsep-konsep seperti ketuanan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, kita dimaklumkan bahawa meningkatkan kaum bumiputera dan orang Melayu adalah sesuatu yang hakiki kepada kerajaan. Kita menuntut dasar-dasar yang digubal di bawah konsep ini akan dapat membantu orang-orang yang amat memerlukan bantuan di samping memastikan negara dan ekonomi kita dapat terus diuruskan dengan sebaik-baiknya dalam zaman globalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, kita suka melihat pelbagai inisiatif yang diambil oleh pentadbiran Perdana Menteri untuk menjayakan jenama Malaysia termasuk menyediakan kod tadbir korporat Malaysia. Perdana Menteri mahu kita memberitahu dunia perkara-perkara yang positif tentang Malaysia. Ini memang bagus kalau kita dapat memastikan sektor korporat kita dapat mematuhi kod tadbir korporat yang baik.

Saya ingin membangkitkan satu kes di mana sektor korporat didapati beroperasi dengan cara yang menyebabkan para pelabur menanggung kerugian bernilai beratus-ratus juta. Saya merujuk kepada satu projek di Padang Meha, Kulim, Kedah yang dimajukan oleh MBF Country Home and Resort Sdn. Bhd. di mana pada tahun 1996, projek yang dikatakan akan menelan kos RM3 bilion dekat Kulim Hi-Tech Park didapati sekarang terbengkalai.

Pelabur-pelabur kecil yang telah memberi lot-lot banglo tidak dapat mendirikan banglo di atas tapak kerana geran lot tanah tidak dapat dipindah milikan. Syarikat ini sudah bertukar nama kepada Alamanda Development Sdn. Bhd. Para pembeli nampaknya tidak dapat menerima sebarang maklumat mengenai projek daripada pemaju ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru pihak kerajaan dapat membantu orang-orang yang terlibat dalam projek ini selari dengan strategi pentadbiran tanah untuk memastikan kejadian seperti projek Padang Meha Parkland di Kulim, Kedah ini dapat dielakkan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merujuk kepada masalah yang dihadapi oleh pengusaha dan penghantar *freight* di negara ini berhubung dengan pelaksanaan *Fuel Adjustment Factor* (FAF). Saya dimaklumkan bahawa Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) tidak membenarkan pelaksanaan *Fuel Adjustment Factor* oleh *Containers Holiars Association of Malaysia* dan juga *Association of Malaysian Holiars*. Akan tetapi kedua-dua persatuan ini sudah pun melaksanakan FAF tanpa menghiraukan arahan LPKP. Saya berharap LPKP dan kementerian akan mengambil berat tentang perkara ini dan membuat arahan dan memastikan supaya arahan ini dapat dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menimbulkan masalah berkenaan dengan pembangunan sumber manusia yang berilmu, berpendidikan tinggi, terlatih dan berbudi pekerti mulia yang merupakan asas kepada kemajuan dan keutuhan negara.

[Kesemua lampu pada pembesar suara di dalam Dewan menyala berkelip-kelip beberapa saat]

Saya memohon kerjasama Tuan Yang di-Pertua untuk menyiasat gejala yang aneh di dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya akan siasat.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih. Kerajaan telah melaporkan segala sumber untuk mewujudkan sistem pelajaran yang bertaraf dunia, akan tetapi kita masih tidak dapat menangani masalah pengangguran di kalangan rakyat yang berkelulusan ijazah dari institusi-institusi pendidikan tinggi.

Hari ini seramai ... mula-mula dikatakan 80,000 tetapi telah diubahsuaikan untuk menjadi 18,000 siswazah kita mendapati mereka tidak dapat diubahkan kerana kekurangan-kekurangan pada diri mereka sungguhpun sudah menuntut ilmu di Menara Gading.

Kerajaan pada hari ini memang sibuk untuk mencari peluang pekerjaan serta meneruskan skim latihan untuk menempatkan siswazah-siswazah yang masih menganggur. Saya berdoa agar semua siswazah dan graduan ini dapat ditempatkan dan mereka dapat menggunakan kerjaya mereka untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi saya terkejut baru-baru ini apabila membaca satu iklan yang dikeluarkan oleh Syarikat Perbekalan Air Selangor Sdn. Bhd. pada 26 Mac baru-baru ini yang menawarkan kerja-kerja kepada siswazah yang mempunyai kelulusan ijazah ataupun diploma di bawah program penswastaan perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Syarikat ini dalam iklan tersebut menawarkan 50 kekosongan pembaca meter dan 14 kekosongan kerani am dan menggalakkan siswazah-siswazah baru untuk memohon. Saya tidak berniat untuk menghina pekerjaan seperti pembaca meter ataupun kerani am yang biasanya boleh disandang oleh pekerja yang mempunyai kelulusan SPM. Apa yang saya ingin cetuskan ke dalam pemikiran kita pada hari ini ialah apakah siswazah yang mempunyai ijazah ataupun diploma cuma layak dan sesuai ditawarkan kerja sebagai pembaca meter ataupun kerani am ataupun ini merupakan satu *paradigm shift* kepada satu zaman di mana kita mungkin melihat lebih ramai siswazah menceburi diri dalam pekerjaan seperti pemandu bas, pelayan kedai makanan, nelayan, pekebun, petani ataupun pembantu rumah.

Saya rasa kita belum sampai ke satu senario di mana siswazah kita cuma layak menjadi pembaca meter atau kerani am. Kita perlu mendekati masalah ini dengan mengatasi kelemahan dalam sistem melatih sumber manusia di institusi pendidikan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyambut baik pengumuman oleh Lembaga Tabung Amanah Tentera (LTAT) untuk memberi dividen sebanyak 15.75% yang berjumlah kira-kira RM400 juta ringgit pada tahun 2004 berbanding dengan dividen 10% tahun 2003.

Pencapaian seperti ini memang membawa faedah kepada rakyat. Ini amat berbeza dengan apa yang ditawarkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang hanya dapat mengisytiharkan dividen sebanyak 4.75% sahaja bagi tahun 2004, walaupun pertumbuhan ekonomi dalam tempoh ini adalah pada kadar 7%. LTAT dapat

mencapai prestasi yang agak baik kerana dikatakan ada strategi-strategi pelaburan yang berhemah dan perbelanjaan yang terkawal.

Apakah KWSP telah gagal membuat sedemikian? Mengapa KWSP tidak dapat mencapai prestasi yang sama baik apabila ia juga diperuntukkan saham-saham *blue-chip* dan juga peluang pelaburan yang bagus. Salah satu sebab KWSP dapat pulangan yang rendah adalah kerana penglibatan KWSP dalam projek-projek yang boleh dipersoalkan dan pinjaman-pinjaman lapuk yang dikeluarkan oleh anak syarikatnya iaitu *Malaysia Building Society Berhad. None Performing Loans, MBSB* telah mencapai jumlah 4.45 bilion pada tahun 2002 dan 4.33 bilion pada tahun 2003. Para pekerja Malaysia tidak dapat menerima bayaran dividen yang begitu rendah. Pihak kerajaan harus serius untuk merombak semula Lembaga KWSP dan juga Panel Pelaburannya supaya dapat mengurus dana dengan secekapnya dan memberi pulangan yang terbaik kepada para pencarum.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang penyakit selesema burung (*bird flue*). Adakah dan sejauh manakah Malaysia bersedia menghadapi satu krisis yang mungkin tercetus jika *syringe* H5N1 selesema burung dapat disebarkan dari manusia kepada manusia yang lain. Pertubuhan kesihatan sedunia WHO telah memberi amaran bahawa sehingga 100 juta nyawa manusia boleh hilang jika *pandemic* selesema burung tercetus.

Kita lihat ada sesetengah negara Barat telah mula *stop par anti virul drug* sebagai persiapan menghadapi kemungkinan ini. Adakah Kementerian Kesihatan Malaysia telah membuat persiapan awal ini memandangkan kita berada lebih dekat dengan negara Vietnam dan Thailand, di mana penyakit selesema burung ini masih belum dapat dikawal sepenuhnya.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menimbulkan sedikit masalah yang dihadapi oleh sekumpulan ibu tunggal di Pulau Pinang, di mana sekumpulan ibu tunggal ingin menubuhkan satu pusat kebajikan ibu tunggal yang dinamakan Pertubuhan Wanita Pulau Pinang yang masih menunggu untuk didaftarkan. Pada akhir tahun lepas pertubuhan ini dengan kerjasama PUTERI sebuah bahagian di bawah Bahagian Jelutong telah menganjurkan satu majlis makan malam untuk mendapatkan dana dan tabung untuk menguruskan pertubuhan ibu tunggal ini dan untuk memberi sedikit

sebanyak bantuan kepada ibu tunggal di negeri Pulau Pinang. Tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua selepas majlis jamuan makan malam ini diadakan yang berjaya untuk mengutip derma sebanyak RM12,000 telah tercetus masalah di dalam PUTERI Bahagian Jelutong dan penganjur majlis jamuan makan malam ini, yang sehingga kini wang yang dikutip untuk kebajikan ibu tunggal melalui persatuan ini tidak dapat disalurkan untuk membantu ibu-ibu tunggal yang berkenaan. Mereka telah mengadukan hal ini kepada pihak atasan PUTERI sehingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan sikap yang tidak bertanggungjawab sesetengah Ahli Jawatankuasa PUTERI di bawah Bahagian Jelutong yang tidak dapat mengeluarkan wang yang berjaya dikutip melalui acara itu. Jadi saya berharap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat memberi perhatian kepada kes ini dan mengambil segala usaha supaya memastikan ibu-ibu tunggal yang menjadi mangsa dalam kes ini dapat dibela dan dapat menuntut hak mereka.

Dengan ini saya mengucapkan terima kasih. Sekian.

6.35 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya ingin membahaskan mengenai penambahbaikan mutu perkhidmatan di Jabatan Agama Islam termasuk juga JAKIM. Konsep Islam Hadhari ini nampaknya telah diterima oleh umat Islam dan rakyat di dalam negara kita, bahawa ia bukanlah merupakan satu ajaran atau agama yang baru. Baru-baru ini di dalam memberikan penjelasan konsep Islam Hadhari ini kita telah digemparkan dengan isu-isu mengenai makanan label Halal.

JAKIM telah menyatakan bahawa tidak cukup penguat kuasa, tidak cukup untuk memantau hanya seramai 6 orang sahaja pegawai yang bertindak boleh memantau bagi label makanan halal. Keadaan yang sama juga terjadi di bawah Jabatan Agama Islam di negeri-negeri di mana pegawai pencegah maksiat, pegawai undang-undang dan kakitangan di Jabatan Agama Islam juga tidak mencukupi. Oleh itu saya memohon di dalam kita menjelaskan konsep Islam Hadhari ini Jabatan-jabatan Agama Islam dan JAKIM termasuk juga Jabatan Agama Islam di daerah-daerah, Mahkamah-mahkamah

Syariah mestilah ditambah peruntukan. Ditambahkan kakitangan, dipertingkatkan penguatkuasaan, mutu perkhidmatan mestilah dipertingkatkan, undang-undang di negeri-negeri mestilah diseragamkan serta kemudahan-kemudahan peralatan setanding dengan jabatan-jabatan kerajaan yang lain.

Contoh yang paling mudah boleh saya ambil seperti di mana jika kita kehilangan kad pengenalan kita boleh tukar kad pengenalan baru, kita boleh menukarkan kepada *MyKad* dan anak kita yang baru lahir pun boleh kita mohon untuk satu kad *Mykid*, tetapi di bawah Pejabat Agama Islam ini apabila kita hilang sijil nikah atau hilang sijil kahwin apa jawapan yang telah diberikan? “Kalau hendak sijil yang baru Yang Berhormat kena kahwin baru”. Ini adalah satu sikap dan satu keadaan yang memalukan di dalam negara kita ini.

Perkara yang kedua ialah mengenai PERKIM, walaupun negara kita mengamalkan kebebasan beragama namun begitu terdapat saudara-saudara baru kita yang memeluk agama Islam. Soalnya adakah kebajikan dan pendedahan agama Islam diberikan kepada saudara baru kita ini? Sekarang ini kita sudah tidak nampak peranan PERKIM. Ke mana PERKIM menghilang? Oleh itu saya menggesa agar PERKIM ini diberikan nafas baru sama ada dari segi peruntukan dan kemudahan lain agar PERKIM di daerah-daerah ini dapat digerakkan semula supaya ajaran dan fahaman agama Islam mestilah diajar kepada saudara baru kita.

Ada satu cerita di mana orang Asli yang memeluk agama Islam, tetapi dia merasakan bahawa tidak ada perbezaannya memeluk agama Islam. Paling senang dia bertanya kenapakah orang Islam tidak makan kera dan monyet yang makan daun dan buah-buahan, tetapi orang Islam hendak makan ayam sedangkan ayam itu makan najis atau tahi manusia seperti ayam-ayam yang berada di kampung. Contoh hukum-hukum yang begitu mudah perlu diperjelaskan, diterangkan dan diberikan pendidikan kepada saudara-saudara baru kita ini.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Pertama, saya rasa istilah bagi ‘saudara baru’ sekarang ini telah

kita tukarkan kepada 'saudara kita'. Saya tidak tahu sama ada istilah ini telah diterima pakai oleh JAKIM ataupun PERKIM, ia saya rasa lebih sesuai.

Yang keduanya berkaitan dengan Mahkamah Syariah yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi, sama ada Yang Berhormat bersetuju kalau selama ini kita mendengar masalah dalam konteks kerajaan-kerajaan negeri untuk menerima pakai atau menyeragamkan perundangan sebab masalah penerimaan oleh peringkat kerajaan negeri. Jadi kalau kita tengok dalam proses Mahkamah Sivil kita ada apa yang dikatakan Mahkamah Rayuan Persekutuan. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau sekurang-kurangnya kita mewujudkan Mahkamah Rayuan Syariah Persekutuan, di mana ini akan menjadi detik permulaan bagi penyeragaman mahkamah atau undang-undang syariah di Malaysia ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Tentang istilah sama ada 'saudara baru' atau 'saudara kita' ini, saya percaya bahawa Setiausaha Parlimen yang berada di dalam Dewan ini akan menjawab dan kepada keseragaman terhadap undang-undang Mahkamah Syariah di dalam negara kita perlu kita segerakan, dan saya percaya jika ada Mahkamah Rayuan Syariah bahawa akibat daripada penyeragaman undang-undang syariah di negeri-negeri bahawa Mahkamah Rayuan Syariah Persekutuan itu akan dapat kita wujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga mengenai ajaran sesat. Setelah 26 tahun kita mengharamkan kegiatan Al-Arqam dan baru-baru ini, Ustaz Ashaari telah dibebaskan dan ramai pengikut bekas Al-Arqam ini masih lagi bergiat aktif mengamalkan fahaman apa yang dibawa oleh Al-Arqam itu sendiri. Adakah dengan kebebasan Ustaz Ashaari ini akan menjejaskan perpaduan umat Islam dan juga akan memecahkan perpaduan umat Islam dalam negara kita?.

Perkara keempat iaitu mengenai Tarekat dan fahaman Syiah. Fahaman Syiah dan juga kegiatan Tarekat sekarang ini telah banyak menular di institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan kita kerap kali telah diberitahu, dijelaskan oleh JAKIM bahawa begitu banyak sekali Tarekat di dalam negara kita. Apakah tindakan yang telah diambil oleh sama ada penaung atau penyebar-penyebar Tarekat atau fahaman Syiah ini telah diambil oleh JAKIM?

Perkara kelima, kita mengucapkan terima kasih kepada JAKIM dan kerajaan kerana telah memberikan elaun-elaun kepada imam. Namun begitu terdapat juga masalah di mana di dalam satu masjid tersebut telah diberikan tauliah tiga orang imam, tetapi untuk membolehkan dua orang imam sahaja mendapat elaun, satu temu duga telah diadakan. Maka gagallah seorang, merajuklah seorang. Saya mohon supaya jika kita memberi tauliah kepada tiga orang imam di sesebuah masjid tersebut, apalah salahnya kerajaan tetap memberikan elaun terhadap ketiga-tiga imam tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada belia dan sukan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana telah melancarkan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional yang mempunyai sebelas teras bagi memperkasakan golongan belia di negara kita. Apa yang saya hendak sentuh ialah tentang penggerak Rakan Muda yang telah diumumkan oleh Menteri Belia dan Sukan bahawa kita, Ahli-ahli Parlimen akan ditempatkan satu kawasan Parlimen, satu penggerak Rakan Muda dan setiap ADUN akan diberikan seorang bagi penggerak Rakan Muda. Namun begitu, apa yang terjadi di dalam kawasan saya, tidak ada penggerak Rakan Muda bagi pihak Ahli Parlimen, hanya diberikan kepada ADUN-ADUN sahaja tetapi apa yang malangnya, penggerak Rakan Muda bagi pihak ADUN juga dilantik bukan daripada kawasan Parlimen Kuala Krau itu sendiri. Oleh itu, bagaimanakah penggerak Rakan Muda untuk bergerak dengan berkesan? Mereka tidak tahu tentang latar belakang atau pemimpin-pemimpin belia kawasan, tidak mahu bergaul dan berinteraksi dengan belia kawasan?

Di dalam memperkasakan belia di dalam negara kita, Majlis Belia Malaysia, Majlis Belia Negeri dan Majlis Belia Daerah mempunyai tugas dan peranan yang sangat penting. Bagi setiap tahun, Majlis Belia Negeri telah mendapat peruntukan sejumlah RM25 ribu setahun dan Majlis Belia Daerah mendapat RM20 ribu setahun bagi menggerakkan dan memperkasakan lagi pergerakan belia. Selain itu, peruntukan bagi program pengupayaan persatuan belia berjumlah RM3 ribu setahun bagi 12 buah persatuan belia juga disalurkan melalui Majlis Belia Daerah. Masalahnya, bagaimana untuk memperkasakan persatuan-persatuan belia di kampung-kampung kalau Majlis Belia Daerah hanya wujud atas nama dan atas kertas sahaja. Setiap tahun, laporan aktiviti dan laporan tahunan dihantar kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri

sedangkan Majlis Belia Daerah tersebut sudah empat tahun tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan dan terdapat Ahli Jawatankuasa Majlis Belia Daerah tersebut telah meninggal dunia.

Majlis Belia Daerah juga tidak menganjurkan sebarang aktiviti sama ada kursus, seminar, perjumpaan dengan ahli-ahli persatuan belia di kampung. Apa yang menyedihkan, peruntukan pengupayaan persatuan belia itu yang disalurkan melalui Majlis Belia Daerah juga tidak sampai kepada persatuan belia yang berkenaan. Oleh itu, saya memohon supaya kementerian mengambil tindakan segera terhadap perkara ini dan langkah kementerian untuk menubuhkan Akta Pembangunan Belia sangat dialu-alukan dan ia perlu dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri juga telah mengumumkan bahawa bagi setiap satu Parlimen.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*].

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Apabila Yang Berhormat bercakap pasal belia-belia ini, hari ini ramai penuntut kita yang telah keluar daripada universiti tetapi tidak mempunyai peluang pekerjaan buat sementara ini. Mereka sedang berusaha, ada yang dua tahun dan tiga tahun yang masih lagi menganggur. Jadi, mungkinkah kita cadangkan kepada pihak kerajaan, kerana dahulu kerajaan telah memberi peruntukan di bawah belia niaga. Jadi, saya tidak tahu sama ada ia masih ada atau tidak. Jadi, apabila dahulu kita adakan belia niaga, belia-belia yang ingin berniaga diberi asuhan dan bantuan untuk mereka berniaga. Sebab itulah wujud, kita dapat lihat belia-belia yang berniaga – dahulu jual *burger* atau *hotdog* di kampung tidak ada. Belah Yan, orang-orang tua tengok *hotdog* pun dia geli, dia tidak mahu tambahan lagi mak long yang tua-tua ini lagi geli tengok *hotdog* [*Ketawa*] tetapi hari ini, belia-belia itu sudah berjaya. Ada yang sampai proses daging dan sebagainya kerana mereka ialah penjaja. Jadi apakah boleh kerajaan di dalam keadaan belia-belia yang berjaya dan berpendidikan ini tidak ada peluang pekerjaan, diberi peruntukan dan bimbingan untuk mereka berniaga kerana ini akan membantu mereka dan juga membantu kerajaan

mengurangkan tenaga-tenaga belia yang menganggur? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, saya sangat bersetuju. Cuma yang malangnya Yang Berhormat bagi Jerai, di kawasan saya semasa saya di bangku sekolah, itu yang terakhir saya tengok belia berniaga di kawasan saya. Saya teruskan, kompleks sukan komuniti juga telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk dibina bagi satu Parlimen dan juga bagi setiap DUN satu kompleks. Oleh itu saya memohon program ini dilaksanakan dengan segera supaya segala aktiviti belia dapat kita adakan di dalam kawasan kompleks sukan komuniti tersebut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya hendak tanya sedikit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasal hari itu saya tidak sempat hendak bercakap. Pasal peruntukan, Yang Berhormat, saya terima kasih kepada kerajaan, bagi satu Parlimen satu kompleks sukan. Tetapi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, dia bagi kompleks, tanah tidak bagi. Jadi, tanah hendak kena Kerajaan Negeri bagi. Macam sebelah Yan ini sudah tidak ada tanah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, peruntukan mai, projek tidak boleh buat. Rugi bajet itu.

Jadi, boleh atau tidak boleh, Yang Berhormat mencadangkan kepada Kementerian Belia dan Sukan ini bagi duit sekali dengan tanah, *land accusation* dan kita boleh buat bangunan. Kalau tidak peruntukan ada, bangunan tidak ada. Jadi, Yang Berhormat macam mana, setuju atau tidak dengan pandangan saya ini? Terima kasih, ya.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Sangat setuju! Belia dan penagih dadah - Kini terdapat seramai 255,725 penagih dadah di negara kita dan 70% adalah daripada golongan belia. Selain daripada penyalahgunaan dadah yang semakin meningkat sekarang ini, ada gejala dan perbuatan menghidu gam dan bahan-bahan khayal. Saya sangat berterima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat kerana isu menghidu gam yang saya telah timbulkan di dalam soalan jawab lisan saya pada 23 Mac 2005 yang lalu telah mendapat perhatian, terutamanya kepada Kementerian

Keselamatan Dalam Negeri, sebagaimana jawapan yang telah diberikan oleh Setiausaha Parlimen dan juga Yang Berhormat bagi Jasin tentang bahayanya kesan menghidu gam dan juga bahan khayal ini kepada kesihatan.

Daripada maklumat yang saya perolehi daripada AADK Temerloh, gejala menghidu gam ini boleh membawa kepada perbuatan membunuh dan juga mencederakan diri sendiri dan juga orang lain. Terdapat satu kes di mana penagih dadah dan juga penghidu gam ini telah bertindak membunuh bapa sendiri dan adik sendiri. Perbuatan menghidu gam ini juga telah melibatkan pelajar-pelajar sekolah dan golongan muda di bawah 30 tahun. Gam ini juga telah dijual dengan begitu mudah kepada pelajar sekolah dan juga golongan belia. Oleh itu, saya mencadangkan satu tindakan tegas mesti diambil oleh kementerian dan juga undang-undang bagi kita mengambil tindakan supaya dapat dibentangkan di dalam Parlimen Kesebelas ini.

Isu yang seterusnya ialah mengenai FELDA. Sejumlah RM400 juta setahun telah digunakan oleh FELDA bagi pengurusan dan FELDA juga telah memperuntukkan sejumlah RM25 juta untuk melatih generasi kedua bagi mempertingkatkan kemahiran di dalam pelbagai bidang. Kita mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada FELDA kerana bagi setiap seorang peneroka telah diberikan duit atau sumbangan bagi menyambut hari raya pada tahun yang lepas. Sejumlah RM150 juta telah diberikan untuk bekalan air di negeri Pahang dan juga kemudahan-kemudahan lain yang telah diberikan oleh FELDA selama ini.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, di Pahang sekarang ini terutama di kawasan saya yang mempunyai 14 buah rancangan FELDA telah begitu giat untuk menjalankan tanaman semula. Peneroka-peneroka telah diberikan bantuan sara hidup sejumlah RM500 sebulan dan dengan dipotong sejumlah RM250 sebulan setelah hasil dapat dikeluarkan. Soalnya, sara hidup sejumlah RM500 sebulan adalah tidak mencukupi untuk satu keluarga dan ianya di bawah tahap kemiskinan RM530 sebulan.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya sara hidup ini dinaikkan sehingga RM1,000 sebulan dengan potongan sejumlah RM500 sebulan setelah hasil dapat dikeluarkan pada ketika itu. Negeri Terengganu telah diumumkan untuk membina sebuah Universiti Darul Iman. Oleh itu, saya memohon pihak kerajaan dan juga FELDA bagi membina sebuah Universiti FELDA, terutamanya di negeri Pahang, iaitu di

kawasan Jengka di mana kawasan-kawasan FELDA begitu banyak sekali di kawasan Jengka tersebut. Ini sejajar dengan langkah Petronas menubuhkan sebuah universiti dan Tenaga Nasional Berhad juga telah menubuhkan sebuah universiti. Saya mohon supaya Universiti FELDA ini ditubuhkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila tamatkan.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Saya gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Pada sidang yang lalu saya telah membawa isu pembubaran Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dan DARA dan juga IADP di Pahang. Ini menimbulkan kerugian yang besar bagi negeri Pahang. Saya juga ada menulis kepada kementerian supaya Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka ini hendaklah ditubuhkan kembali, sama ada dengan nama yang baru atau mengekalkan nama yang lama. Asalkan pembangunan luar bandar dapat terus dilaksanakan. Apa yang menyedihkan jawapan yang saya terima kerana kerajaan malu untuk kita menubuhkan kembali atau berpatah balik bagi menubuhkan kembali Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka tersebut.

Semasa pembubaran Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka kerajaan telah berjanji segala peruntukan akan disalurkan kepada pejabat daerah atau di bawah jabatan-jabatan yang lain, tetapi ini tidak berlaku. Yang Berhormat bagi Jerai telah memaklumkan kepada saya bahawa KEDA telah memohon daripada kerajaan sejumlah RM300 juta dan telah mendapat sejumlah RM160 juta, tetapi malangnya bagi negeri Pahang dua lembaga wilayah telah dibubarkan. Oleh itu, saya memohon perhatian yang serius daripada pihak kerajaan bagi kita membangunkan terus di kawasan-kawasan di luar bandar.

Tentang projek jalan kampung dan *amenity* sosial. Baru-baru ini, kementerian telah memohon kepada perbandaran untuk menambah peruntukan bagi projek jalan kampung dan *amenity* sosial sejumlah RM200 juta. Oleh itu, saya memohon supaya permohonan tambahan ini dapat diluluskan dan ditambah kepada projek jalan kampung dan *amenity* sosial. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

6.56 ptg.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih di atas peluang yang diberikan bagi membolehkan saya turut serta dalam menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk membahaskan tiga perkara penting yang pada hemat saya merupakan isu yang menjadi agenda penting dalam proses pembangunan negara, iaitu:

- (i) memperkasa institusi sosial sebagai asas membangun masyarakat Malaysia;
- (ii) memperkasa integrasi nasional untuk memperteguh bangsa Malaysia; dan
- (iii) memperkemas program untuk mengurangkan pengangguran, khususnya di kalangan siswazah bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun kebelakangan ini kita sering kali dihadapkan dengan pelbagai ragam masalah dan kepingcangan sosial dalam masyarakat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan usia. Berita tentang pembunuhan, penyelewengan, perkosaan, ragut, mengugut, samseng, rompakan, penyalahgunaan dadah dan sebagainya sudah lumrah bahkan menjadi berita hairan yang biasa di sana sini dalam semua akhbar.

Masyarakat secara keseluruhannya pula seolah-olah terpaksa menerima realiti bahawa itulah suatu hakikat kehidupan yang lumrah ketika ini. Bahkan ada pihak yang bersikap defensif dan apati jika sesuatu berlaku di hadapan mata tanpa cuba untuk menghulurkan bantuan atau menghubungi pihak berkuasa, seolah-olah hal kamu, hal kamu, hal saya, hal saya, begitulah. Ini dipersulitkan lagi dengan wujudnya pelbagai stimulus dan rangsangan negatif sosial menerusi pelbagai peristiwa yang dipaparkan oleh media cetak dan elektronik.

Kalau dua puluh tahun dahulu isu hubungan seks luar nikah, rogol dan perkosaan diungkapkan oleh pelbagai institusi sosial dalam bentuk tragedi tetapi kini para remaja boleh menonton pelbagai adegan porno menerusi laman sawang atau

cakera padat haram. Ini bertambah parah apabila hubungan seks dilakukan secara rambang dan sukarela oleh segelintir remaja bohsian, bohsia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari semua pihak telah menjalankan tugas masing-masing untuk membendung masalah dan kepingangan sosial ini dari berleluasa. Pihak polis, sekolah, aktiviti sosial, institusi agama, Ahli Parlimen dan sebagainya telah merangka dan melaksanakan pelbagai kaedah dan aktiviti untuk menangani masalah dan kepingangan ini.

Kita mengucapkan syabas dan berharap usaha tersebut dapat diteruskan bahkan kalau boleh diperhebatkan lagi. Namun demikian *trend* dan hebahan berita yang kita tatap saban hari seolah-olah menunjukkan kepada kita betapa ianya seolah-olah tidak efektif, tidak berkesan bahkan seolah-olah tidak menampakkan impak yang golongan sasaran tidak terkesan. Ini ketara dalam konteks penyalahgunaan dadah yang suatu ketika dahulu majoritinya hanya golongan bumiputera. Hari ini semua kaum sudah ada duduk dan belajar di pusat serenti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat untuk merenung masalah dan kepingangan sosial ini dari perspektif yang seimbang, luruh dan responsif tanpa mencari-cari kesilapan siapa dan kerana apa. Masalah dan kepingangan sosial ini melanda seluruh lapisan masyarakat. Oleh itu ada baiknya kita berfikiran terbuka dan bertanya kenapa hal ini berterusan dan melanda bagai arus tsunami yang parah? Apa yang mendorong masalah ini berleluasa? Apakah sistem sosial yang ada kini sudah usang dengan adanya teknologi canggih yang boleh digunakan dengan mudah untuk dijadikan saluran memperkaya budaya hedonisme.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani masalah ini, saya ingin mencadangkan agar pembangunan sosial ini diberi perhatian yang lebih menyeluruh, serius dan diberi keutamaan. Alhamdulillah, *human capital* atau modal insan yang selalu disebut-sebut, yang selalu diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, harus dijadikan keutamaan sasaran waktu kini. Saya juga berharap semua pihak meneruskan misi bagi membendung gejala dan penyakit sosial ini secara tuntas dan lebih berkesan. Sehubungan itu, ada baiknya jika kita mengkaji keperluan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas di peringkat Kabinet untuk menangani masalah dan fenomena ini.

Pada hemat saya, isu sosial ini penting bahkan sama penting dengan pembangunan ekonomi. Jika di peringkat Kerajaan Pusat kita mempunyai Unit Perancang Ekonomi (*Economic Planning Unit*) dan di peringkat kerajaan negeri menerusi Unit Perancang Ekonomi ataupun *State Economic Planning Unit*, apakah tidak rasionalnya untuk kita menubuhkan pula di semua peringkat Unit Perancang Sosial pula. *So, the other side we have the Economic Planning Unit* dan di satu segi pula kita ada pula Unit Perancang Sosial. Ini cadangan saya supaya penekanan, pengkhususan dapat dibincangkan secara terperinci melalui unit ini.

Tidaklah hari ini kita bercakap soal-soal yang berhubung kait berkenaan dengan ekonomi sahaja, seolah-olah yang sosial ini kita ketepikan. Daripada saya sekali lagi saya tekankan dan saya tegaskan bahawa keperluan untuk menubuhkan Unit Perancang Sosial di semua peringkat – kebangsaan, negeri ini dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Pada hemat saya, tindakan susulan yang perlu kita lakukan merupakan petunjuk tentang keseriusan kita memahami dan menangani masalah dan penyakit sosial yang sedang melanda kini khususnya di kalangan belia dan generasi muda.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Kuala Pilah. Terima kasih kerana Kuala Pilah telah membangkitkan soal sosial di negara kita yang begitu berlarutan tanpa dapat dikawal lagi. Adakah Yang Berhormat fikirkan bahawa lambakan majalah-majalah di seluruh kedai-kedai di negara kita itu ada memberi kesan kepada remaja kita atau majalah-majalah tentang cerita yang memberangsangkan jalan ceritanya, gambar-gambar yang mengghairahkan yang dipaparkan di merata-rata majalah dan juga rancangan TV yang kurang ditapis. Kalau itulah sebabnya, setujukah atau tidak Yang Berhormat meminta agar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengkaji semula penerbitan majalah yang saya rasa memberi kesan yang negatif terhadap para remaja kita ketika ini. Pohon penjelasan ataupun komen daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap. Saya memang bersetuju dengan pandangan itu sebab lambakan buku-buku

yang begitu berleluasa sekarang ini sungguhpun adalah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tetapi sebagaimana yang saya sebutkan tadi, seelok-eloknya Unit Perancang Sosial ini akan bertanggungjawab sama untuk menyelaras, untuk memantau dan sebagainya. Walau bagaimanapun pandangan tersebut saya serahkan kepada kerajaan untuk memberi jawapan dan juga mengambil kira pandangan daripada Padang Terap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal isu perpaduan nasional. Perpaduan nasional merupakan salah satu elemen penting bagi kesejahteraan rakyat yang menjadi prasyarat ke arah kemajuan sosial dan ekonomi serta kestabilan politik yang berpanjangan. Perpaduan nasional sebenarnya tersiar di dalam falsafah Rukun Negara, seharusnya menjadi teras kepada seluruh dasar dan perancangan yang dilakukan di Malaysia, sama ada dasar pendidikan, pembangunan ekonomi, dasar sosial dan sebagainya.

Namun demikian, barangkali kerana tragedi 13 Mei telah lama berlalu, maka banyak pihak mengambil mudah persoalan dan kepentingan perpaduan nasional ini. Ini ketara di kalangan generasi muda dan khalayak politik yang mempunyai kepentingan jangka pendek. Oleh yang demikian, isu-isu perkauman dan sensitif yang telah kita maklumi sebagai pencetus sengketa perkauman sesekali diungkit dan dijadikan modal politik. Ada kalanya sebagai contoh, isu pendidikan dibangkitkan semula tetapi bukan dalam konteks membangunkan minda dan kemudahan pendidikan untuk kebaikan rakyat tetapi disaluti dengan semangat perkauman yang padat dan mem bakar. Barangkali inilah yang menjadi faktor utama sehingga usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan sistem pendidikan yang sama atas dasar perpaduan nasional seperti sekolah wawasan tidak begitu mendapat sambutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk mencari silap dan salah siapa. Itu juga akan mengundang dan menyemarakkan api sengketa tetapi marilah kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat merenung dan cuba untuk memikirkan masa depan generasi mendatang 20 tahun atau 50 tahun ke hadapan. Apakah rupa bentuk masyarakat Malaysia yang kita impikan? Sehubungan itu saya ingin mencadangkan agar isu perpaduan nasional ini dibahaskan dalam konteks yang lebih komprehensif dengan mengambil kira kepentingan nasional tanpa menafikan hak

golongan dan kaum tertentu. Perkara pokok seperti status agama Islam sebagai agama rasmi dan kepentingan bumiputera perlu dihormati dan dijadikan teras.

Saya juga ingin mencadangkan agar dialog dan muzakarah berterusan diadakan pada seluruh lapisan masyarakat dari peringkat sekolah hingga kepada institusi sosial lain. Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang ditubuhkan baru-baru ini mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara adalah forum terbaik untuk tujuan ini. *Public hearing* ataupun pendengaran umum yang akan diadakan nanti di seluruh negara, seharusnya dijadikan medan untuk dicurahkan segala idea baru dan bukannya mencari kesalahan orang lain sahaja. Para ilmuan dan pemimpin masyarakat yang mempunyai kefahaman yang mendalam dalam isu ini harus tampil ke hadapan menerajui muzakarah ini dengan matlamat untuk memperkasakan lagi perpaduan nasional. Kita juga memerlukan kerjasama pihak media milik kerajaan dan swasta untuk turut sama menanam bibit-bibit perpaduan nasional agar apa yang terjalin kini boleh dipererat dan dipertautkan.

Public hearing yang dihadapi oleh Jawatan Kuasa Pilihan Khas ini rakyat harus mengambil kesempatan untuk sama-sama ke depan memberikan pandangan secara ikhlas. Sama ada secara lisan, tulisan dan sebagainya. Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah. Mengenai perpaduan nasional, saya akan balik kepada sekolah wawasan yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi. Seperti yang kita sedia maklum, konsep sekolah wawasan ini memang secocok ataupun selari dengan dasar kerajaan untuk memupuk perpaduan nasional. Tetapi ada sesetengah pihak mereka *concern*, dengan izin bahawa konsep dia boleh diterima oleh umum. Tetapi mereka bimbang mengenai implementasi sekolah wawasan demi untuk perpaduan nasional. Saya minta penjelasan sedikit mengenai proses implementasi ini. Bolehkah Yang Berhormat mencadangkan kerajaan apakah tahap ataupun proses implementasi yang baik demi untuk perpaduan nasional. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat terus jawab dan kemudian tamatkan.

Datuk Haji Hassan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Puchong, dasar satu sebab, implementasi satu sebab. Dasar kerajaan hari ini semuanya rata-rata sesuatu yang baik, yang begitu komprehensif dan sebagainya. Pelaksanaan inilah sebenarnya yang selalu kita kadang-kadang kita menyalah faham

pelaksanaan ataupun pihak-pihak lain yang turut sama dalam mengertikan pelaksanaan ini. jadi dalam sebab ini Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan balik pada usul saya tadi supaya kalau ada pihak-pihak yang memikirkan ini ada sesuatu yang boleh membantu ke arah perpaduan nasional tadi, bolehlah datang tampil ke depan melalui *public-public hearing* yang akan diadakan oleh Jawatankuasa ini untuk kita mengambil pandangan tersebut dan untuk kita sama-sama kita kaji.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengangguran khususnya di kalangan siswazah sudah banyak diperkatakan oleh pelbagai pihak. Pengangguran dalam konteks ekonomi membawa pengertian yang lebih parah berbanding konteks sosialnya. Hal ini perlu difahami oleh semua pihak. Namun demikian, gesaan dan cadangan agar para siswazah tidak terlalu memilih pekerjaan semata-mata bukanlah penyelesaian yang mantap. Adalah kurang tepat, jika seseorang siswazah dilatih sebagai juru analisa sistem komputer diminta dan dianjurkan untuk tidak memilih pekerjaan dan bersedia untuk menjadi petani moden ataupun kontraktor binaan.

lanya membazir wang rakyat kerana bantuan kewangan semasa belajar dalam jurusan sains komputer dan penyelidikan pelbagai kemudahan lain. Usaha untuk mengadakan kursus-kursus kemahiran khas pasca siswazah juga boleh ditanggapi sebagai kelemahan sistem pengajian tinggi yang tidak begitu berjaya menyediakan kemahiran yang diperlukan oleh siswazah, *mismatch* yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar pihak Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi mengadakan kajian dan melaksanakan sistem yang tidak begitu *rigid* dari segi pemilihan mata pelajaran di segenap peringkat.

Di negara-negara maju terutamanya di Eropah dan Amerika Syarikat pelajar diberi kebebasan untuk memilih mata pelajaran selain daripada mata pelajaran teras yang hanya kira-kira 40% daripada apa yang sepatutnya dipelajari sepanjang pengajian. Ini bermakna 60% mata pelajaran lagi adalah sesuai dengan minat, kecenderungan atau perancangan kerjaya para pelajar berkenaan. Di samping itu, saya juga berharap agar para pelajar di beri kebebasan untuk memilih mata pelajaran yang ditawarkan secara bersama oleh IPTA, IPTS dengan institusi yang menawarkan kemahiran dan persijilan khas seperti sijil kemahiran dalam perakaunan, kawalan peralatan-peralatan mekanikal,

pengurusan alam sekitar dan sebagainya. Ini bermakna institusi kemahiran dan persijilan khas perlu bekerjasama dengan IPTA dan IPTS dengan lebih akrab ke arah berkongsi pintar bagi membolehkan para siswazah mendapat lesen untuk menceburi sesuatu kerjaya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga ingin mencadangkan agar skim pelajar bekerja diberi penekanan yang lebih bagi membolehkan pelajar menimba pengalaman sebelum menamatkan pengajian. Di kebanyakan negara Eropah misalnya adalah menjadi kebiasaan bagi pelajar mengikuti program penempatan kerja bukan sahaja dalam negara tetapi di benua lain untuk mengikuti latihan bekerja selama setahun atau lebih di pelbagai agensi. Sepanjang masa latihan tersebut peruntukan disediakan untuk membolehkan mereka mendapat elaun penempatan kerja. Hal ini telah pun dijalankan sebagai contoh di antara beberapa buah universiti di Denmark. Terutamanya Universiti *Technical Denmark* dan Universiti 'Alburg' dengan kerjasama Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Asli di Pasai, di UTM Skudai sejak tahun 1999 lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan menyokong usul daripada Yang Berhormat bagi Dungun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bentong.

7.16 malam

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Sri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung. Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang harga minyak dunia terus meningkat. Pada tahun 2000 harga minyak setong hanya lebih kurang USD29 dan pada hari ini sudah meningkat kepada USD54. Apabila harga minyak meningkat, maka ia akan memberi banyak kesan kepada negara kita terutamanya dari segi subsidi diesel yang runcing kita bincangkan pada hari ini. Harga diesel yang mempunyai perbezaan besar di antara daripada minyak stesen dengan harga industri telah menyebabkan kerajaan mengambil tindakan tegas untuk memastikan bahawa subsidi minyak diesel ini dapat kita jimatkan dan kita dapat pastikan kekurangan penyelewengan.

Saya menjunjung tinggi usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana telah mengambil tindakan dan penguat kuasa yang tegas untuk

memastikan bahawa penyelewengan tidak berlaku dan memastikan dengan adanya kawalan yang ketat kita dapat mengurangkan, menjimatkan lebih kurang RM620 juta. Tuan Yang di-Pertua, semasa kita menjalankan usaha ini, saya ingin menarik perhatian Kementerian agar jangan kita menyusahkan para pengguna. Ada terdapat banyak aduan bahawa para pengguna yang menggunakan diesel terpaksa berbaris dan juga membazirkan masa untuk mendapatkan minyak diesel.

Kita memang faham dan Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini akan terus memberi sokongan penuh kepada kementerian untuk menjalankan penguatkuasaan, tetapi kita jangan memudaratkan para pengguna. Oleh itu, sistem kuota yang digunakan pada hari ini perlulah dikaji balik untuk mendapatkan satu sistem yang lebih efektif, yang lebih sempurna untuk memastikan bahawa penyelewengan yang sewenang-wenangnya tidak berlaku berleluasa dalam negara kita. Saya ingin cadangkan beberapa cara untuk perbincangan dengan kementerian agar kementerian dapat mengambil langkah-langkah yang seterusnya. Salah satunya ialah kita ingin mencadangkan kepada Kementerian untuk mengelakkan penyelewengan, kita minta Kementerian mewarnakan minyak diesel yang dihantar ke stesen-stesen dengan warna-warna yang lain berlainan dengan minyak diesel di industri.

Seperti mana yang kita sedia maklum diesel industri harganya lebih kurang RM1.70 dan harga diesel di stesen ialah RM0.88. Itu satu perbezaan yang besar. Pada masa sekarang apabila kita dapat menangkap industri yang menggunakan minyak diesel daripada stesen, kita terpaksa menjalankan siasatan.

Tetapi sekiranya kita dapat menggunakan warna untuk membezakan minyak diesel daripada stesen dengan minyak diesel daripada industri, maka apabila kita dapat menangkap pengguna-pengguna industri yang menggunakan minyak diesel warna daripada minyak stesen biasa, maka siasatan dapat dipercepatkan dan tangkapan dapat diperkemas.

Cara ini pernah dijalankan pada awal tahun 80-an, perkara yang sama berlaku apabila harga minyak dunia meningkat pada masa itu dan menyebabkan banyak penyelewengan minyak diesel dalam negara kita dan kerajaan juga pernah menggunakan cara yang sama untuk mewarnakan diesel-diesel yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang kedua iaitu kereta atau lori-lori dari luar negara yang masuk dari Thailand dan Singapura, kita hadkan dan pastikan ia diisi setengah tangki ataupun tidak melebihi setengah tangki apabila mereka keluar daripada negara kita untuk mengelakkan lori-lori ini menyeleweng dan menyeludup diesel-diesel negara kita ke luar negara.

Cadangan yang ketiga ialah kita perlu kaji balik sistem ini sama ada kita boleh gunakan rebet bagi pengguna kita. Seperti mana kita sedia maklum, kita memberi subsidi diesel adalah untuk penduduk kita yang miskin ataupun untuk mengurangkan kos perjalanan ataupun *transport industry* negara kita. Oleh itu adakah kita bercadang untuk memberi rebet kepada industri-industri yang berkenaan, yang menggunakan diesel ini dan ini secara langsung dapat kita terus sasarkan pengguna-pengguna yang sebenarnya, bukan seperti pada masa sekarang semua orang boleh pergi ke *pump station* untuk mengisi diesel masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada topik yang lain iaitu berhubung dengan sektor pertanian. Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sektor pertanian akan dijadikan satu sektor yang penting untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kita semua sedia maklum bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan sektor pertanian hanya memberi sumbangan lebih kurang 1% hingga 2% terhadap pertumbuhan ekonomi negara kita.

Perdana Menteri kita telah pun menyarankan bahawa sektor pertanian boleh dijadikan satu sektor yang penting untuk menjana ekonomi negara, lebih-lebih lagi dengan adanya sekarang teknologi moden dan juga *biotech* dan kita harap apabila didorong dengan teknologi moden ini pertumbuhan ekonomi dapat dijana melalui sektor pertanian.

Cadangan kerajaan untuk mensasarkan sumbangan sektor pertanian sebanyak 6% hingga 7% pertumbuhan ekonomi negara adalah merupakan satu cabaran yang besar kerana apabila kita hendak tingkatkan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara sebanyak lebih kurang 3% hingga 4%, maka saya yakin kerajaan perlu memberikan peruntukan yang amat besar kepada sektor pertanian ini.

Oleh itu saya berharap peruntukan yang besar kepada sektor pertanian ini dapat digunakan sebaik-baiknya supaya dapat kita pastikan bahawa peruntukan ini dapat

memberikan hasil dan juga anjakan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dalam hubungan ini saya ingin menghuraikan beberapa cabaran yang perlu diatasi oleh kerajaan kita agar dapat memastikan bahawa sektor pertanian ini boleh dijadikan sebagai penjana ekonomi yang negara utama.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran yang pertama yang saya ingin bincang di sini ialah dari segi penggunaan teknologi tinggi dan *biotech* dalam sektor pertanian. Kita sedia maklum bahawa dalam alaf baru *biotech* dan juga teknologi tinggi sudah menjadi satu trend yang tidak dapat dielakkan. Contohnya di Cameron Highlands, kita menghasilkan tomato lebih kurang 15 kilogram tomato satu meter persegi tetapi di Holland, di kawasan yang sama satu meter persegi dia boleh menghasilkan 50 kilogram dengan menggunakan teknologi yang baru.

Oleh itu kita faham bahawa melalui teknologi yang moden, kita dapat meningkatkan hasil kita berlipat-ganda. Kita perlu pastikan petani-petani kita mendapat maklumat-maklumat terkini dalam bidang teknologi pertanian dan perladangan. Kita perlu pastikan bahawa Jabatan Pertanian sekarang bukan sahaja menjalankan penguatkuasaan, tetapi sepatutnya menjadi agensi yang dapat memainkan peranan dalam menyalurkan maklumat-maklumat terkini dan membantu petani-petani kita.

Oleh itu adalah wajar kerajaan menganjurkan seminar, ceramah-ceramah dan mencetak *leaflets* untuk petani-petani. Pegawai-pegawai FAMA dan juga pegawai-pegawai pertanian perlu memastikan bahawa semua maklumat terkini dapat disalurkan dengan berkesan kepada petani.

Kita memahami bahawa banyak petani di peringkat daerah, di peringkat akar umbi tidak mempunyai kemahiran dari segi pengurusan kawalan makhluk perosak, kita tidak mempunyai kemahiran dari segi pengetahuan *pesticide* dan juga kemahiran dari segi *post harvest handling*, dengan izin. Saya yakin bahawa pegawai-pegawai pertanian dapat memastikan bahawa perkara ini dapat diatasi. Saya juga ingin mencadangkan bahawa MARDI sebagai satu agensi yang telah menjalankan banyak kajian perlu mengadakan kajian ke atas penggunaan dan pengurusan baja, *pesticide*, racun makhluk perosak dan juga *post harvest handling*.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 40 tahun yang lalu kewujudan FAMA telah banyak melaksanakan fungsi pembangunan pemasaran tempatan, tetapi sudah tiba masanya

dalam alaf baru ini fungsi FAMA adalah lebih mencabar. FAMA perlu memainkan peranan penting dan aktif untuk memasarkan hasil tani kita di luar negeri. Kita sering ke luar negeri melihat bahawa hasil-hasil tani yang melambak di Jepun dan Korea, apabila kita lihat semuanya hasil tani daripada negara Thailand dan kita rasa sedih bahawa mana perginya hasil tani kita – durian kita, rambutan kita, manggis kita dan banyak lagi hasil-hasil tani kita tidak dapat dipasarkan di luar negeri.

Oleh itu kita harap FAMA dapat pilih produk-produk premium negara kita dan kita dapat mengenal pasti hasil-hasil ini dapat dipasarkan di *premier market* dan kita dapat mengenal pasti pasaran-pasaran baru di dunia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran yang kedua yang perlu kita atasi ialah dari segi kos pembangunan tanah dan juga tempoh tanah pertanian yang ada sekarang. Kita semua sedia maklum bahawa banyak tanah pertanian yang ada sekarang adalah yang diselenggarakan oleh petani kita adalah tanah TOL. Tempoh tanah yang singkat ini memberi banyak kerumitan dan kesusahan kepada para petani. TOL perlu diperbaharui setiap tahun. Tanah TOL ini tidak dapat digunakan untuk pinjaman bank. Tanah TOL ini memerlukan prosedur pembaharuan yang merumitkan dan merunsingkan.

Oleh itu setiap tahun kita lihat para petani tidak dapat merancang dari segi jangka panjang untuk menghasilkan hasil-hasil tani yang baik. Dalam hubungan ini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa Kerajaan Persekutuan perlu berbincang untuk mewujudkan satu jawatankuasa khas bersama dengan kerajaan negeri untuk menguruskan tanah-tanah TOL pertanian yang ada sekarang.

Semua tanah TOL pertanian perlu diberi perhatian dan keutamaan dari segi bantuan dan juga memanjangkan tanah-tanah tersebut. Kerajaan perlu arahkan bank yang ada sekarang terutamanya bank pertanian yang diwujudkan khas untuk menerima tanah TOL sebagai cagaran. Kalau kita tidak dapat selesaikan tanah TOL ini, maka bank juga tidak dapat memberi pinjaman kepada petani-petani kita.

Untuk membolehkan petani kita merancang dan juga menghasilkan lebih banyak hasil daripada tanah sedia ada, maka saya rasa Bank Pertanian ataupun bank perlu menerima tanah TOL sebagai satu kemudahan kredit.

Keduanya kerajaan juga perlu dapat berbincang dengan kerajaan negeri untuk memberikan tempoh TOL ini dengan lebih panjang, contohnya 10 tahun hingga 30

tahun. Sekiranya kerajaan negeri dapat memastikan bahawa tanah-tanah TOL ini diberikan tempoh yang lebih lama, contohnya untuk tanaman kontan untuk lebih kurang 10 tahun ataupun 20 tahun, maka saya yakin penggunaan tanah ini akan lebih berhasil lagi dan masalah seperti yang timbul di Ulu Yam, Selangor itu tidak akan berlaku.

Saya yakin Kerajaan Pusat apabila ingin melihat sektor pertanian menjadi satu sektor yang penting, maka isu tanah ini perlu diselesaikan dengan secepat mungkin. Kerajaan juga perlu mengkaji untuk memberi insentif kepada petani-petani untuk meningkatkan daya saing. Kita hendak tingkatkan daya saing, kita hendak kurangkan kos petani-petani kita.

Contohnya, kita memberi cukai jalan percuma kepada petani-petani menggunakan jentolak, menggunakan lori dan kenderaan yang di dalam ladang-ladang, mereka kita berikan cukai yang percuma. Kita juga memberi rebet ataupun insentif dari segi bahan diesel, petrol dan ini semua akan dapat memberi dorongan kepada petani kita untuk bercucuk-tanam. Salah satu lagi infrastruktur yang penting ialah jalan-jalan ke ladang-ladang kita.

Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan masuk ke ladang banyak yang rosak dan ada yang amat berbahaya, ada yang curam dan juga licin. Jalan-jalan yang rosak sekarang dalam ladang adalah diselenggarakan oleh petani sendiri. Oleh itu saya cadangkan bahawa kerajaan ataupun Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil alih usaha ini untuk kita membaiki dan menyelenggarakan jalan-jalan ladang kita. Apabila kita dapat memastikan bahawa jalan ini diperbaiki dengan baik, maka hasil-hasil dalam ladang dapat dikeluarkan dengan cepat dan kita dapat nikmatnya.

Satu lagi dari segi air. Air yang digunakan di ladang sekarang kebanyakannya air sungai ataupun air daripada tanah bukit tinggi dan kebanyakannya selalu berlaku semasa musim kemarau, maka tidak mempunyai air yang cukup dan juga kadang-kadang mempunyai pembangunan yang tidak tersusun, maka banyak pencemaran air berlaku di kawasan-kawasan pertanian.

Oleh itu kita cadangkan bahawa empangan-empangan yang bersesuaian dan empangan-empangan yang besar perlu dibina untuk mengelakkan air tercemar dan memastikan air yang berterusan dapat disampaikan kepada para petani kita. Kita yakin

juga kerajaan boleh memberi tarif elektrik yang lebih murah kepada para petani dan ini akan memudahkan mereka untuk mendapatkan tenaga elektrik yang murah.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran yang ketiga yang perlu diatasi sekarang ialah dari segi penjagaan tanah daripada hakisan dan juga tanah runtuh. Kita tahu bahawa banyak pertanian dijalankan di pinggir bukit, di tanah tinggi dan di tanah bukit. Petani-petani kita suka membuka tanah dan juga meratakan tanah untuk bercucuk-tanam untuk mendapatkan kawasan yang luas, tetapi saya rasa satu panduan yang lebih terperinci perlu disediakan untuk petani-petani kita agar melalui *land conservation method* yang berkesan untuk memastikan bahawa tanah-tanah tinggi ini dijaga dengan baik.

Kita tahu apabila tanah tinggi dipotong ataupun diratakan, ia bukan sahaja meningkatkan kos malah merosakkan persekitaran kita. Kita perlu *cultivate* pinggir-pinggir bukit kita dengan baik dan dengan ini bukan sahaja kita dapat bercucuk tanam dengan selesa bahkan hasilnya akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila tamatkan ucapan.

Dato' Liow Tiong Lai: Ya, saya gulung.

Cabaran yang keempat ialah dari segi bahan dan benih tanaman yang ada sekarang. Kita tahu bahawa benih dan *variety* yang sama selalu digunakan sepanjang tahun ataupun sepanjang musim. Kita perlu mendapat benih-benih yang baik sama ada dari dalam negeri mahupun dari luar negeri. Malangnya banyak syarikat ataupun negara luar tidak mahu menghantar benih yang baik kepada negara kita kerana negara kita masih lagi tidak mempunyai akta untuk mengawal dan melindungi pemilik-pemilik benih tersebut.

Oleh itu saya berharap kerajaan dapat melaksanakan dan mempercepatkan pelaksanaan *Breeders Right Law* dan saya yakin apabila kita dapat memberikan satu suasana yang lebih baik dalam negara kita ini, hasil tani dalam negara akan terus meningkat.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan kita untuk meningkatkan hasil negara kita, salah satu sektor yang penting ialah ICT. ICT perlu kita terus tingkatkan. Kalau kita lihat hasil negara kita memang tidak dapat meningkat sepanjang dua atau tiga tahun ini. Oleh itu bidang ICT perlu diperkembangkan.

Pagi ini saya ada bertanya berhubung dengan talian telefon dalam negara kita dan sedih kita lihat bahawa talian tetap yang disediakan dan yang digunakan oleh negara kita sekarang hanyalah lebih kurang 17% sahaja. Oleh itu saya berharap kerajaan mengambil berat tentang perkembangan ICT negara kita, pastikan bahawa *broadband* dan semua bidang bersangkut dengan ICT ini dapat diperkembangkan dan diperkemaskan dengan cepat.

Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masanya sudah cukup dan saya menangguhkan Mesyuarat kita pada hari ini dan akan disambung semula pada hari Isnin, 4 April 2005 pada jam 10.00 pagi. Ahli Yang Berhormat, saya ucapkan selamat pulang ke rumah masing-masing.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.37 malam.

21 Mac 2005

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP.** (Pasar Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) - UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji** Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN

21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tajah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ **Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO**
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN

22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRIS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP

-
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
 31. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
 32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
 33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
 34. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
 35. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
 36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
 37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
 38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
 39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
 40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
 41. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
 42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
 43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
 44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
 45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
 46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
 47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
 48. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
 49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
 50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
 51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
 52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
 53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
 54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
 55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
 56. “ Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
 57. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
 58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
 59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
 60. “ Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
 61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
 62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
 63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
 64. “ Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA

-
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
- 88.** “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
- 90.** “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP

-
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin
Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI
Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK
Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Cik Lee Jing Jing

PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK
Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN
Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

BENTARA MESYUARAT
Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER
Zunaini bt. Mohd Salleh
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Siti Rohaini bt. Roslan
Mohamad Faizal bin Harun
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh
Zaini Azlina bt. Zawawi